

Jilid I  
Bil. 90



Hari Rabu  
18hb November, 1987

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 14877]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1988**

**Jawatankuasa—**

**Jadual:**

**Maksud B.19 [Ruangan 14936]**

**Maksud B.20 [Ruangan 14980]**

**Maksud B.21 hingga B.24 [Ruangan 15003]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1988**

**Jawatankuasa—**

**Maksud P.19 [Ruangan 14936]**

**Maksud P.20 [Ruangan 14980]**

**Maksud P.21 [Ruangan 15003]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jertun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- ' Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- » Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. Au, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parhmen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PEIHR CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN Gooi HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISHAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, p.j.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang),
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* Tiu SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

Yang Berhormat PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof,

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 18hb November, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****BAHASA KEBANGSAAN DI  
PAPAN TANDA**

**1. Tuan Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Penguasa Tempatan kepada firma yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan di papan tanda perniagaan mereka;
- (b) berapa banyak firma yang diambil tindakan kerana tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan di papan tanda perniagaan mereka, dan apakah bentuk tindakan undang-undang kerana perkara tersebut; dan
- (c) sudahkan usaha-usaha dibuat oleh pihak berkuasa tempatan bagi mengelakkan pencemaran Bahasa Kebangsaan yang ditulis di papan tanda perniagaan dan sebagainya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang telah diambil mengikut Undang-undang Kecil yang

berkaitan untuk Penguasa-penguasa Tempatan ke atas firma-firma yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan di papan tanda perniagaan mereka ialah seperti berikut:

- (i) menolak permohonan lesen iklan jika didapati tidak memenuhi syarat-syarat penggunaan Bahasa Kebangsaan seperti disyaratkan;
- (ii) mengeluarkan notis kepada firma-firma yang berkenaan untuk mengumpulkan mana-mana papan tanda iklan yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan betul;
- (iii) mengambil tindakan mengkompaun terhadap firma-firma sekiranya papan tanda iklan yang digunakannya tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan dengan betul; dan
- (iv) sekiranya firma-firma enggan mematuhi tindakan kompaun dikeluarkan, maka tindakan mahkamah akan diambil.

(b) Bilangan firma-firma yang diambil tindakan kerana tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan di papan tanda iklan dengan betul ialah sebanyak 26 kes. Bentuk tindakan undang-undang yang diambil oleh Penguasa Tempatan adalah seperti berikut:

- (i) menyaman firma-firma berkenaan;
- (ii) mengeluarkan notis kompaun; dan

(iii) sekiranya firma-firma berkenaan enggan membayar kompaun, maka tindakan mahkamah diambil.

(c) Di antara usaha-usaha yang diambil oleh Penguasa-penguasa Tempatan untuk mengelakkan pencemaran Bahasa Kebangsaan di papan-papan tanda iklan ialah seperti berikut:

- (i) mengadakan dialog dengan firma-firma, pekedai-pekedai dan pembuat-pembuat tanda iklan supaya Bahasa Kebangsaan yang digunakan dalam papan tanda iklan itu adalah betul;
- (ii) memberi maklumat kepada pemohon-pemohon lesen papan tanda iklan tentang penggunaan Bahasa Kebangsaan dengan betul;
- (iii) mengeluarkan surat-surat pekeliling dari masa ke semasa kepada pihak-pihak yang berkenaan ke atas perkara ini;
- (iv) menghubungi Pejabat Pendaftaran Syarikat-syarikat untuk memberi penerangan kepada pemohon-pemohon berhubung dengan penggunaan Bahasa Kebangsaan secara betul;
- (v) melampirkan syarat-syarat yang mesti dipatuhi kepada surat-surat kelulusan lesen papan tanda iklan;
- (vi) memastikan bahawa pemasangan papan tanda-papan tanda iklan dilakukan hanya setelah kelulusan diperolehi terlebih dahulu; dan
- (vii) menguatkuasakan Undang-undang Kecil Iklan dengan sepenuhnya.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan papan tanda perniagaan ini, kita sedia maklum bahawa Undang-undang Kecil itu berbeza dari satu tempat ke tempat yang lain dan oleh sebab itu timbul masalah penafsiran secara sewenang-wenangnya.

Saya ingin mengetahui apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menstandardisekan semua Undang-undang Kecil itu untuk mengelakkan masalah penafsiran secara sewenang-wenang itu.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Penguasa-penguasa Tempatan dan syarat-syarat yang berlainan di dalam Undang-undang Kecil Iklan itu dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan buat masa ini sedang menggubal dan mendapat persetujuan Majlis Kebangsaan, Kerajaan Tempatan untuk mengadakan satu Undang-undang Kecil Iklan yang seragam bagi seluruh negara.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Merujuk kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebanyak 26 kes dihadapkan ke mahkamah bagi mereka yang tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan di papan tanda perniagaan mereka. Dari jumlah 26 kes itu, saya ingin tahu bagaimanakah penyelesaian terhadap kes-kes tersebut, berapakah denda yang diperolehi dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan satu undang-undang yang lebih berat, lebih ketat lagi terhadap mereka yang tidak menggunakan penggunaan Bahasa Kebangsaan ini.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, daripada maklumat yang diterima oleh Kementerian saya tentang 26 kes, semua kes ini telah diselesaikan selepas Penguasa-penguasa Tempatan mengambil

tindakan, khususnya melalui surat dan amaran secara lisan untuk menukar papan tanda iklan yang tersebut. Kes-kes itu telah selesai dan papan tanda telah dibetulkan.

Sukalah saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan yang sedia ada dalam Undang-undang untuk mengenakan denda adalah mencukupi, iaitu sesiapa yang melanggar peruntukan yang sedia ada boleh didenda tidak lebih daripada \$2,000, atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun, atau denda dan penjara keduanya, maka dapati peruntukan yang sedia ada mencukupi.

### PESAKIT JIWA

**2. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) jumlah wad-wad pesakit jiwa dan pesakit jiwa di seluruh negara serta nisbahnya;
- (ii) adakah Kementerian mempunyai cukup bilangan doktor untuk merawat pesakit-pesakit jiwa. Apakah rancangan Kementerian bagi melahirkan lebih ramai lagi pakar dan doktor-doktor sakit jiwa;
- (iii) adakah Kementerian menyedari bahawa berapa buah hospital di Malaysia seperti Hospital Kuala Terengganu dan lain-lain hospital tidak mempunyai pakar jiwa yang khusus untuk merawat pesakit jiwa, kiranya sedar apakah tindakan Kementerian;
- (iv) apakah langkah dan tindakan Kerajaan untuk mengurangkan kesesakan yang agak ketara dan mewujudkan keselesaan di wad-wad sakit jiwa di hospital-hospital Malaysia; dan

- (v) adakah Kerajaan bercadang menambahkan rumah-rumah sakit jiwa yang berasingan dengan rumah sakit yang ada sekarang memandangkan berlakunya pelbagai gangguan bunyi dan perbuatan oleh pesakit-pesakit jiwa terhadap pesakit-pesakit lain serta menyedari rumah-rumah sakit jiwa yang ada (seperti di Tampoi dan Tanjung Rambutan) tidak dapat menampung sepenuhnya jumlah pesakit jiwa yang semakin bertambah.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban);** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Jumlah katil bagi rawatan pesakit jiwa di seluruh negara ialah 6,335 buah. Sebanyak 5,670 buah daripada katil-katil ini adalah ditempatkan di empat buah institusi-institusi khas yang mempunyai sebanyak 126 wad kesemuanya dan yang lainnya diagihkan kepada lain-Lain hospital besar dan hospital daerah yang mempunyai bilangan katil di antara 20 buah sewad kepada 50 buah sewad.

Jumlah pesakit-pesakit yang menjalankan rawatan pesakit dalam pada tahun 1986 ialah 26,423 orang. Nisbah di antara bilangan katil dengan bilangan pesakit bagi seluruh negara ialah 1:4.17 iaitu 1 katil digunakan oleh 4.17 pesakit dalam secara purata sepanjang tahun 1986.

- (ii) Rawatan bagi pesakit-pesakit jiwa boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai perubatan, pakar-pakar perubatan am dan pakar-pakar perubatan jiwa. Pada masa sekarang Kementerian Kesihatan mempunyai sebelas orang Pakar Perubatan

Jiwa. Di samping itu, 26 orang Pegawai Perubatan sedang menjalani kursus ijazah tinggi dalam bidang perubatan jiwa di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia dan dijangka akan menamatkan kursus mereka menjelang tahun 1990/1991. Dengan ini, Kementerian Kesihatan akan dapat mempertingkatkan lagi bilangan pakar-pakar perubatan jiwa di negara kita.

(iii) Kementerian sedar ada beberapa buah hospital termasuk Kuala Terengganu, Alor Star, Kuantan, Klang dan lain-lain yang tidak mempunyai tenaga kepakaran dalam penyakit jiwa. Langkah-langkah untuk menempatkan doktor-doktor apabila pegawai yang di dalam latihan tamat kursus akan diambil. Buat sementara waktu, Pakar Perubatan Jiwa dari Hospital Besar di Negeri-negeri berhampiran menjalankan klinik kepakaran di hospital-hospital tersebut dari masa ke semasa secara regular.

(iv) Untuk mengurangkan kesesakan, pesakit-pesakit psikiatri digalakkan menerima dan mengambil rawatan di hospital yang paling berhampiran dengan tempat kediaman mereka. Untuk tujuan ini, pesakit-pesakit jiwa yang didapati pulih selepas menerima rawatan di hospital sebagai pesakit luar atau dalam adalah digalakkan untuk pulang ke rumah. Mereka boleh mendapatkan rawatan secara ulangan di hospital-hospital atau klinik-klinik yang berhampiran. Pegawai dan kakitangan hospital-hospital daerah atau klinik kesihatan

telah diberi latihan untuk mempertingkatkan lagi kemahiran mereka supaya dapat memberikan rawatan kepada pesakit-pesakit seperti yang diarahkan. Kemudahan-kemudahan di beberapa hospital juga dibaiki supaya menjadi keadaan lebih selesa.

(v) Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk mewujudkan yaysan seperti Hospital Bahagia ataupun Hospital Permai di masa akan datang. Ini adalah difikirkan tidak perlu. Malahan Kementerian Kesihatan bercadang hendak menubuhkan unit atau jabatan psikiatri secara berasingan dalam kawasan di setiap hospital besar dan beberapa hospital daerah di seluruh negara kita dan melibatkan keluarga serta masyarakat dalam pengendalian kes-kes.

Penempatan pesakit jiwa di dalam wad-wad am, yang membangkitkan kerumitan kepada pesakit-pesakit lain sedang diberhentikan secara berperingkat. Dengan cadangan ini, pesakit-pesakit jiwa dapat menerima rawatan yang berhampiran dengan tempat kediaman mereka dan keluarga pesakit-pesakit itu dapat melibatkan diri dalam rawatan dan pemulihan pesakit-pesakit itu.

**Tuan Hashim bin Safin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada atau tidak kes-kes di mana doktor, jururawat ataupun kakitangan di hospital yang mengidap penyakit jiwa kerana terlampau bermasalah ataupun lama bekerja di satu-satu wad pesakit jiwa. (*Ketawa*)

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu tidak.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat di negara ini dan di kampung-kampung bahawa ada pakar sakit jiwa tempatan tradisional. Adakah pihak Kementerian sedar keadaan ini? Dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya tenaga mereka ini dan kepakaran mereka ini digunakan oleh pihak Kerajaan?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan tenaga orang-orang seperti ini. Saya juga tahu ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat juga yang boleh merawat ini. Tetapi mereka tidak dihalang untuk menjalankan rawatan yang difikirkan sempurna.

#### **PENANAM TEMBAKAU— MELAMBATKAN BAYARAN**

**3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan iaitu berikutan dengan timbulnya rasa kecewa setengah-setengah penanam tembakau terhadap beberapa kalangan pengawit yang sengaja melambat-lambatkan pembayaran harga daun tembakau dan ada pula yang membeli dengan harga yang tidak berpatutan (tidak mengikut gred yang ditetapkan) apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Lembaga Tembakau Negara (LTN) untuk menyelesaikan masalah ini dan untuk mencegah berulangnya kejadian yang seumpama itu.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato Dr Lim Keng Yaik):** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi kesalahan bagi pengawit yang sengaja melambat-lambatkan pembayaran. Mengikut peraturan dan syarat-syarat pelesenan Lembaga Tembakau Negara (LTN), pengawit-pengawit hendaklah menjelaskan bayaran pembelian daun tembakau hijau dalam tempoh 6 hari selepas belian.

Walau bagaimanapun, adalah sukar bagi LTN untuk mengesan kelewatan tersebut sekiranya penanam-penanam yang terlibat tidak mengadu kepada LTN. Tambahan pula lazimnya ada persefahaman dan tolak ansur di antara penanam dan pengawit dari segi pembayaran. Biasanya pihak pengawit juga memberi wang pendahuluan serta lain-lain keperluan dalam bentuk kredit kepada penanam-penanam.

LTN akan menyiasat selepas menerima aduan dari penanam-penanam dan sekiranya perlu akan membuat potongan semasa penjualan daun kering untuk dibayar kepada penanam-penanam yang terlibat.

Bagi syarikat pengawit yang mendapat kemudahan pinjaman bank, LTN akan menghubungi pihak bank bagi menyelesaikan pembayaran kepada penanam-penanam tersebut. Pada tahun ini LTN telah mengurus pembayaran hutang daun hijau melalui pemotongan jualan daun kering kepada 567 orang penanam yang melibatkan sebanyak 13 syarikat pengawit dan nilainya berjumlah \$301,200.60 sen.

Saya ingin mengingatkan pengawit-pengawit bahawa kelewatan membayar kepada penanam-penanam merupakan satu kesalahan dari segi peraturan pelesenan LTN dan pengawit-pengawit yang terlibat menghadapi risiko potongan kuota pengeluaran masing-masing semasa urusan agihan kuota dibuat.

Mengenai masalah pembelian dengan harga yang tidak berpatutan atau tidak mengikut gred yang ditetapkan, saya ingin menjelaskan bahawa urusan jualbeli daun hijau biasanya diselesaikan di antara penanam dan pengawit. Apabila berlaku apa-apa pertelingkahan, pihak LTN menjadi tempat rujukan dan keputusannya adalah muktamad. LTN juga akan mengawasi kedudukan jualbeli harian dan sekiranya ada

aduan daripada penanam, siasatan dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Setakat ini semua masalah yang timbul atau yang akan dikesan oleh LTN dapat diselesaikan mengikut ketentuan gred dan struktur harga seperti yang telah ditetapkan.

**Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid:** Perusahaan tembakau melibatkan tiga kumpulan kumpulan petani, pengawet dan pengilang. Tidakkah apa yang dilakukan oleh pengawet kepada petani berdasarkan kepada apa yang dilakukan oleh pengilang kepada pengawet. Umpamanya, pengilang sengaja melengah-lengahkan pembelian daun kering daripada pengawet dan pengilang juga kadang-kadang menurunkan gred daun kering pengawet. Apakah tindakan Kementerian ini kepada pengilang?

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Ada berlaku di stesen-stesen yang mana tembakau kering yang ditawarkan oleh pengawet-pengawet tidak diterima oleh pengilang-pengilang dalam satu gred dan jika ada berlaku keadaan ini biasanya tembakau kering yang ditolak itu akan dibawa kepada Pasaran Pusat (Central Market) yang mana pegawai dari LTN yang ada di sana akan menentukan gred tembakau kering yang telah ditolak dan keputusan pegawai LTN adalah muktamat dan pengilang terpaksa membeli mengikut gred-gred yang ditentukan oleh pegawai dari LTN.

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini agak lain sedikit. Saya ingin mendapat penjelasan Menteri yang berkenaan, ada beberapa Menteri telah menyebutkan bahawa menghisap rokok itu merbahaya, kepada semua orang, lelaki dan perempuan, tidak kira kira kecil atau besar, semuanya termasuk Tuan Speaker kalau Tuan Speaker merokok. Soalnya, hari ini

Kementerian ini pula akan terus menggalakkan penanaman daun tembakau ini. Apakah ianya untuk menggalakkan masyarakat negara ini supaya merokok atau untuk tujuan apa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Untuk eksport! (*Ketawa*) Jawablah.

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Terima kasih.

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun soalan tambahan ini adalah soalan lain, tetapi saya cuba menjawab soalan ini. Sebagai seorang doktor sendiri, saya patutlah membuat amaran atau menyedarkan kepada orang ramai bahawa rokok adalah merbahaya kepada kesihatan. Di dalam tiap-tiap peket rokok ada ditulis "amaran Kerajaan (*Ketawa*)—amaran Kerajaan bahawa merokok adalah merbahaya kepada kesihatan. Tetapi ada juga orang dengan amaran itu juga mahu menghisap rokok, itu adalah atas kebebasan, kita tidak boleh berhentikan mereka jika mereka mahu menghisap rokok. Dengan sebab itu ada industri tembakau atau perindustrian rokok yang mana bukan hanya untuk menolong petani-petani yang teriibat dalam menanam tembakau tetapi Kerajaan juga mendapat banyak pendapatan hasil dari perindustrian tembakau ini.

#### MARA—MEMBANGUNKAN PENIAGA BUMIPUTERA

**4. Dato' Dr Affuddin bin Haji Omar** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah kejayaan MARA membangunkan peniaga-peniaga kecil dan sederhana Bumiputera di seluruh negara; selain dari pinjaman modal dan latihan perniagaan apakah cara-cara lain yang diambil untuk mewujudkan suatu masyarakat

peniaga kecil dan sederhana Bumiputera seperti penubuhan organisasi pembangunan seperti koperasi dari peringkat bawah hingga ke peringkat nasional.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap kerana pertanyaan beliau menunjukkan bahawa beliau menghayati bahawa MARA bertumpu kepada usaha-usaha memupuk peniaga-peniaga saiz sederhana dan kecil.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilakukan oleh MARA ialah mewujudkan asas-asas keusahawanan melalui pengetahuan, kemahiran, pengalaman serta kemudahan pinjaman dan bangunan perniagaan. Di situlah letaknya ukuran kejayaan MARA yang telah berusaha gigih membangun dan memajukan bumiputera dalam bidang perusahaan dan perdagangan yang bersaiz kecil dan sederhana. Pencapaian sehingga 30 Jun, 1987 adalah seperti berikut:

- (a) lebih 92,000 orang telah menerima pinjaman bagi memula dan meningkatkan perniagaan;
- (b) lebih 152,000 usahawan dan bakal usahawan telah diberi peluang menyertai latihan dalam berbagai bidang perniagaan;
- (c) hampir 35,000 projek perniagaan telah menerima khidmat rundingcara sama ada dikendalikan oleh MARA atau pakar-pakar luar;
- (d) sebanyak 210 projek ruang niaga yang mengandungi lebih

3,000 unit telah siap dibina untuk kemudahan peniaga-peniaga bumiputera; dan

- (e) di samping itu MARA juga mempunyai program latihan. Setakat 30 Jun yang lepas 34,000 orang telah mengambil kursus ketukangan. Di MRSM 8,575 orang telah dididik menerusi MRSM dan sebahagian besar daripadanya telah melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi. Hampir 24,000 orang siswazah telah menamatkan pengajian mereka di dalam dan di luar negeri.

Tentang koperasi, soal koperasi ini lebih relevannya dengan Jabatan Pembangunan Koperasi. Maka oleh itu, MARA tidak mengendalikan penubuhan dan perjalanan koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu MARA juga berusaha memupuk dan mengembangkan naluri kewangan (financial acumen) kerana adanya kesedaran bahawa wang adalah bahasa niaga dan kalau kita hendak membangunkan budaya niaga maka bahasa niaga itu iaitu wang harus dihayati dan difahami benar-benar oleh bakal usahawan ataupun usahawan-usahawan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:**

Soalan tambahan. Saya berterima kasih atas jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen tadi. Mengikut penjelasan yang diberi bahawa terdapat 92,000 para usahawan yang telah menerima pinjaman yang diberi oleh MARA dan 150,000 lebih para usahawan yang telah diberi latihan. Saya ingin bertanya, sejauh manakah pencapaian dari segi prestasi berhubung dengan masalah peniaga-peniaga yang telah diberi pinjaman wang, adakah mereka berjaya menggunakan setiap sen wang yang diberikan itu mengikut objektif yang diharapkan oleh MARA? Dan daripada 150,000 orang yang dilatih ini

berapa ramai di antara mereka yang sedang giat menjalankan kegiatan perniagaan selaras dengan ilmu yang diberi oleh pihak MARA?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama soalan itu banyak merupakan bentuk yang "qualitative", iaitu sejauh mana kejayaan. Jadi, ukuran sejauh mana ini bukan sahaja boleh diukur dengan untung-rugi tetapi juga kegigihan dan sejauh mana mereka mencapai tahap perniagaan, iaitu menjalankan kerja-kerja mencari rezeki dengan sepenuhnya di dalam bidang perniagaan.

Soalan yang kedua, berapa ramai pula yang berjaya daripada 150,000 orang yang telah dibimbing oleh MARA itu. Sepertimana juga usahawan-usahawan lain ramai di antara jumlah ini telah mengalami kesukaran dan juga masalah yang timbul daripada satu masa ke satu masa, terutama di dalam pengalaman yang dihadapi oleh negara dan juga masyarakat antarabangsa baru-baru ini, iaitu kemerosotan ekonomi dan akhirnya pula tentang terjejasnya bursa saham, bukan sahaja di negara ini tetapi juga di negara-negara maju yang lain. Jadi, soal kalau kita hendak tahu sebenarnya berapa ramai yang berjaya dari jumlah itu, saya rasa sukar bagi MARA untuk menyenaraikannya. Kalau pada keseluruhannya mereka menghadapi masalah, namun usaha mereka dan juga usaha MARA tidak terjejas untuk membangunkan mereka sebagai usahawan-usahawan yang bersaiz sederhana dan kecil.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen dari jumlah 152,000 usahawan-usahawan yang telah dilatih tadi dan dari skim baru pinjaman usahawan yang telah diumumkan oleh MARA baru-baru ini menaikkan kadar

pinjaman hingga \$200,000. Saya ingin tahu berapa ramai bumiputera yang mendapat faedah daripada skim pinjaman yang baru ini.

Yang kedua, saya ingin tahu kedudukan skim pinjaman yang lama, mungkin ramai yang tak membayar dan saya tidak berkehendakkan figuresnya, tetapi apakah Setiausaha Parlimen boleh menerangkan sebab-sebab atau punca-punca mereka ini tak boleh menjelaskan hutang ini dan kenapakah . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Sudah dua soalan.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Sambung sedikit, kenapakah penjamin-penjamin yang diminta membayar hutang-hutang ini sedangkan MARA sendiri boleh menuntut kepada yang berhutang.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, sambutan daripada orang ramai, terutama peniaga-peniaga adalah menggalakkan dan MARA sekarang ini bukan sahaja mempertimbangkan, tetapi juga memproses permohonan-permohonan yang dianggap sebagai begitu menggalakkan.

Soalan yang kedua ialah, boleh ulang?

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Hutang-hutang skim lama. Penjelasan tentang skim baru tadi pun belum jelas lagi.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Oh, ya. Skim ini baru bermula, maka soal membayar balik itu tidaklah relevant iaitu tidaklah timbul pada waktu ini. Tetapi pinjaman yang lama itu daripada dahulu lagi dan sehingga sekarang terdapat usaha-usaha untuk mendapat balik tunggakan dan sebagainya. Tetapi, sebagaimana di dalam lapangan-lapangan lain, dalam lapangan bank dan juga syarikat-

syarikat kewangan lain, soal membayar balik hutang ini merupakan sesuatu yang agak universal dan kita tidak ada "panacea" ataupun ubat yang benar-benar mujarab untuk kita mengutip hutang dengan secara yang senang dan dalam satu masa yang singkat.

Soalan ketiga ialah mengenai penjamin, kenapa dituntut kepada penjamin, kenapa tidak dituntut kepada peniaga. Sebenarnya tuntutan kepada yang berhutang adalah langkah yang pertama sehinggalah tidak ada ruang lain lagi untuk kita mendapat balik wang daripada yang berhutang, maka barulah MARA pergi kepada pihak penjamin. Amalan ini bukan terbatas sahaja kepada MARA, tetapi juga bank-bank dan pemberi-pemberi pinjaman wang yang lain.

### **GAS ASLI KEPADA RUMAH KEDIAMAN**

**5. Tuan Teoh Teik Huat** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) jumlah rumah-rumah yang akan mendapat faedah secara terus daripada projek bekalan gas dari Kerteh, Terengganu apabila ianya telah siap; dan
- (ii) sama ada projek ini yang dilancarkan berperingkat-peringkat akan memberi keuntungan secara tidak adil kepada sesuatu industri-industri dari segi penjimatan tenaga padahal akan menyebabkan syarikat-syarikat saingan di negeri-negeri lain tidak dapat bersaing dan terpaksa ditutup.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Pembekalan gas asli kepada rumah-rumah kediaman merupakan satu daripada

tujuan projek bekalan gas dilaksanakan. Secara amnya, sistem penyaluran gas ke rumah-rumah ini akan ditumpukan ke kawasan-kawasan perumahan yang baru dan kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan bilangan rumah yang tinggi seperti kawasan-kawasan rumah pangsa dan kondominium.

Pelaksanaan projek ini masih lagi di peringkat awal. Oleh itu, jumlah sebenar rumah-rumah yang akan mendapat bekalan gas asli dari projek ini masih belum dapat dipastikan.

- (ii) Oleh kerana Projek Penggunaan Gas Semenanjung adalah satu projek yang besar, dengan kos beranggarkan \$1.3 ribu juta, maka pelaksanaannya terpaksa dibuat berperingkat-peringkat. Adalah benar di peringkat awal hanya industri-industri yang berdekatan dengan laluan saluran paip gas akan mendapat manfaat daripada bekalan gas, tetapi di dalam jangkamasa panjang gas akan dibekalkan di setiap negeri. Bagaimanapun, saya kira pelaksanaan projek ini secara beransur-ansur tidak akan menimbulkan persaingan yang tidak adil yang boleh mengakibatkan penutupan industri-industri yang tidak mendapat manfaat daripada bekalan gas itu. Ini adalah disebabkan gas hanya merupakan sumber tenaga alternatif kepada sumber tenaga yang sedia ada seperti elektrik yang mana kadar kos penggunaannya telah juga diturunkan oleh Kerajaan bagi faedah semua industri. Dengan ini, persaingan yang diberi oleh sumber gas asli akan merupakan persaingan yang "marginal" dan tidaklah boleh

dianggap sebagai persaingan yang tidak adil. Sebenarnya kejayaan kepada sesuatu industri itu bergantung kepada faktor-faktor lain juga. Satu faktor yang penting ialah pengurusan yang cekap. Ia akan mempengaruhi prestasi sesuatu industri itu dan membolehkannya bersaing dengan jayanya.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat sama ada pihak Kerajaan dalam masa jangka panjang akan juga menswastakan bekalan gas ini ke rumah-rumah, seperti yang dilakukan kepada Perkhidmatan Telekom?

Soalan yang kedua, oleh sebab melaksanakan saluran gas ini memakan belanja yang begitu banyak, iaitu seperti yang disebutkan tadi \$1.3 billion, adakah juga pihak Kerajaan akan menswastakan pelaksanaan saluran gas ini dan apakah jaminan daripada Kerajaan supaya penswastakan ini akan menguntungkan pihak pengusaha-pengusaha tempatan, iaitu pengusaha-pengusaha Malaysia dan tidak akan memberi faedah yang banyak kepada pengusaha-pengusaha luar negeri.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan yang kedua terlebih dahulu kerana ini melibatkan saluran gas yang besar yang akan membawa gas daripada Terengganu sehinggalah ke negeri-negeri lain dan saluran ini akan diusahakan oleh PETRONAS sendiri dengan perbelanjaan daripada PETRONAS sendiri kerana PETRONAS berpendapat bahawa mereka mempunyai wang yang cukup untuk maksud ini dan penyaluran gas ini amat menguntungkan, oleh kerana itu PETRONAS tidak berhajat untuk memberi kepada pihak swasta.

Soalan kedua yang timbul ialah berkenaan dengan penswastakan bekalan gas ke rumah-rumah. Daripada paip-paip gas yang besar ini kita akan ada pula paip yang kecil yang akan membawa gas daripada paip "mains" kepada rumah-rumah dan ini akan diswastakan mengikut tempat masing-masing dan ini adalah satu peluang bagi pihak swasta menyertai dalam bidang penyaluran gas ini.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat sedar beberapa tahun yang lalu Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu ada bertitah secara terbuka bahawa bekalan gas akan juga dibekalkan ke kawasan utara daripada Kerteh dengan saluran melalui daerah-daerah di negeri Terengganu seperti Dungun, Kuala Terengganu, Besut terus ke Kelantan dan mungkin juga ke negeri-negeri utara seperti Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Perlis, dan setakat manakah usaha-usaha telah dijalankan oleh pihak Kerajaan atau PETRONAS dalam menjayakan bekalan gas ke kawasan utara tersebut.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, akhirnya semua negeri-negeri di Malaysia ini akan mendapat bekalan gas. Tetapi pelaksanaan projek ini mestilah berperingkat-peringkat. Pada peringkat yang pertama, kita ingin menyalurkan gas untuk kegunaan kilang-kilang elektrik, pesawat elektrik yang ada kebanyakannya di Pantai Barat dan setelah kita dapat membekalkan gas kepada janakuasa elektrik ini barulah kita akan mengadakan saluran-saluran gas untuk kegunaan lain. Dan untuk ini akan diadakan saluran yang kecil yang akan membawa gas daripada Terengganu ke Kelantan, ke Kedah, ke Perlis dan juga ke negeri-negeri di selatan sehingga ke Johor. Jadi pada mulanya saluran gas melalui paip yang

besar ini bukan untuk bekalan negeri-negeri tetapi sebagai satu usaha untuk membawa gas ke janakuasa elektrik yang terdapat di selatan dan juga di Pantai Barat.

### **PESURUHJAYA PERDAGANGAN— KESAN PERDAGANGAN**

6. **Tuan Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu apakah kesan-kesan perdagangan yang menguntungkan negara dengan adanya "trade attache" di kebanyakan kedutaan-kedutaan kita di luar-luar negeri.

#### **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):**

Tuan Yang di-Pertua, penempatan Pesuruhjaya Perdagangan di Kedutaan Malaysia di luar negeri adalah merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk menggalakkan eksport. Walau bagaimanapun, Pesuruhjaya Perdagangan adalah merupakan salah satu komponen sahaja dari usaha-usaha galakan eksport negara keseluruhannya. Di samping Pesuruhjaya Perdagangan, para pengeksport sendiri dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain yang terlibat dalam eksport barangan negara juga mempunyai peranan yang penting bagi menentukan keberkesanan usaha-usaha gatakan eksport negara.

Pesuruhjaya Perdagangan telah pun melaksanakan peranan yang penting dalam usaha mengenalpasti peluang-peluang pasaran di luar negeri. Selain dari itu Pesuruhjaya Perdagangan kita menjadi pusat rujukan sumber maklumat perdagangan di negara-negara di mana mereka ditempatkan. Pesuruhjaya Perdagangan mengumpul maklumat perdagangan seperti kedudukan pasaran, kadar tarif import, kehendak-kehendak kesihatan, persaingan-persaingan dari

negara asing, harga dan spesifikasi, cara bungkusan dan penghantaran, dan semua maklumat-maklumat pasaran lain yang perlu bagi membantu pengeksport membuat keputusan untuk mengeksport. Maklumat-maklumat ini adalah disampaikan kepada pengeksport-pengeksport Malaysia.

Pesuruhjaya Perdagangan juga bertindak sebagai wakil ke atas kepentingan para pengeksport kita di luar negeri untuk berhubung dan mendapatkan maklumat mengenai syarikat-syarikat pengimport serta mengaturkan pertemuan untuk tujuan urusiaga di antara para pengeksport Malaysia dengan para pengimport atau bakal pengimport di luar negeri.

Sungguhpun kesan usaha-usaha tersebut di atas sukar hendak ditafsirkan dari bentuk jualan, tetapi bantuan-bantuan yang diberikan oleh Pesuruhjaya Perdagangan telah pun digunakan dengan sepenuhnya oleh pengeksport-pengeksport. Di samping itu maklumat-maklumat pasaran yang disediakan oleh Pesuruhjaya Perdagangan telah dapat membantu pengeksport-pengeksport Malaysia menerokai pasaran-pasaran di luar negeri. Jika ditinjau dari sudut ini dapatlah dikatakan bahawa usaha-usaha Pesuruhjaya Perdagangan telah memberi kesan yang positif.

Di samping itu perlu juga dinyatakan di sini bahawa keberkesanan usaha-usaha Pesuruhjaya Perdagangan banyak juga bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh pihak swasta sendiri iaitu dari segi mengambil peluang yang wujud di pasaran luar negeri. Kejayaan sesuatu usaha galakan eksport itu banyak terletak kepada reaksi pengeksport sendiri untuk bertindak cepat terhadap peluang-peluang perdagangan yang telah dikenalpasti oleh Pesuruhjaya Perdagangan kita di luar negeri.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini berapakah jumlah Pesuruhjaya Perdagangan yang berada di luar negeri sekarang ini dan apakah cara Kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengukur kebolehan ataupun keberkesanan seseorang Pesuruhjaya Perdagangan yang bertugas di negara-negara tersebut?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua sudahpun saya jawab. Dalam jawapan saya tadi saya ada menyebut beberapa cara yang mana Pesuruhjaya Perdagangan boleh menolong negara kita. Pada masa sekarang ada 30 orang Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini terdapat kritikan-kritikan yang hebat daripada Ahli-ahli Parlimen dan lain-lain pihak terhadap peranan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri dan jawapan yang diberikan ialah bahawa akan diwujudkan sistem integrasi dan sebagainya. Jadi, soalan saya yang sama seperti soalan Yang Berhormat dari Batu Berendam, sejauh mana usaha-usaha untuk menyelesaikan kritikan-kritikan yang dibuat berhubung dengan peranan protokol mereka lebih daripada peranan mereka sebagai Attache Perdagangan.

Yang kedua, terdapat negara-negara yang diletakkan Pesuruhjaya Perdagangan ini yang sudah dua-tiga tahun ini tidak menunjukkan apa-apa perkembangan yang baik dari segi perniagaan antara Malaysia dengan negara-negara yang berkenaan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk menutup Pejabat Pesuruhjaya di negara-negara yang berkenaan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Bolehkah Yang Berhormat memberitahu secara spesifik negara-negara yang mana itu?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ini selalu melawat luar negeri dan dia tahu negara-negara yang mana (*Ketawa*).

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi fungsi tidak adalah perbezaan di antara "Trade Attache" dan Pesuruhjaya Perdagangan.

Soalan yang kedua, Kementerian saya memeriksa dan menyiasat keberkesanan pejabat masing-masing di luar negeri. Kalau satu-satu pejabat tidak berkesan, Kementerian akan mengambil tindakan supaya menutup pejabat itu.

## RUMAH KOS RENDAH HARGA

7. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan rancangan-rancangan atau langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan harga rumah kos rendah daripada \$25,000 seunit kepada tidak melebihi \$20,000 seunit untuk membolehkan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, harga rumah kos rendah sebanyak \$25,000 seunit adalah merupakan paras harga yang maksimum yang ditetapkan oleh Kerajaan. Bagaimanapun, Kerajaan sentiasa menggalakkan pihak swasta untuk menjual rumah kos rendah dengan harga yang kurang daripada \$25,000 seunit. Paras harga ini tidak ditetapkan secara muktamad oleh Kerajaan kerana pada kebiasaannya harga rumah kos rendah bergantung kepada beberapa faktor utama. Antaranya termasuklah lokasi projek iaitu nilai tanah dan ciri-ciri

topography tanah yang akan mempengaruhi harga tanah rumah tersebut.

Untuk makluman Ahli Berhormat juga, terdapat keadaan yang mana kos sebenar bagi pembinaan rumah-rumah kos rendah khususnya di bawah program khas perumahan kos rendah melebihi atau menjangkau paras \$25,000 seunit. Bagaimanapun kos atau harga jualan rumah-rumah kos rendah ini dapat dikurangkan dengan pelaksanaan pembangunan campuran atau, dengan izin, mixed development di mana nimah-rumah kos sederhana rendah, kos sederhana dan juga rumah kedai dibina mengikut nisbah campuran yang dibenarkan. Ini bertujuan membolehkan pihak pemaju menggunakan konsep cross subsidization terhadap pembinaan rumah-rumah kos rendah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembangunan perumahan di bawah program khas perumahan kos rendah yang dilaksanakan di tanah milik sendiri dan tanah Kerajaan terdapat beberapa langkah yang telah dan sedang diambil bagi mengurangkan lagi harga rumah kos rendah. Antaranya termasuklah:

- (i) pengurangan piawaian perancangan dan infrastruktur;
- (ii) pengecualian bayaran ukur;
- (iii) pengurangan bayaran premium tanah;
- (iv) pengurangan kadar taedah pinjaman; dan
- (v) mempercepatkan proses-proses kelulusan berkaitan pelan-pelan pembangunan dan kelulusan bersabit dengan tukar syarat dan pecah sempadan tanah.

Kelulusan yang cepat ini boleh mengurangkan holding cost, dengan izin.

Di bawah program perumahan awam kos rendah dan program khas

perumahan kos rendah yang dilaksanakan di bawah kaedah penswastaan, Kerajaan juga telah merangka beberapa langkah yang sesuai bagi mengurangkan harga rumah-rumah kos rendah. Antara langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil, termasuklah:

- (i) pemilikan tapak yang sesuai yang tidak akan melibatkan kos pemulihan tanah yang tinggi seperti kos bagi kerja-kerja tambunan dari potongan tanah;
- (ii) pembinaan rumah kos rendah di lokasi yang sesuai dan tidak melibatkan harga tanah yang tinggi seperti bagi bayaran pampasan tanah untuk tanah-tanah yang diambil alih atau kos yang tinggi jika dibina di dalam kawasan bandar; dan
- (iii) pembinaan rumah di kawasan-kawasan yang terdapat kemudahan infrastruktur asas atau yang berhampiran dengannya supaya kos penyediaannya dapat dikurangkan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa harga rumah kos rendah yang ditetapkan pada harga \$25,000 ini adalah di luar kemampuan kebanyakan golongan berpendapatan rendah dan juga adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sungguhpun pihak Kementerian yang berkenaan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu pihak swasta untuk membina dan menjual rumah, kurang daripada \$25,000, Akan tetapi kebanyakan ataupun boleh dikatakan semua pemaju perumahan swasta haruslah menjual rumah mereka harga \$25,000 ini. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang apakah sambutan yang telah diberi oleh ahli-ahli Persatuan Pemaju Perumahan untuk

menyahut seruan yang telah dibuat oleh Kementerian dan sejauh manakah pihak Kementerian yang berkenaan dapat berkompromi dan juga berunding dengan pihak swasta untuk mengatasi berbagai-bagai masalah yang dialami oleh mereka?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa mengadakan perhubungan yang rapat dengan Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan dan mereka sentiasa memberi kerjasama di atas seruan-seruan yang dibuat oleh Kementerian.

Tentang harga rumah kos rendah adalah disedari bahawa beberapa orang yang menerima gaji ataupun dalam golongan berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah-rumah kos yang berharga \$25,000. Kita sedar untuk mengatasi masalah ini, kita telah mencadangkan dan beberapa Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk Dewan Bandaraya membina rumah-rumah kos rendah untuk disewa dan untuk dibeli dan dengan ini mereka yang tidak mampu membeli dapatlah menyewa.

Dalam hal ini, seperti saya telah jawab tadi, rumah kos itu betul-bahawa kebanyakan pemaju-pemaju jual rumah ini dengan harga \$25,000 lebih kurang semuanya jual seperti itu, tetapi ini adalah disebabkan taman-taman perumahan ini terletak di atas tanah yang nilai tinggi dan oleh kerana itu kos pembinaan adalah disebutkan oleh pemaju bahawa ianya adalah dekat dengan \$25,000. Dan kadangkala mereka menerangkan bahawa walaupun mereka jual dengan kos \$25,000 seunit, mereka tidak mendapat keuntungan dan mereka cuma mendapat keuntungan melalui mixed development di mana dalam taman perumahan yang sama mereka dapat membina rumah-rumah kedai, rumah kos tinggi dan mendapat keuntungan melalui rumah-rumah tersebut.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan. Saya rasa amat berterima kasih kepada Kementerian ini yang akan mengekalkan kos maksima rumah kos rendah sebanyak \$25,000. Saya ingin bertanya oleh sebab kita baru sahaja berbincang dan terus membincang berkenaan dengan cukai jualan sebanyak 5% dan 10% yang mana akan terlibat dengan beberapa bahan binaan ini. Adakah Kementerian akan terus mengekalkan rumah kos rendah sebanyak \$25,000 atau akan memberi peluang untuk dinaikkan kos rumah kos rendah ini? Kedua, untuk mengawal supaya harga rumah kos rendah ini tidak melebihi \$25,000 dan oleh sebab adanya cukai jualan ini, adakah Kementerian berhasrat untuk memberi subsidi kepada sebahagian daripada kontraktor yang telah pun mendapat tawaran membina rumah kos rendah ini di mana ketika tawaran itu diberikan kepada mereka cukai jualan ini masih belum dikenakan lagi?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan akan kekalkan harga kos rendah seperti sekarang iaitu \$25,000 seunit dan tidak akan membuat apa-apa perbezaan dalam harga kos rendah. Untuk menjelaskan tentang cukai jualan bagi bahan-bahan berkenaan, kebanyakan cukai-cukai ini tidak ada berkaitan dengan bahan-bahan binaan yang digunakan untuk rumah-rumah kos rendah.

## RANCANGAN INDUSTRI KAMPUNG

**8. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

(a) setakat ini sejauh manakah kemajuan rancangan industri kampung; dan

(b) sudahkah Kerajaan mengenal-pasti dan menyediakan senarai projek yang boleh dilaksanakan dan didapati "viable".

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab lagi sekali bagi pihak Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan begini telah pernah dijawab di dalam sesi Parlimen ini oleh Timbalan Menteri Kementerian berkenaan pada dua atau tiga minggu lepas, saya sedia jua menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini lebih daripada 1,200 buah projek telah mendapat faedah di bawah program industri kampung. Daripada penyiasatan secara random, kita dapati bahawa lebih kurang 80% projek yang telah mendapat kemudahan ini telah beroleh kejayaan. Pengusaha-pengusahanya terus menggunakan bantuan yang diberi secara begini di bawah program ini. Untuk menambah dan meninggikan mutu pengeluarannya serta menambah pendapat dan dengan adanya pasaran bagi hasil pengeluaran mereka, maka prestasi mereka bukan sahaja sedang bertambah, tetapi potensinya akan terus meningkat.

Mengenai senarai projek yang boleh dilaksanakan secara viable, Kementerian ini sedang menyenaraikan apa-apa jua projek yang dikatakan sebagai viable. Bagaimanapun, jumlahnya nampaknya adalah banyak, maka tunggulah sahaja tentang senarai yang akan dikeluarkan apabila senarai itu siap diproses dan dicetak untuk kegunaan orang ramai.

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama saya ingin bertanya, kalau Yang Berhormat boleh menjawabkan, 1,200 projek

yang disebut tadi bolehkah disenaraikan antara jenis-jenis projek industri kampung yang maju tadi.

Kedua, saya hendak bertanya setakat hari ini yang menjadi masalah ialah soal pemasaran. Kalau macam getah, jenis barang-barang makanan, kita ada FAMA, MARDEC dan sebagainya. Tetapi untuk industri kampung ini pula kita ingin tahu siapakah agensi yang bertanggungjawab untuk memungut bahan-bahan keluaran industri kampung itu terutama di peringkat daerah-daerah.

Yang ketiganya, saya hendak bertanya sama ada. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah dua, Yang Berhormat.

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Yang kedua. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ini sudah ada dua soalan.

**Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:** Yang keduanya, adakah industri majun dan minyak dhab ini termasuk dalam senarai industri kampung. (Ketawa)

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, ada tiga soalan sebenarnya, bukan dua. Jenis-jenis projek yang telah mendapat kejayaan, bukanlah bermakna 1,200 projek itu terlibat di dalam 1,200 jenis, tetapi kalau kita menjeniskan secara kasar, ianya berkaitan dengan rotan, kayu-kayan, buluh, berkaitan dengan shell, kerang atau siput, kraftangan hasil mengkuang dan juga setengah tenunan.

Yang kedua pula iaitu pemasaran mengenai hasil getah dan jenis-jenis makanan yang lain, ada agensi-agensi di bawah MARA yang sekarang ini mengkhususkan peranan dan fungsi

agensi-agensi itu di dalam hal-hal yang berkaitan dengan pemasaran bukan sahaja di daerah negeri tetapi juga di luar negeri. Apabila disebut tentang FAMA dan MARDI tadi terutamanya MARDI, saya rasa soal makanan umpamanya, ianya adalah berkaitan dengan penyelidikan tetapi dahpada segi businessnya projek-projek yang dikenalpasti itulah yang akan develop, akan membangun dan memajukan business menerusi saluran pasaran yang saya sebutkan tadi.

Yang ketiga, paling baik sekali ialah dhab dan majun, masya Allah jawabnya. Tetapi, walau bagaimanapun sekiranya ada usaha-usaha membuat majun dan dhab ini secara industri kampung dan didapati viable, saya rasa Kementerian ini akan berhubung orang yang pertama sekali ialah Yang Berhormat dari Shah Alam (*Ketawa*) kerana saya percaya beliau sangat berminat terutama dengan dhab dan majun ini, dan insya Allah, Tuhan akan makbulkan. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran);** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).*

#### **BANK ISLAM—KEJAYAAN**

**9. Tuan Mohammad Yusoff bin Haji Abdul Talib** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Bank Islam Malaysia Berhad sejak ia ditubuhkan;
- (b) adakah Bank ini mendapat sambutan baik daripada seluruh masyarakat di Malaysia.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin);** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat

sedia maklum, matlamat utama penubuhan Bank Islam ialah untuk mengujudkan sebuah bank perdagangan yang menyediakan perkhidmatan serta kemudahan bank berlandaskan hukum-hukum Islam. Perkhidmatan dan kemudahan ini disediakan kepada dua pihak, iaitu pihak yang ingin menyimpan wang dan pihak yang ingin mendapat pembiayaan dari Bank.

Sehingga 30hb September, 1987 Bank Islam telah menerima simpanan sebanyak \$871.6 juta dari 168,418 penyimpan. Bank Islam juga berjaya membayar keuntungan kepada penyimpan-penyimpan ini dan kadar yang dibayar berubah dari bulan ke bulan mengikut kadar keuntungan sebenar yang dicapai oleh Bank. Sebagai contoh, kadar keuntungan yang telah dibayar atas simpanan yang cukup tempohnya pada 16hb September hingga 15hb Oktober, 1987 ialah di antara 4.05% hingga 7.37% bergantung kepada jenis dan tempoh simpanan yang dibuat. Dari segi pembiayaan pula, sehingga 30hb September, 1987, Bank Islam telah mengeluarkan pembiayaan sebanyak \$478.8 juta kepada 2,644 pelanggan. Pembiayaan ini meliputi semua sektor ekonomi.

Untuk menyediakan perkhidmatannya, Bank Islam telah meluaskan rangkaian cawangannya dengan cepat dan sehingga masa ini, Bank Islam telah berjaya membuka 19 cawangan di mana didapati sekurang-kurangnya sebuah cawangan di tiap-tiap negeri.

Dari segi prestasi kewangan, Bank Islam telah berjaya memperolehi keuntungan sebelum zakat dan cukai sebanyak \$3.7 juta pada tahun kewangan berakhir 30hb Jun, 1986 berbanding dengan kerugian sebanyak \$1.29 juta pada tahun kewangan berakhir 30hb Jun, 1984, iaitu tahun pertama operasinya.

Sambutan yang telah diberikan oleh orang ramai terhadap Bank Islam, adalah amat menggalakkan. Ini dapat diperhatikan terutamanya daripada bilangan penyimpan dan jumlah simpanan yang diperolehi oleh Bank Islam memandangkan usianya yang masih muda.

### **TOL LEBUHRAYA KUALA LUMPUR/KELANG**

**10. Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) sebab-sebab kenapa kutipan tol dibuat di Lebuhraya Kuala Lumpur/Kelang;
- (b) adakah Menteri Kerjaraya sedar bahawa semua lebuhraya menuju masuk atau keluar Bandaraya Kuala Lumpur dikenakan kutipan tol dan ini sangat membebankan rakyat memandangkan negara mengalami kemelesetan ekonomi.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan):**

- (a) Jalanraya Kuala Lumpur/Kelang yang dicadangkan untuk dikenakan tol dimasukkan sebagai sebahagian daripada projek penswastaan Lebuhraya Utara/Selatan. Di antara sebab-sebab penting mengapa lebuhraya itu diswastakan ialah kerana terdapatnya kesesakan lalulintas, dan dengan pertambahan kenderaan yang kian meningkat, akan memburukkan lagi kesesakan di jalanraya itu di masa akan datang. penswastaan jalanraya ini akan melibatkan pembesaran jalan ini daripada 4 lorong kepada 6 lorong, dan di tempat-tempat yang tertentu,

persimpangan bertingkat juga akan dibina. Apabila siap kerja-kerja tersebut ia akan dapat memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna, bukan sahaja dari segi mengurangkan kesesakan, akan tetapi juga dari segi mengurangkan kemalangan yang sentiasa berlaku sekarang. Mengenai mengapa jalanraya tersebut akan ditolkan, sukalah saya nyatakan bahawa ini adalah kerana kos yang tinggi bagi kerja-kerja melebarkan jalanraya itu iaitu dianggarkan \$78 juta. Oleh kerana keadaan kewangan Kerajaan sekarang tidak mengizinkan, maka kerja-kerja itu akan diswastakan, di mana pihak swasta yang mengendalikan kerja-kerja tersebut dibenar mengutip tol ke atas lalulintas.

- (b) Saya memang sedar bahawa Jalanraya/Lebuhraya yang menuju masuk atau keluar Bandaraya Kuala Lumpur khususnya Kuala Lumpur/Karak, Kuala Lumpur/Seremban dan juga Kuala Lumpur/Kepong dikenakan tol. Oleh kerana jalan-jalan tersebut telah dibina dengan kos yang tinggi, maka tol dikenakan bagi tujuan untuk mendapatkan balik kos pembinaan dan juga perbelanjaan penyelenggaraan jalan-jalan tersebut.

Mengenai sama ada tol-tol tersebut membebankan rakyat, saya berpendapat bahawa lol yang dikenakan adalah berpatutan dan tidak membebankan rakyat, jika dipandang dari segi manfaat yang diperolehi oleh pengguna-pengguna jalanraya, seperti penjimatan masa, keselesaan memandu, dan juga mengurangkan petrol.

## INDUSTRI PERCETAKAN DAN PERSURATKHABARAN

**11. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa pertambahan penduduk dan dasar Kerajaan hendak meramaikan penduduk mendedahkan negara kepada bilangan pembaca yang bertambah. Ia menjadikan Malaysia sebuah negara yang berpotensi dalam industri percetakan dan persuratkhabaran. Tetapi undang-undang yang ketat tentang Permit Penerbitan (KDN) dan Akta Cetak dan lain-lain menyebabkan pelabur enggan melabur dalam industri tersebut kerana bimbangkan Permit Penerbitan ditarik oleh Kerajaan dan demikian juga Permit Cetak. Adakah Kerajaan berhajat untuk berunding dengan Menteri berkenaan supaya peraturan penerbitan percetakan dilonggarkan supaya bagi membolehkan industri ini berkembang. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk menggalakkan penyertaan yang lebih aktif dalam industri tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa lebih ramai rakyat Malaysia mempunyai minat untuk membaca berikutan dengan pelaksanaan dasar pendidikan Kerajaan yang telah meningkatkan kadar orang-orang boleh membaca atau, dengan izin, "literacy" di negara ini. Kementerian Dalam Negeri juga sedar bahawa industri percetakan dan persuratkhabaran mempunyai potensi untuk berkembang di Malaysia. Pada masa ini Kementerian Dalam Negeri bersikap liberal ke atas permohonan lesen mesin cetak dan permit penerbitan.

Dari tahun 1974 sehingga 1980 sejumlah 802 permit penerbitan dan sejumlah 719 lesen mesin cetak telah dikeluarkan. Manakala 11 permit penerbitan telah dibatalkan bagi

jangka masa yang sama tetapi tidak ada lesen mesin cetak yang dibatalkan. Sehingga akhir tahun 1987 pula sejumlah 1,342 lesen mesin cetak dan 1,245 permit penerbitan telah dikeluarkan. Sepanjang tahun 1987, iaitu sehingga 30-9-1987, hanya 4 permit penerbitan telah dibatalkan di bawah peruntukan akta mesin cetak dan penerbitan 1984. Dari perbandingan angka-angka tersebut, jelas menunjukkan kadar pertambahan pengeluaran lesen mesin cetak adalah sebanyak 86.7% dan kadar pertambahan pengeluaran permit penerbitan adalah sebanyak 55.24%.

Keempat-empat permit penerbitan yang dibatalkan pada tahun 1987 adalah oleh kerana kementerian ini mempunyai sebab-sebab yang kukuh dan alasan-alasan yang konkrit untuk menjamin ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Sepanjang tahun 1987, tidak ada permit penerbitan atau lesen mesin cetak yang digantung. Yang anehnya lesen mesin cetak telah tamat tempohnya dan mati begitu sahaja bukan kerana tindakan kementerian ini tetapi disebabkan pihak pencetak dan penerbit sendiri yang tidak dapat mengeluarkan hasil penerbitan dan tidak dapat sambutan dari orang ramai akhirnya terkubur begitu sahaja. Penerbitan-penerbitan yang terhenti seperti yang disebutkan adalah Minggu Perdana dan Harian Kota.

Sememangnya hasrat Kementerian Dalam Negeri untuk menjadikan industri penerbitan satu industri yang menarik. Kementerian ini telah berusaha untuk mencapai hasrat dan matlamat tersebut. Dan ini jelas terbukti dengan angka-angka yang saya sebutkan tadi. Tetapi terpulanglah kepada mereka iaitu pencetak-pencetak dan penerbit-penerbit untuk berusaha lebih gigih lagi untuk menjadikan industri ini satu

industri yang menarik, selaras dengan selera rakyat dan undang-undang negara.

### FILEM DARI LUAR NEGERI

**12. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan beliau baru-baru ini bahawa filem-filem dari luar negeri tidak dapat diimport ke negara kita pada masa hadapan dan apakah negeri-negeri yang terlibat dengan alasan yang diberi;
- (b) bolehkah beliau memberi sebab-sebab hendak dikurangkan masa siaran berita dalam Bahasa Tamil dan apakah rasional untuk mengurangkan masa yang diperuntukkan untuk filem Tamil setiap hari dari 50 minit ke 40 minit; dan
- (c) adakah Yang Berhormat sedar akan kaum India di negara kita masih tidak puas hati di atas masa dan kualiti rancangan-rancangan yang telah diperuntukkan untuk Bahasa Tamil dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Berhubung dengan perkara yang pertama tidaklah benar saya mengatakan bahawa filem-filem dari luar negeri tidak akan diimport ke negara ini khususnya untuk kegunaan RTM. Walaupun RTM sedang berusaha untuk membanyakkan siaran rancangan-rancangan terbitan tempatan, filem-filem luar negeri yang sesuai akan terus dibenarkan masuk dan disiarkan oleh RTM. Hanya filem filem yang mengandungi unsur-unsur yang tidak baik bagi negara dan masyarakat Malaysia akan ditolak oleh RTM.

Berhubung dengan perkara kedua, pengurangan masa bagi berita Tamil adalah merupakan langkah sementara sahaja. Langkah itu perlu memandangkan bahawa RTM hanya mempunyai satu studio untuk kegunaan penyiaran Warta Berita tidak kira dalam apa bahasa pun. Berita dalam bahasa Tamil disiarkan pada pukul 5.45 petang dan berita dalam bahasa Mandarin disiarkan pada pukul 6.40. Masa yang sesuai adalah perlu untuk persiapan bagi penyiaran berita dalam bahasa Mandarin itu. Keadaan ini akan dapat diatasi sesudah kerja-kerja pembaikan Studio 3 di Angkasapuri dapat disiapkan dan penyiaran berita boleh dibuat dari studio-studio yang berlainan.

Begitu juga halnya dengan pengurangan masa tayangan filem Tamil dari 50 minit kepada 40 minit. Ini perlu dilakukan kerana "Tamil Belt" bermula dari pukul 5.00 dan Berita Tamil disiarkan pada pukul 5.45 petang. Memandangkan waktu siaran filem itu bererti berita Tamil tidak dapat disiarkan pada pukul 5.45 petang. Sebarang perubahan akan menjejaskan program-program yang lain.

Bagi menjawab soalan yang akhir. Kementerian Penerangan faham bahawa rancangan-rancangan RTM tidak akan dapat memuaskan selera semua pihak kerana lain manusia lain pula kesukaannya. Masing-masing pihak pula mahukan program kesukaan mereka ditayangkan pada waktu yang sesuai untuk kepuasan hati mereka sendiri. RTM memanglah tidak dapat melayan semua ini. Tugasnya di samping memberi hiburan adalah juga untuk memberikan maklumat dan penerangan-penerangan berhubung dengan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan serta aktiviti-aktiviti rakyat. Jika pihak Yang Berhormat itu tidak puas hati dengan masa dan mutu siaran Bahasa Tamil pada masa ini,

saya hanya dapat melaporkan bahawa kami juga selalu mendapat pujian-pujian mengenai rancangan-rancangan Tamil yang disiarkan di RTM2. Misalnya siaran Drama Tamil di hari Deepavali yang lalu telah banyak mendapat pujian di akhbar-akhbar tempatan. Walau bagaimanapun RTM sentiasa berusaha untuk memperbaiki semua rancangannya baik di dalam Bahasa Kebangsaan, Cina ataupun Tamil.

## DUTI SETEM ATAS PINDAHMILIK

**13. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau bercadang mengurangkan duti setem bagi tukarmilik, kadar duti setem sekarang amat tinggi bagi pembeli-pembeli rumah kos rendah.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Ingin saya memaklumkan bahawa kadar duti setem yang dikenakan ke atas suratcara pindahmilik/tukarmilik pembelian rumah ialah 1% bagi tiap-tiap \$100.00 atau sebahagiannya bagi \$100,000.00 yang pertama dan 2% bagi tiap-tiap \$100.00 atau sebahagiannya bagi jumlah yang melebihi \$100,000.00. Kadar ini adalah rendah dan tidak membebankan pembeli-pembeli rumah, walaupun pembeli rumah jenis mahal. Oleh itu kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan kadar duti setem yang dikenakan sekarang.

Bagi golongan pembeli rumah kos rendah pula, sukacita dimaklumkan bahawa duti setem ke atas suratcara pindahmilik/tukarmilik, sekuriti dan kontrak jualbeli adalah dikecualikan. Pengecualian ini diberikan ke atas pembelian rumah kos rendah di bawah Rancangan Khas Perumahan yang diumumkan oleh kerajaan di dalam tahun 1986.

Dalam sesuatu pembelian rumah, selain daripada suratcara pindahmilik/

tukarmilik, dokumen lain seperti berikut juga tertakluk kepada duti setem:

- (i) Suratcara sekuriti Kadar duti setem yang dikenakan ialah 0.5% ke atas jumlah yang dipinjamkan; dan
- (ii) Suratcara/kontrak jual beli Kadar duti setem yang dikenakan ialah sebanyak \$3.00.

Jumlah hasil yang dikutip dari duti setem yang dikenakan ke atas suratcara pindahmilik bagi tahun 1984 hingga 1986 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah duti setem ke atas suratcara pindahmilik</i>
1984 .. .. .	\$144,763,843
1985 .. .	125,054,472
1986 . . . .	96,134,262

## PIRING CUKAI JALAN MOTOSIKAL

**14. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar akan meningkatkan insiden-insiden piring cukai jalan motosikal dicuri dan jika ya, adakah Kementerianya akan mengambilkira meminda peraturan adalah menjadi satu kesalahan jika tidak melekat dan mempamerkan piring-piring cukai tersebut di motosikal-motosikal dan sebaliknya digantikan dengan cara yang digunakan dalam pemeriksaan lesen-lesen memandu di mana penunggang-penunggang motosikal hendaklah menunjukkan satu lesen yang sah apabila diminta untuk berbuat demikian oleh pihak Polis, dan jika tidak, kenapa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Kementerian Pengangkutan sedar akan insiden-insiden piring cukai jalan motosikal dicuri atau tercicir

kerana undang-undang masakini memerlukan cukai jalan motosikal dipamerkan dengan jelas di sebelah kiri motosikal berkenaan di hadapan tempat duduk. Oleh yang demikian, piring cukai jalan tersebut adalah terdedah dan mudah ditanggalkan daripada bekasnya. Berhubung dengan perkara ini Kementerian Pengangkutan akan mengambil tindakan meminda peraturan yang sedia ada bagi membolehkan pemilik/pemandu motosikal menyimpan dengan selamat cukai jalan motosikal dan ditunjukkan hanya apabila diminta oleh pegawai pengangkutan jalan atau pegawai Polis dan tidak perlu dipamerkan pada motosikal berkenaan.

#### MARDI DI SARAWAK— PENYELIDIKAN

**15. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Pertanian menyatakan perbezaan dan persamaan tanggungjawab-tanggungjawab Jabatan Pertanian Sarawak dan MARDI di Sarawak. Tidakkah ada rancangan dari Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk memindahkan sahaja Bahagian Penyelidikan di Jabatan Pertanian Sarawak ke dalam MARDI, Sarawak agar tenaga yang tercantum itu dapat menyumbangkan dengan lebih berkesan lagi terhadap aspek penyelidikan pertanian di Sarawak.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Kegiatan penyelidikan MARDI di Sarawak ditumpukan ke arah menguji teknologi-teknologi pertanian yang telah dibangunkan di Semenanjung di kawasan-kawasan yang ditentukan oleh Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Sarawak dan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak. Ini akan dapat mempercepatkan lagi pemindahan teknologi-teknologi MARDI pertanian yang telah wujud di Semenanjung ke Negeri Sarawak.

Selain dari itu beberapa penyelidikan di dalam bidang tertentu yang diarahkan oleh pihak Kerajaan dan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Sarawak dijalankan di Stesen-stesen MARDI di Semenanjung.

Segala kegiatan penyelidikan MARDI di Sarawak ini dijaikan dengan kerjasama Jabatan dan agensi-agensinya di bawah Kementerian dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak dan juga dengan kerjasama petani-petani.

Oleh kerana segala penyelidikan MARDI di Sarawak adalah di atas persetujuan dan arahan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Sarawak pertindihan tanggungjawab penyelidikan di antara MARDI dan Jabatan Pertanian Sarawak tidak akan berlaku.

Sebaliknya, Jabatan Pertanian Sarawak akan menumpukan penyelidikan mereka terhadap pembangunan teknologi-teknologi khas untuk Negeri Sarawak di mana MARDI tidak akan memberi penumpuan.

#### KEKURANGAN DOKTOR DI SABAH

**16. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa Sabah masih lagi kekurangan doktor khususnya di beberapa buah kawasan di pedalaman, di mana nisbahnya ialah lebih 20,000 penduduk bagi seorang doktor. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengimport doktor dari luar negeri bagi menampung kekurangan doktor di beberapa buah negeri, di negara ini.

**Dato' K. Pathmanaban:** Kerajaan sedar bahawa masih terdapat kekurangan kemudahan-kemudahan rawatan perubatan di beberapa

kawasan pendalaman di mana taburan penduduknya adalah begitu melata dan terdapat pula keadaan perhubungan yang rumit. Bagi mengatasi masalah sedemikian, buat masa ini Kementerian telah mengadakan perkhidmatan doktor udara serta pasukan-pasukan perubatan bergerak, sebagai tambahan kepada kemudahan-kemudahan klinik-klinik statik dispensari dan Hospital yang sedia ada. Keadaan-keadaan yang kurang memuaskan ini sedang di atasi oleh Kerajaan dengan cara membangunkan kawasan-kawasan tersebut menerusi rancangan pembangunan Kerajaan yang berjalan dengan berterusan itu.

Mengenai cadangan untuk mengambil doktor-doktor asing secara kontrak, saya rasa ini adalah tidak perlu lagi oleh kerana universiti-universiti tempatan telah pun mengeluarkan lebih ramai doktor-doktor dan tidak lama lagi negara akan mempunyai doktor-doktor yang mencukupi.

#### ANGKATAN TENTERA— PEMBELIAN KELENGKAPAN PERANG

**17. Dato' Zainal Abidin bin Johari** minta Menteri Pertahanan menyatakan siapakah yang bertanggungjawab membeli kelengkapan perang angkatan tentera kita, sama ada syarikat swasta atau angkatan tentera sendiri dan mengapa.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha):** Angkatan tentera adalah bertanggungjawab dalam mengenalpasti peralatan-peralatan yang dikehendaki, kerana mereka adalah pengguna kepada alat kelengkapan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dan Dewan yang mulia ini Kementerian Pertahanan adalah bertanggungjawab di atas semua urusan pembelian bagi alat-alat "Capital" yang tidak melebihi 5 juta ringgit, sementara bagi pembelian alat "Capital" yang melebihi 5 juta adalah diuruskan oleh Kementerian Kewangan. Semua pembelian alat kelengkapan tentera hanya dibeli oleh pihak Kerajaan dan bukannya syarikat swasta.

#### SISWAZAH MENGGANGGUR

**18. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyak dari jumlah penganggur siswazah adalah dari pengajian kemanusiaan sastera dan perlu sedar rancangan pendidikan pada masa hadapan patut memberi penekanan kepada sains, teknologi dan kemahiran profesion.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah siswazah menganggur dari pengajian Kemanusiaan Sastera (Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan) yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Awam sehingga 30 September, 1987 ialah 4,549 orang. Sebenarnya siswazah yang menganggur adalah terdiri dari semua bidang pengajian. Kementerian Pendidikan sememangnya memberi penekanan kepada bidang-bidang sains, gunaan, sains tulen, teknologi dan kemahiran profesion di dalam rancangan pendidikan di institusi pengajian tinggi tempatan.

#### GAS ASLI CECAIR (LNG)

**19. Tuan James Jimbun Pungga** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah barrel LNG di Bintulu yang dieksport ke Negeri Jepun dan berapakah pendapatan

hasil bayaran royalti yang akan dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Sarawak di dalam tempoh 3 tahun yang lalu iaitu 1984, 1985, 1986.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):** Sehingga September tahun ini, sejumlah 18.63 juta tan gas asli cecair atau LNG daripada kilang Malaysia LNG Sdn Bhd di Bintulu telah dieksport ke Jepun.

Jumlah royalti yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri Sarawak di antara tahun 1984 hingga 1986 ialah sebanyak \$662 juta dan bayaran yang dibuat tiap-tiap tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun Berakhir 31 Mac</i>	<i>Royalti (Juta Rgt)</i>
1984 . . . . .	197
<b>1985</b> .. .. .	239
<b>1986</b> .. .. .	226
	<hr/>
	662
	<hr/>

#### PERMIT KENDERAAN

**20. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- bilangan kelulusan dan penolakan bagi permohonan permit untuk semua jenis kenderaan dalam tempoh enam bulan yang lalu iaitu dari Mac hingga September, 1987 di tiap-tiap daerah di Sabah;
- kenapa ada kelewatan dalam meluluskan dan memperbaharui permit. Adakah kelewatan tersebut berlaku oleh kerana rasuah pegawai-pegawai yang berkenaan;
- sama ada beliau bersedia untuk mendihikan pejabat cawangan di Sandakan dan di Tawau supaya kelulusan dan pembaharuan permit dapat dicepatkan; dan

- rancangan untuk mengalirkan perkhidmatan di seluruh negeri supaya rakyat tidak akan lagi menderita kelewatan dan kerugian wang.

#### **Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):**

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah lesen yang dituluskan dan ditolak bagi semua jenis kenderaan bagi tempoh 6 bulan dari Mac hingga September, 1987 di tiap-tiap daerah di Sabah adalah seperti berikut:

<i>Daerah</i>	<i>Lulus</i>	<i>Tolak</i>
Pantai Barat	728	277
Pendalaman	268	44
Sandakan .	355	81
Tawau ..	437	120
Kudat ..	37	1
W. P. Labuan	40	4
	<hr/>	<hr/>
JUMLAH ..	1,865	527
	<hr/>	<hr/>

- Kelewatan tersebut berlaku adalah disebabkan adanya "backlogs" sejak Oktober, 1986 hingga Mac, 1987. Bagi tempoh tersebut, Lembaga Pengarah telah tidak mengadakan mesyuarat oleh kerana ahli-ahli Lembaga Pengarah belum lagi dilantik "backlogs" yang tersebut telah dibereskan.

Adalah tidak henar kelewatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana perbuatan rasuah pegawai-pegawai yang berkenaan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti bahawa perbuatan rasuah telah dilakukan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan, silalah laporkan supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak perlu LPPJ mendirikan Cawangan di Sandakan dan di Tawau. Ini adalah kerana Lembaga-lembaga mengadakan mesyuarat-mesyuaratnya di Bahagian berkenaan tiap-tiap bulan untuk menimbangkan permohonan-permohonan dari Bahagian-bahagian tersebut.
- (d) LPPJ Sabah telah pun menyediakan perkhidmatan di seluruh negeri dengan menghantar pegawai-pegawainya ke semua daerah untuk menolong mempercepatkan proses permohonan mereka. Pemohon-pemohon tidak perlu ke Kota Kinabalu untuk menghantar sendiri permohonan-permohonan mereka. Malah mesyuarat-mesyuarat Lembaga diadakan di tiap-tiap daerah dari semasa ke semasa untuk memproses dan menimbangkan permohonan mereka. Cara ini telah dapat mengelakkan pemohon-pemohon pergi ke Kota Kinabalu.

#### PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN

21. **Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan angka-angka pendapatan sebuah keluarga dikira sebagai garisan kemiskinan dan peraturan keluarga di bawah garisan kemiskinan di Malaysia setiap tahun sejak tahun 1980 hingga tahun ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Pendapatan garis kemiskinan ditakrifkan sebagai sejumlah pendapatan yang mencukupi untuk membeli keperluan makanan yang minimum bagi mengelakkan sesebuah isi rumah dalam keadaan yang sihat dari segi pemakanan dan keperluan-

keperluan bukan makanan lain seperti pakaian dan alas kaki, sewa tempat kediaman, bahanapi dan tenaga, kemudahan perhubungan dan pengangkutan, pelajaran, perubatan serta rekreasi. Pendapatan garis kemiskinan diubahsuai setiap tahun dengan mengambilkira perubahan paras harga keperluan-keperluan tersebut mengikut perubahan Indeks harga Pengguna bagi menggambarkan perubahan kos hidup rakyat di negara ini. Oleh yang demikian, ukuran kemiskinan juga adalah mengikut kedudukan taraf hidup mengikut norma-norma kehidupan masyarakat yang lazim di negara ini.

Peratus keluarga miskin adalah dikira berasaskan data-data daripada banci dan penyiasatan pendapatan yang meliputi seluruh negara. Sehingga ini, banci dan penyiasatan-penyiasatan yang dijalankan adalah bagi tahun-tahun 1970, 1976, 1979 dan 1984.

Berdasarkan banci dan penyiasatan-penyiasatan tersebut, kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurang daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 39.6 peratus pada tahun 1976, 29.0 peratus pada tahun 1979 dan seterusnya kepada 18.4 peratus pada tahun 1984. Data-data selepas tahun 1984 belum lagi diperolehi tetapi berasaskan maklumat-maklumat yang ada, kadar kemiskinan bagi tahun-tahun 1985 dan 1986 dijangka menurun sedikit dari tahap yang dicapai pada tahun 1984 akibat kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara dalam tempoh tersebut.

#### PENDAFTARAN PELARIAN FILIPINA

22. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah selepas pihak polis siap mendaftar orang-orang pelarian dan pendatang-pendatang haram di Negeri Sabah pada tahun ini, Kerajaan

Negeri Sabah pula memulakan pendaftaran orang-orang pelarian dan pendatang-pendatang haram di Negeri Sabah sama ada beliau berasa pendaftaran bertindih ini membazirkan wang dan masa dan juga mengapakah tidak wujudnya kerjasama antara kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam hat ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua banci itu sebenarnya mempunyai dua matlamat yang berasingan. Banci yang dijalankan oleh pihak polis adalah mempunyai tujuan-tujuan berhubung dengan urusan kepolisian manakala banci yang dianjurkan oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah mempunyai tujuan-tujuan sosio-ekonomi bagi membolehkan pihak berkuasa negeri mengadakan satu rancangan tertentu bagi mengatasi masalah pendatang-pendatang haram dari Pllipina.

**PERJANJIAN MENANGKAP IKAN  
TUNA LAUT**

23. **Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pertanian menyatakan perjanjian kerjasama Malaysia-Thailand untuk menangkap ikan Tuna Laut dalam di perairan Malaysia, adakah ini satu langkah percubaan atau berterusan dan berapa tahunkah lamanya kekal perjanjian yang tersebut, adakah ianya tidak menjejaskan kepada pendapatan-pendapatan kepada nelayan-nelayan kecil. Dan bolehkah nelayan-nelayan Malaysia dibenarkan mencari ikan dalam perairan Thailand dengan ujudnya perjanjian kerjasama Malaysia-Thailand yang telah dijalankan itu.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:**

Setakat ini tidak ada sebarang perjanjian kerjasama mahupun usahasama perikanan di antara Kerajaan Malaysia dengan Thailand

tetapi hanya terdapat kerjasama perikanan dalam bidang pemasaran di peringkat luar dari Kerajaan Malaysia dan Thailand di antara dua buah syarikat iaitu sebuah darinya ialah dari tempatan dan sebuah lagi dari Thailand. Oleh yang demikian tidaklah timbul mengenai soalan adakah perkara tersebut sebagai satu langkah percubaan atau berterusan dan berapa tahunkah lamanya kekal perjanjian tersebut.

Masalah penjejatan pendapatan nelayan-nelayan kecil tidak timbul oleh kerana bot-bot terlibat dalam kerjasama tersebut hanya dibenarkan menangkap ikan di kawasan 30 batu jauh dari pantai dan aktiviti-aktiviti bot-bot tersebut sentiasa dikawal oleh agensi-agensi penguatkuasaan dari laut dan udara.

Soalan sama ada nelayan-nelayan Malaysia boleh dibenarkan untuk menangkap ikan di perairan Thailand atau tidak, tidak timbul kerana perjanjian di antara kedua-dua Kerajaan tidak ujud dan sehingga kini tidak ada permohonan daripada nelayan Malaysia untuk menangkap ikan di perairan Thailand dan jika ada pihak Kementerian akan menemui Kerajaan Thailand untuk mendapatkan kebenaran.

**SKIM PEKERJAAN SEMENTARA  
SISWAZAH**

24. **Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Perdana Menteri menerangkan:

- (a) program Skim Pekerjaan Sementara Siswazah dan Skim Siswazah Pertanian untuk siswazah menganggur sejak skim tersebut dilancarkan di peringkat Persekutuan dan Negeri;
- (b) memandangkan kedua-dua skim tersebut kurang memberi kesan terutama kepada

siswazah-siswazah itu sendiri, tidakkah Kerajaan bercadang untuk melibatkan pihak swasta dengan memberi subsidi gaji kepada syarikat-syarikat swasta yang sanggup memberi kerja kepada siswazah-siswazah ini; dan

- (c) dijangkakan skim "Subsidi Gaji" kepada pihak swasta menguntungkan dari segi pendedahan dan pengalaman serta dapat menggerakkan ekonomi pihak swasta dengan penglibatan guna tenaga mahir tapi murah, adakah Kerajaan bercadang untuk melancarkan skim ini dan kalau ia, bila.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Dato' Dr Mohamad Yusuf bin Haji  
Mohamed Nor):**

- (a) Sejak Program Skim Khidmat Sambilan dimulakan pada 1 Julai, 1986, seramai 4,000 orang siswazah peringkat Ijazah dan Diploma telah dilantik berkhidmat ke dalam skim yang berkenaan. Mereka telah ditempatkan di pelbagai Jabatan Kerajaan baik Jabatan Persekutuan dan juga Negeri di seluruh negara. Pada peringkat awalnya skim ini dirancang untuk tempoh 6 bulan sahaja iaitu sehingga 31 Disember, 1986 tetapi kemudiannya telah dilanjutkan untuk tempoh 6 bulan lagi mulai dan 1 Januari, 1987 sehingga 30 Jun, 1987. Selepas daripada tarikh itu sekali lagi skim ini telah dilanjutkan tempohnya atas dasar bulan ke bulan mulai 1 Julai, 1987 hingga ke satu tempoh yang akan ditetapkan. Bagaimanapun, sehingga 30-9-87 bilangan siswazah yang masih berada di bawah skim ini ialah seramai 2,919 orane

mendaftar dengan Kementerian Pertanian di bawah Skim Siswazah Pertanian. Mereka ini terdiri dari siswazah yang berkelulusan di bidang pertanian. Setakat ini sejumlah 66 orang siswazah telah dipilih untuk melibatkan diri dalam projek-projek pertanian di bawah program ini.

- (b) Sememangnya Kerajaan mempunyai rancangan untuk melibatkan Sektor Swasta bagi membantu mengatasi masalah siswazah-siswazah menganggur. Pertemuan pertama di antara Kerajaan dengan sektor swasta telah pun diadakan pada 6-10-87 di mana sektor swasta telah diminta mengemukakan program yang berkenaan untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan.
- (c) Kerajaan masih mengkaji program-program latihan yang boleh ditawarkan oleh sektor swasta. Oleh yang demikian, apa jenis bantuan yang diperlukan daripada Kerajaan belumlah boleh diputuskan pada masa ini.

**PENUNTUT INDIA DI UNIVERSITI  
TEMPATAN**

25. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau boleh membahagikan 10% tempat bagi penuntut-penuntut India di Universiti-universiti Tempatan memandangkan bahawa penyelesaian dalam pemilihan murid-murid masih terdapat sebagai contoh pada tahun 1986 di Universiti Kebangsaan Malaysia sebanyak 9 tempat telah diberi untuk penuntut-penuntut India tetapi pada tahun 1987 dikurangkan kepada 4 tempat di Universiti tersebut

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan adalah berdasarkan merit pencapaian dalam peperiksaan STPM dan agihan tempat adalah berdasarkan quota 55% Bumiputera dan 45% bukan Bumiputera.

Urusan kemasukan dibuat mengikut dasar ini dan tidak ada apa-apa penyelewengan berlaku seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Perangkaan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat adalah pengambilan pelajar ke Fakulti Perubatan UKM. Ini tidak menggambarkan pengambilan keseluruhan pelajar. Pengurangan pengambilan pelajar-pelajar ke Fakulti berlaku secara keseluruhan untuk semua kaum di mana bagi sesi 1986/87 terdapat seramai 190 orang pelajar yang diambil tetapi bilangan ini telah dikurangkan kepada 150 orang bagi sesi 1987/88. Ini dilakukan untuk menyesuaikan dengan kemampuan Fakulti Perubatan dari segi tenaga pengajar, kemudahan di Hospital Besar, Kuala Lumpur dan kemudahan peralatan. Oleh kerana tempat yang terhad, pelajar-pelajar terpaksa bersaing dan hanya mereka berjaya diterima masuk ke Fakulti berkenaan.

*(Soalan No. 26. Sila lihat jawapan No. 4 pada 12-10-87).*

#### **KEMATIAN PUNISELYAM— PENYIASATAN**

27. **Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan dalam kes-kes di mana kematian berlaku di bawah keadaan-keadaan luar biasa, apakah prosedur-prosedur yang perlu dilaksanakan mengikut ilmu hukum perubatan (medical jurisprudence). Apakah tindakan yang patut diambil oleh pihak polis, doktor pemeriksa

mayat dan seterusnya, pihak Peguam Negara dalam kes-kes ini apabila penguatkuasa undang-undang turut terlibat sebagai pihak yang menyebabkan kematian, seperti dalam kes pembunuhan Puniselvam.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Apabila sesuatu kematian berlaku ke atas seseorang manusia, adalah perlu ditentukan sebab kematian tersebut. Jika sebab-sebab kematian itu tidak dapat ditentukan dengan nyata maka satu "post-mortem" adalah perlu dijalankan oleh pihak perubatan bagi memperolehi ketentuan tersebut.

Tanpa mengambil kira sama ada kematian itu disyaki dilibatkan oleh sesiapa, termasuk penguatkuasa undang-undang, jika sesuatu kematian berlaku di dalam keadaan luar biasa, pihak polis akan menjalankan penyiasatan dan mengatur satu pemeriksaan "post-mortem" ke atas mayat tersebut oleh Pegawai Perubatan Kerajaan bagi menentukan sebab kematian.

Jika hasil penyiasatan polis itu membuktikan sesuatu kesalahan jenayah telah dilakukan oleh seseorang yang menyebabkan kematian tersebut, tindakan akan diambil untuk mendakwa pihak yang disyaki itu. Di dalam lain-lain hal, hasil penyiasatan polis itu akan diedarkan kepada Magistret bagi maksud diadakan satu siasatan bagi memperolehi ketentuan di atas sebab kematian itu. Jika Magistret tersebut dapat menentukan sebab kematian berpandukan kepada maklumat-maklumat siasatan dan laporan-laporan yang dikemukakan kepadanya oleh pihak polis ia tidaklah perlu mengadakan siasatan. Walau bagaimanapun, ia perulah melaporkan perkara ini kepada Pendakwaraya dengan menyatakan sebab-sebab ia mencapai keputusan sedemikian dan di dalam masa yang

sama menghantar kepada Pendakwaraya semua laporan dan dokumen yang berada di dalam milikannya berhubung dengan perkara tersebut.

Jika ia tidak dapat membuat ketentuan sedemikian Magistret berkenaan hendaklah mengadakan satu siasatan terbuka bagi menentukan bila, di mana dan bagaimana si mati telah menemui ajalnya dan juga sama ada mana-mana orang telah melakukan perbuatan jenayah yang menyebabkan kematian tersebut. Magistret tersebut kemudiannya adalah dikehendaki menghantar kepada Pendakwaraya catatan keterangan dan keputusannya.

Di dalam kes berhubung dengan kematian Puniselvam, pihak polis dan perubatan telah melaksanakan tugas mereka dan kesnya itu telah pun dikemukakan kepada Magistret di Bentong, Pahang dan beliau telah menetapkan siasatan terbuka dijalankan pada 2 dan 3 Disember, 1987.

#### UJIAN KLINIKAL

28. **Tuan Ngoi Thiam Woh** mmta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementeriannya menjalankan pengajian, penyelidikan dan ujian klinikal (clinical tests) atas minyak kelapa sawit dan mengeluarkan laporan supaya membuktikan tuntutan Persatuan Kacang Soya Amerika bahawa minyak kelapa sawit boleh mengakibatkan penyakit jantung adalah salah dan mengelirukan, jika ada apakah keputusannya, jika tidak, mengapa.

**Dato' K. Pathmanaban:** Kementerian Kesihatan Malaysia, melalui program penyelidikannya yang dikendalikan oleh Institut Penyelidikan Perubatan, sedang giat menjalankan penyelidikan, termasuk ujian klinikat, ke atas minyak kelapa sawit. Kajian ini dibantu oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit

Malaysia (PORIM). Adalah dijangka bahawa laporan penyelidikan ini akan dapat dibuat di dalam masa beberapa bulan lagi.

#### PAKAIAN PESAKIT DI HOSPITAL BESAR IPOH

29. **Tuan P. Patto** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kekurangan selimut dan juga pakaian pesakit di Hospital Besar Ipoh. jika ya, mengapakah keperluan asas ini pun tidak dapat diberi oleh Kementeriannya; dan apakah jenis tindakan yang akan diberi oleh Kementeriannya; dan apakah jenis tindakan yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk memastikan bahawa tidak terdapat kekurangan selimut dan pakaian pesakit dalam Hospltal Besar Ipoh di masa depan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Untuk makluman Yang Berhormat. tidak ada kekurangan kain selimut dan pakaian di Hospital Besar Ipoh. Apa yang telah berlaku ialah pada bulan Ogos, September dan Oktober tahun ini, laundry di Hospital Besar Ipoh telah ditutup untuk diperbaiki dan semua selimut dan baju-baju dihantar ke Hospital Daerah Teluk Intan untuk dicuci. Pada keseluruhannya peraturan ini tidak menimbulkan apa-apa masalah. Tetapi ada kalanya di mana keperluan pakaian untuk pesakit-pesakit tidak dapat diadakan serta merta oleh sebab pakaian-pakaian yang bersih belum lagi sampai dari Hospital Daerah Teluk Intan.

Kerja-kerja memperbaiki laundry Hospital Besar Ipoh sedang dijalankan dan dijangka siap pada pertengahan bulan Disember.

#### KOORDINASI JABATAN DENGAN KEMENTERIAN PERTANIAN

30. **Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa koordinasi

antara Kementerian Pertanian, khususnya di peringkat daerah, masih belum begitu jelas dan berkesan, masing-masing dengan pendekatan dan matlamatnya. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi memastikan wujudnya koordinasi yang padu antara jabatan-jabatan berkenaan.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:**

Adalah tidak benar dakwaan bahawa koordinasi antara Jabatan dalam Kementerian Pertanian khususnya di peringkat daerah masih belum begitu jelas dan berkesan. Pihak agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian yang terlibat dengan pembangunan pertanian adalah jelas tentang peranan masing-masing dan koordinasi di antara mereka dipertingkatkan melalui mesyuarat-mesyuarat yang kerap diadakan di antara pihak Kementerian dengan kesemua jabatan-jabatan dan agensinya. Di dalam mesyuarat-mesyuarat ini pihak Kementerian memberi perhatian yang berat bukan sahaja kepada masalah koordinasi antara jabatan-jabatan tetapi juga memaklumkan kepada agensi-agensi berkenaan mengenai arahan-arahan dan dasar-dasar baru Kerajaan serta peranan masing-masing.

Sebagai usaha ke arah mengwujudkan koordinasi yang lebih berkesan, pihak Kementerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Penyelarasan Perhubungan dan Perancangan Antara Agensi Peringkat Negeri (JPPAAN) dan Jawatankuasa-jawatankuasa Penyelarasan Perhubungan dan Perancangan Antara Agensi Peringkat Daerah (JPPAAD). Jawatankuasa-jawatankuasa ini adakah bertanggungjawab ke atas perancangan dan penyelarasan projek-projek pertanian di negeri-negeri dan di daerah-daerah. Ianya dipengerusikan oleh pegawai-pegawai dari

Kementerian Pertanian dan mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya setiap dua bulan sekali.

Untuk makluman Yang Berhormat JPPAAD di Kuala Langat telah ditubuhkan pada 19-8-1986 dan apa-apa masalah yang dihadapi adalah di peringkat awal sahaja dan akan diselesaikan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun sekiranya Yang Berhormat ada mengesan kawasan di mana 'terdapat' kekeliruan/pertelingkahan/pertindihan matlamat dan peranan Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian, Yang Berhormat bolehlah memberitahu Kementerian supaya keadaan tersebut dapat diperbetulkan.

#### TELEFON SALAH BILLING

**31. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa faktor telah dikenalpasti yang menyebabkan "salah-billing" oleh Syarikat Telekom Malaysia yang telah diswastakan sekarang, dan apakah langkah segera dan langkah biasa untuk meningkatkan perkhidmatan Telekom selaras dengan penghargaan dan pengharapan pelanggan awam.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesilapan-kesilapan dalam bil-bil mungkin berlaku memandangkan bahawa Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) kini mengeluarkan sebanyak 1.109 juta bil telefon setiap bulan. Faktor-faktor yang telah dikenalpastikan adalah kesilapan meniket oleh telefonis bagi panggilan-panggilan yang dibuat melalui telefonis dan kerosakan meter. Walau bagaimanapun, kesilapan-kesilapan yang berlaku bukanlah disengajakan dan jumlahnya adalah kecil berbanding dengan jumlah bil yang dikeluarkan. Kementerian saya memandang berat masalah ini dan telah meminta STM supaya mencari

jalan untuk mengurang dan mengatasinya. Ini termasuklah penggunaan komputer dengan lebih luas lagi dalam proses pengeluaran bil telefon serta pengawasan yang lebih rapi terhadap telefonis.

Secara umumnya, langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan perkhidmatan telekomunikasi adalah berikut:

- (i) meningkatkan komitmen dan disiplin kerja di kalangan pengurusan dan kakitangan STM supaya menepati dengan harapan masyarakat dan pengguna;
- (ii) memperluaskan pembangunan rangkaian telekomunikasi; dan
- (iii) meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui penggunaan teknologi komputer.

#### HUKUMAN MATI AKIBAT PENGEDARAN DADAH

**32. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah nombor kes-kes yang melibatkan hukuman mati dalam pendedaran dadah yang mana rayuan (clemency) telah dibenarkan dan bentuk rayuan tersebut dibenarkan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1975 seramai 167 orang telah dikenakan hukuman mati di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Dari jumlah tersebut seramai 3 orang telah mendapat pengampunan, 5 orang diturunkan hukuman ke penjara seumur hidup oleh Mahkamah Persekutuan, 3 orang diturunkan kepada hukuman penjara 5 tahun dan 6 orang dibuang kes selepas rayuan dibuat kepada Mahkamah Persekutuan (Agong).

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

DAN

### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

##### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1988" dan "Anggaran Pembangunan 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Keenam*)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.19 (Jadual)—*

*Maksud P.19 (Anggaran Pem-bangunan 1988)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin tahu berapa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap di atas tajuk ini?

(*Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun*).

Terima kasih, sila duduk. Oleh sebab ramai yang ingin berucap, kita akan hadkan tempoh ucapan selama 10 minit seorang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Sungai Besi.

3.36 *ptg.*

**Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi):** Saya minta kecualian kepada masa terhad ini sebab saya dipanggil semalam, tetapi tanpa berucap satu perkataan pun.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya merujuk kepada muka surat 92, Butiran 17100, Tajuk 01 Rancangan Perparitan, Wilayah Persekutuan dan 02 Rancangan Tebatan Banjir, Kuala Lumpur.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka surat berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Tan Kok Wai:** 92. Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan ini mengenai masalah banjir kilat dalatn Kuala Lumpur. Walaupun Kuala Lumpur ialah ibu negara Persekutuan tetapi ia sering menghadapi masalah serius iaitu banjir kilat terutamanya semasa musim hujan banyak tempat dalam handaraya mengalami banjir kilat yang teruk.

Sebab utama yang menyebabkan keadaan ini adalah berpunca daripada sistem perparitan yang kurang memuaskan. Masalah banjir menjejaskan dengan teruk penghidupan rakyat dalam banyak cara. Ia tidak sahaja menyebabkan gangguan kepada orang ramai seperti kesesakan lalulintas secara besar-besaran tetapi juga kehilangan dan kerosakan harta-benda, satu ancaman ke atas keselamatan mangsa-mangsa banjir dan menimbulkan tekanan. . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Minta penjelasan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul GhaTar: Saya minta Yang Berhormat tolong slow sedikit, jangan terlampau laju, tidak faham apa yang dicakapkan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Sebab masa yang terhad, saya minta maaf.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya kasihan Yang Berhormat, beri dia peluang.

**Tuan Tan Kok Wai:** Dalam kawasan saya Sungai Besi dan kawasan rakan saya Seputeh misalnya, terdapat beratus-ratus keluarga yang kerap dilanda banjir setiap kali hujan turun akibat dari sistem perparitan yang tidak sempurna, aliran air melimpahi longkang dan sungai yang membawa bersamanya lumpur, tanah pasir dan sampah-sarap dan kemudiannya memasuki rumah orang. Saya telah melawat rumah-rumah yang terlibat dalam banjir dan saya mendapati bahawa alat perabot dan elektrik menjadi rosak kerana ditenggelami air, tiang dan dinding rumah banyak yang rosak dan tidak lagi selamat untuk didiami dan penghuni-penghuni yang terlibat terpaksa membaiki sendiri rumah mereka yang bermakna satu beban berat kepada mereka.

Masalah banjir juga menimbulkan berbagai penyakit. Masalah banjir tahun ini berlaku dengan seriusnya dalam bulan Oktober dan November. Ribuan isirumah teruk dilanda banjir semasa musim hujan. Adalah malang sekali semasa bulan yang lalu banjir dalam Bandaraya telah meragut tiga nyawa. Saya tidak faham mengapa Kerajaan tidak mempelajari dari pengalaman pahit banjir besar Kuala Lumpur dalam tahun 1971. Mengapa Kerajaan tidak mengambil apa-apa program tebatan banjir secara besar-besaran dalam Bandaraya bagi memastikan banjir besar tidak berulang lagi.

Tuan Pengerusi, sekarang 16 tahun sudah berlaku tetapi kita masih tidak mengetahui sama ada Kerajaan akan mengambil apa-apa langkah berkesan dan praktikal bagi memperbaiki sistem perparitan bagi seluruh Bandaraya. Saya merasa dukacita kerana

Kerajaan telah mengambil sikap endah tidak endah sahaja ke arah menyelesaikan masalah banjir dalam Kuala Lumpur. Ini terbukti dalam pengurangan yang besar peruntukan Rancangan Perparitan dan Rancangan Tebatan Banjir dalam Wilayah Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Kuala Lumpur diberikan \$36,570,000 untuk Rancangan Tebatan Banjir di bawah Rancangan Malaysia Kelima iaitu lebih separuh pengurangan peruntukan \$84,413,560 di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Sebenarnya, peruntukan bagi Rancangan Perparitan di bawah Rancangan Malaysia Kelima pada asalnya ialah \$20.5 juta dan sekarang dikurangkan menjadi \$6.5 juta.

Tuan Pengerusi, amaun peruntukan sekarang yang disediakan sangat kecil bagi program tempatan banjir dalam Kuala Lumpur dan peruntukan itu jauh dari mencukupi bagi projek-projek perparitan yang besar dan hanya sedikit kegunaan dalam menyelesaikan masalah tersebut. Berkaitan dengan masalah ini, saya benar-benar bersimpati dengan Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan yang mana saya percaya ia mempunyai cita-cita yang besar untuk melaksanakan pelbagai projek dan menyelesaikan dengan sempurna masalah banjir dalam Kuala Lumpur, tetapi hakikatnya, kekurangan peruntukan ini menjadikan mustahil untuk mencapai cita-cita ini. Peruntukan yang cukup ialah satu pra syarat bagi projek tempatan banjir dalam Kuala Lumpur. Akibat kekurangan wang ini, Jabatan Parit dan Taliair hanya mampu melaksanakan projek-projek kecil dan jangka pendek seperti melancarkan projek mendalam dan melebarkan setengah-setengah sungai dan longkang dari masa ke semasa sebagai bertujuan menyelesaikan secara jangka pendek atau sebahagian sahaja ke atas kawasan-kawasan yang mudah

dilanda banjir. Akibat kekurangan wang ini Jabatan tersebut gagal menyelesaikan masalah banjir dalam Kuala Lumpur secara tetap menerusi apa-apa program jangka panjang.

Masalah banjir menjejaskan mutu kehidupan ramai penghuni Kuala Lumpur. Ia jika dibiarkan semakin teruk. Saya takut pada masa depan Kuala Lumpur mungkin akan menjadi satu lagi Venice of the East setiap kali hujan turun. Saya menghargai Kerajaan telah menubuhkan lebih daripada 100 pusat bantuan banjir bagi mangsa-mangsa banjir dalam Wilayah Persekutuan. Tetapi tidakkah ini juga mencerminkan ketidakmampuan dan kegagalan Kerajaan kerana tidak dapat membantu menyelesaikan masalah banjir. Jabatan Parit dan Taliair sebaliknya menjadi tertumpu dengan terhadapnya sumbangan peruntukan, hanya boleh membuat kerja-kerja memberi amaran tentang banjir kilat tetapi tidak berupaya mencegah banjir dari melanda rumah, kilang dan jalan.

Tuan Pengerusi, kerana kerapnya banjir kilat berlaku penduduk Kuala Lumpur bertambah marah dan peka dengan masalah banjir ini. Saya difahamkan terdapat banyak kawasan dalam bandaraya di mana masalah ini telah wujud lebih daripada 10 tahun dan Kerajaan tidak membuat apa-apa untuk menyelamatkan keadaan. Kesejahteraan dan kebajikan golongan yang malang ini seolah-olah telah dilupai. Saya ingin memberi satu misalan di sini, iaitu ada satu petition yang dikemukakan bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan jalan Sungai Besi dan Salak South yang dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Siputeh kepada Jabatan Parit dan Taliair tiga bulan yang lalu dengan ditandatangani oleh 3,000 orang penghuni-penghuni di kawasan tersebut tetapi hingga sekarang belum ada jawapan langsung.

Bandaraya Kuala Lumpur sedang melalui proses pembangunan yang pesat dan pertumbuhan kependudukan yang tinggi tetapi ia tidak selaras dengan pembaikan dan peningkatan sistem perparitan. Sungai-sungai yang besar dalam Kuala Lumpur seperti Sungai Keiang, Sungai Gombak dan Sungai Batu dan banyak lagi sungai kecil semua mengalami masalah pemendapan, tebing sungai semakin sempit dan cetek dan tidak mampu lagi menakung lebih air yang banyak tatkala musim hujan. Ini menyebabkan bangunan dan jalan di kedua-dua belah tebing sungai dan kawasan berdekatan dilanda banjir, lebih-lebih lagi kerja tanah yang tidak teratur dilakukan oleh banyak pemaju yang tidak bertanggungjawab juga menyebabkan longkang-longkang tersumbat dan seterusnya melemahkan keberkesanan sistem perparitan.

Dalam mencapai objektif untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya yang bebas dari banjir, saya ingin mengambil peluang ini untuk merayu kepada Kerajaan supaya meluluskan satu peruntukan sekurang-kurangnya \$30 juta lagi bagi program tempatan banjir dalam Kuala Lumpur untuk anggaran peruntukan tahun depan.

Saya juga menyeru Kementerian Pertanian menambahkan lagi peruntukan rancangan tempatan banjir di bawah Rancangan Malaysia Kelima menjadikan \$100 juta. Saya juga mencadangkan bahawa Kementerian hendaklah dengan segera merangka satu Pelan Induk Tempatan Banjir Kuala Lumpur bagi memastikan bahawa di bawah garis panduan program berpandangan jauh. Masalah serius banjir dalam bandaraya akan menjadi satu catatan sejarah sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Parit.

3.45ptg.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin (Parit):** Saya suka membincangkan Butiran 00200 Bank Pertanian; 00300 MARDI; 00700 LPP dan lain-lain butiran yang bersabit.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran 00200 Bank Pertanian, di bawah Program Sawah Terbiar yang diperuntukkan \$12.5 juta; Program Pertubuhan Peladang diperuntukkan \$12 juta. Apa yang mendukacitakan petani-petani dan peladang-peladang di desa adalah syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank Pertanian adalah sama dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank Pertanian kepada projek-projek komersial yang lain-lain.

Pada dasarnya kita sedia maklum bahawa projek-projek sawah terbiar ini merupakan satu projek yang sederhana viable ataupun boleh tahan sahaja. Saya merayu Bank Pertanian melonggarkan syarat-syarat ke usaha untuk memajukan banyak lagi sawah terbiar. Saya khuatir dengan peruntukan yang begitu banyak, jika sekiranya syarat-syarat ini masih lagi kekal, maka dukacita saya mengatakan di sini peruntukan yang sebanyak ini tidak dapat digunakan sepenuhnya.

Beralih daripada sawah terbiar kepada tanah terbiar yang mana saya rasa LPP telah dipertanggungjawabkan merupakan leading agency, dengan izin, tetapi tidak ada peruntukan khas yang diperuntukkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang. Saya yakin dan percaya jika sekiranya peruntukan khas bagaimana yang dinikmati oleh FELCRA di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan dinikmati pula oleh Lembaga Pertubuhan Peladang di bawah Kementerian Pertanian, saya yakin dan percaya banyak lagi tanah terbiar, banyak lagi sawah terbiar yang boleh dikendalikan oleh Pertubuhan

Peladang Kawasan dan dari segi pengurusannya adalah mengutamakan Kerajaan keseluruhannya kerana pengurusan Pertubuhan Perusahaan Peladang adalah daripada petani untuk petani, berbanding dengan pengurusan FELCRA dari pegawai kepada petani yang mana seharusnya perkara ini dititikberatkan.

Berasaskan pemerhatian saya di negeri Perak, banyak kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti oleh Pertubuhan Peladang Kawasan. Tetapi malangnya di atas syarat-syarat yang begitu ketat yang dikenakan oleh Bank Pertanian yang tidak ada ruang untuk memajukan tanah ini kerana faktor modal, maka terpaksa diserahkan kepada FELCRA. Bukan satu dua kawasan, banyak kawasan yang saya perhatikan. Saya merayulah sekali lagi supaya pihak Kementerian mengikut langkah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya memberi kepercayaan yang penuh kepada Pertubuhan Peladang Kawasan untuk memperuntukkan peruntukan yang lebih kepada Pertubuhan Peladang Kawasan untuk memajukan tanah terbiar, sawah terbiar di bawah konsep, "by the farmers for the farmers" dengan izin.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 00300 MARDI, telah dipertanggungjawabkan untuk membuat kerja-kerja penyelidikan dan saya mengucapkan syabas kepada MARDI kerana usaha-usaha gigih mereka telah pun mendatangkan faedah, membanyakkan kajian-kajian yang telah mendatangkan hasil, tetapi malangnya petani kecil ataupun peladang-peiadang atau rakyat jelata di desa dan juga di pekan tidak dapat menghayati, menikmati hasil kajian yang dibuat oleh MARDI. Saya tidak tahu di mana puncanya. Perkara ini juga harus mendapat perhatian dari Kementerian.

Saya difahamkan memanglah sepatutnya agen-agen pengembangan, extension agent ini bergerak ke arah menyebarkan lagi teknologi-teknologi hasil kajian yang diperolehi oleh MARDI yang mana saya rasa kalau kita laksanakan extension agent, dengan izin, dapat menyalurkan maklumat ini kepada orang ramai, banyak industri-industri kecil, banyak industri-industri kampung yang dapat dilaksanakan oleh orang ramai, lebih-lebih lagi petani-petani kecil di luar bandar. Tetapi saya yakin dan percaya dengan usaha gigih Kementerian Pertanian bersama dengan Jabatan-jabatan yang ada di bawahnya yang bersabit masalah ini dapat kita atasi dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, saya suka beralih kepada Butiran 00900 Subsidi Baja Padi. Dalam membincangkan Belanjawan 1988, saya telah bercakap panjang lebar bersabit dengan subsidi baja padi, tetapi saya sendiri suka menekankan dengan kaedah yang telah saya sarankan tempoh hari jika sekiranya diambilkita, kita dapat menyelamatkan berpuluh juta ringgit.

Saya mengucapkan syabas kepada pihak Kementerian yang telah memberi kepercayaan yang penuh kepada NAFAS sebagai pembekal subsidi baja padi tunggal, tetapi usaha-usaha untuk NAFAS membeli baja daripada kilang hendaklah dipastikan dalam pasaran bebas dunia, kerana jika sekiranya ada orang tengah, tidak kira siapa sama ada bumiputera atau bukan bumiputera, kita perlulah ketepikan masalah orang tengah ini dan terus ke pasaran terbuka dunia, kerana dengan cara ini dapat menjimatkan berpuluh-puluh juta ringgit yang mana saya telah pun perincikan dalam ucapan saya tempoh hari. Saya pohon pula dengan menyelamatkan berbelas-belas, berpuluh juta ringgit ini, dapat pula kita pastikan bahawa peruntukan yang dapat dijamin ini digunakan dalam pembangunan tanah terbiar dan sawah

terbiar. Jangan pula ditarik ke tempat lain, diberi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan kerana kecekapan mereka melalui NAFAS beri Pertubuhan Peladang Kawasan untuk memajukan tanah terbiar dan juga sawah terbiar. Inilah harapan saya kepada Kementerian, kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan dan juga pihak NAFAS.

Saya mengharapkan kepada NAFAS juga, yang sesudah kepercayaan diberi begitu tinggi kepada NAFAS supaya NAFAS ini betul-betul bernafas, dengan adanya Rancangan Kontrak Telur Ayam yang diberi oleh Kementerian Kewangan, dengan adanya Kontrak Daging Ayam diberikan kepada NAFAS, subsidi baja padi diberi kepada NAFAS, saya rasa sudah tibalah masanya supaya pihak Kementerian, LPP dan juga NAFAS betul-betul bernafas dengan membuat perancangan yang teliti, mengambilkira supaya telur-telur ini datang betul daripada peladang-peladang kita di luar bandar, daging-daging ayam ini datang daripada petani-petani kecil di luar bandar dan bukan lagi daripada orang-orang yang tertentu.

Saya yakin dan percaya bila saya sebut orang yang tertentu pihak yang berkenaan memahami apa yang saya katakan supaya hasrat Kerajaan ini dinikmati, dirasai oleh bukan sahaja NAFAS sebagai badan induk, tetapi dirasai oleh semua Pertubuhan Peladang Kawasan, orang-orang luar bandar, petani-petani, peladang-peladang menikmati bercerai-cerai, berangkai-rangkai, kalau hendak berangkai-rangkai naik, berangkai naik, kalau hendak bercerai jatuh, bercerai-cerai jatuh.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila gulungkan.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Hendak gulung ini. Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana mengingatkan saya, kalau tidak mungkin terlanjur.

Suka juga saya menyentuh sedikit bersabit dengan Jabatan Pertanian, kalau daripada zaman dahulu sampai sekarang ini kalaulah benih-benih tanaman buah-buahan ini ditanam di seluruh Malaysia ini saya rasa Malaysia lebih-lebih lagi Semenanjung penuh dengan durian, penuh dengan rambutan, penuh dengan mempelam, tetapi malangnya di bawah Butiran 2800 Pengesanan dan Penilaian. Saya pohon supaya perkara ini dinilai semula, sejauh mana dan sebanyak mana sudah ditanam, sebanyak mana yang ditanam itu hidup, sebanyak mana yang hidup pula yang tidak mengeluarkan hasil) kerana dalam masalah hidup tidak mengeluarkan hasil pun merupakan masalah yang berleluasa, jadi kita harap supaya perkara ini dapat perhatian yang lebih rapi dari Jabatan Pertanian.

Akhir sekali, saya suka juga menyentuh bersabit dengan kejenteraan ladang, kemudahan kejenteraan ladang Jabatan Pertanian pun ada, LPP pun ada dengan agensi peladangnya dan saya rasa ini adalah merupakan berlapis dan peruntukan yang diberikan kepada kemudahan kejenteraan peladang di bawah Jabatan Pertanian lebihkurang dalam \$1 juta. Ini saya rasa satu pembaziran, sepatutnya diselaraskan, cuma satu sahaja badan dalam bidang kejenteraan ladang, tidak payah banyak sangat.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudahlah. . . . .

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Oleh kerana Tuan Pengerusi selalu sangat kata "sudah", jadi saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Besut.

3.57 ptg.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut):** Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang untuk menyentuh tiga perkara iaitu penyakit AIDS, pelarian Vietnam dan pencerobohan nelayan asing. Ketiga-tiga. ....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Penyakit AIDS? Di bawah Butiran mana Yang Berhormat?

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Di bawah Kepala P.19, Butiran 22200. ....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka surat dahulu.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Muka surat 95 Butiran 22200 Menangkap ikan cara moden, Penguatkuasaan Perikanan dan Kapal Pemeriksaan. Ketiga-tiga perkara ini sebenarnya ada kait-mengait antara satu dengan lain dan ianya tergolong di bawah Kepala dan Butiran yang saya sebutkan tadi di mana peruntukan cara langsung telah diberi atau dicadang untuk diberi sebanyak \$12,360,500. Hypothesis kaitan antara 3 perkara ini boleh saya buat secara ringkas seperti berikut:

Penyakit AIDS pada masa ini ditakuti oleh manusia di seluruh dunia. Kalau dahulu manusia takut kepada penyakit kelamin seperti syphilis, gonorrhoea dan lain-lain.

Pada masa ini nampaknya penyakit AIDSlah yang paling ditakuti dan penyakit AIDS ini dipercayai berpunca daripada hubungan seks yang liar dan hubungan seks yang liar ini berlaku. ....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, minta maaf, saya masih tidak faham.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, dengar dahulu sekejap lagi akan ada hubungannya.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Berkaitan apa ini?

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Kaitannya penyakit AIDS menyebabkan orang-orang Yietnam membawanya dan mereka menjadi pelarian, mereka tenggelam di laut, dimakan oleh ikan dan ikan itu membawa kuman AIDS. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat seriuskah?

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Serius, betul!

Kita tahu penyakit AIDS ini berpunca sebagaimana yang saya sebutkan tadi daripada kegiatan seks yang liar dan kegiatan seks yang seumpama ini berlaku. ....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Seks manusiakah atau seks ikan? (*Ketawa*)

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Seks manusia. Di dalam masyarakat kucar-kacir seperti berlaku peperangan di Vietnam ini semua kita tahu yang berlaku dan pelarian Vietnam ini secara besar-besaran telah berlaku daripada semenjak peperangan tamat di Vietnam sehingga hari ini, semalam pun masih ada lagi mendarat kumpulan ini di Kuala Sungai Pahang.

Tuan Pengerusi, ramai di antara pelarian Vietnam ini tenggelam mati di laut sama ada dengan sebab perahu mereka karam atau mereka dirompak atau dibunuh oleh lanun di Teluk Siam. Oleh sebab itu dari segi psikologi orang ramai sudah merasa takut untuk memakan ikan yang ditangkap di kawasan perairan Teluk Siam. Dengan sebab itulah nelayan-nelayan daripada negara jiran kita itu

terutama sekali nelayan-nelayan daripada Thailand berusaha untuk menangkap ikan di kawasan perairan kita Malaysia sama ada secara mencero bohi kawasan kita dengan haram atau secara halal melalui joint venture.

Tuan Pengerusi, dengan sebab itu pada masa ini kita dapati kalau kadang-kala kita dapati tidak dapat diterima akal mengapa begitu ramai nelayan-nelayan daripada negara jiran kita itu mencero bohi kawasan kita, kita dengar mereka didenda sampai berjuta-juta ringgit, kita dengar berpuluh-puluh bot mereka yang berharga berjuta-juta ringgit dirampas dan kita dengar dipenjarakan beberapa bulan tetapi mereka masih juga datang ke sini dan mereka beria-ia benar hendak menjayakan projek joint venture menangkap ikan di laut dalam di dalam kawasan perairan kita.

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang ini mengingatkan pihak Kementerian Pertanian khususnya jabatan-jabatan yang berkaitan dengannya seperti Jabatan Perikanan, MAJU IKAN, kerana perkara ini patut diberi perhatian yang serius.

Tuan Pengerusi, saya suka mengingatkan dua perkara. Yang pertama Kerajaan mestilah secara serius menyekat kemasukan ataupun menghalang pencerobohan nelayan asing ini kerana ianya benar-benar menyebabkan nelayan-nelayan tempatan kerugian besar dan ada keluarga-keluarga nelayan kita yang merana dengan sebab perbuatan mereka ini dan janganlah kita biarkan nelayan asing ini masuk ke kawasan kita secara haram dan kita kurangkan seboleh-bolehnya kemasukan mereka secara halal. Baru-baru ini satu projek joint venture menangkap ikan di laut dalam telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Thailand.

Saya gunakan perkataan joint venture, Tuan Pengerusi, kerana saya yakin di dalam teks perjanjian asal masih digunakan perkataan joint venture.

Tuan Pengerusi, projek joint venture ini adalah merupakan satu sejarah hitam di dalam industri perikanan kita. Pada tahun yang lalu projek ini hendak dilaksanakan dan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian pada masa itu tetapi gagal kerana ianya tidak diterima oleh nelayan dan dibantah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Negeri Terengganu melalui sama ada rasmi atau tidak. Pengerusi Jawatankuasa Perikanan Negeri pada masa itu secara terang-terang menentang usaha joint venture ini dan begitu juga oleh kumpulan dan persatuan-persatuan nelayan. Tetapi projek itu dilaksanakan oleh Menteri Pertanian yang baru melalui teori lembu Warso yang popular.

Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian tidak mengerti tentang "teori lembu Warso" ini tetapi bagi setiap orang UMNO faham benar kerana teori ini dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian itu sendiri iaitu Warso membela lembu dan kalau lembunya tidak mahu makan rumput kerana rumput itu telah kering dan warnanya kelabu maka Warso memakaikan cermin mata hijau kepada lembu itu supaya lembu itu dapat melihat rumput itu menjadi hijau dan dimakannya rumput itu.

Jadi teori ini digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian sekarang dengan satu perjumpaan dengan nelayan-nelayan, Wakil-wakil Rakyat, Wakil-wakil Kerajaan Negeri, kalau tidak salah di Pantai Primula Hotel di Kuala Terengganu dan Yang Berhormat Menteri Pertanian mengisytiharkan bahawa projek ini sebenarnya bukan usahasama tetapi ia merupakan projek kerjasama.

Oleh yang demikian maka nelayan-nelayan itu bertepuk tangan dan menerima projek itu pada hal saya percaya dari segi bentuknya, dari segi perjanjian asalnya tentu tidak berubah kerana apa yang ditentang oleh nelayan-nelayan kita yang dahulu pun ialah projek yang sama juga tetapi projek ini telah dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya tidak berhasrat hendak menentang usaha Kerajaan ini. Saya juga menyokong dan saya juga menyeru supaya rakyat menyokong segala projek dan usaha Kerajaan yang baik dan saya juga menyeru rakyat supaya menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam supaya memberi keyakinan atas keikhlasan Kerajaan untuk memperbaiki ekonomi negara. Tetapi saya hendak ingatkan Menteri Pertanian janganlah banyak kali sangat gunakan teori lembu Warso ini. Saya takut kalau-acap kali sangat digunakan tersalah pakaikan cermin merah tembu jadi naik garang dan mengamuk pula nanti punggung Yang Berhormat Menteri juga nanti koyak.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya boleh simpulkan di sini ekoran daripada meliputi yang saya buat tadi, Pulau Bidong yang sekarang ini menjadi persinggahan pelarian Vietnam patut ditutup mulai daripada sekarang. Pulau Bidong tidak patut lagi diteruskan dan saya mengesyorkan kepada Pengerusi MAJUIKAN ataupun kepada Jabatan Perikanan jadikanlah Pulau Bidong yang pada masa ini tempat persinggahan pelarian Vietnam itu sebagai sebuah pengkalan pemulihan nelayan, kerana Pulau Bidong itu lokasinya sangat sesuai untuk mengadakan latihan praktikal untuk nelayan kita dan sudah sampai masanya kita menutup Pulau Bidong, kerana saya percaya Suruhanjaya

Bangsa-bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian dapat mencari satu tempat lain dan kalau boleh di negara lain yang lebih sesuai, kerana telah berpuluh tahun kita menanggung beban ini dan saya percaya pelarian atau istilah pelarian yang digunakan untuk orang-orang Vietnam pada masa ini tidak genuine, tidak asli lagi, kerana saya yakin pada masa ini ada sindiket-sindiket yang mengambil keuntungan daripada perpindahan orang-orang Vietnam ke negara luar melalui Pulau Bidong dan mereka datang ke Pantai Timur Semenanjung Malaysia ke Pulau Bidong dan sehingga mendarat di beberapa tempat di Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan adalah melalui suatu perancangan yang teliti dan mereka yang tinggal di Vietnam menerima arahan, menerima peta-peta, menerima panduan daripada orang luar yang menyebabkan mereka datang ke sini.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila. . . . .

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Ini merupakan suatu sindiket yang mengambil keuntungan daripada pelarian Vietnam ini.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa telah cukup Yang Berhormat.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Saya simpulkan sekali lagi dan saya gulungkan, daripada teori saya tadi maka dua perkara boleh diambil tindakan oleh pihak Kerajaan, yang pertama ialah menyekat kemasukan pencerobohan nelayan-nelayan asing dan mengurangkan usahasama atau kerjasama dengan pihak nelayan asing dan kalau kita hendak majukan perusahaan perikanan laut dalam kita tumpukanlah kepada nelayan kita sendiri. Yang kedua, Pulau Bidong ditutup sebagai tempat persinggahan

pelarian Vietnam dan jadikanlah ia sebagai bengkel pemulihan nelayan-nelayan tempatan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.09 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada muka surat 84, Maksud Bekalan B.19, Butiran 05000 di bawah MARDI dan juga di muka surat 86, Butiran 00300 iaitu Penyelidikan MARDI yang diberi sebanyak \$12 juta secara langsung.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu bidang penyelidikan ke atas suatu sumber tempatan yang selama ini diabaikan, iaitu kerbau.

Di zaman penjajah dahulu pegawai-pegawai British mempunyai prejudis yang amat tinggi terhadap kerbau kerana kemungkinan kerbau itu mempunyai warna hitam dan suka berkubang dan juga kerbau dikaitkan dengan budaya ekonomi persawah orang Melayu yang tidak dapat membawa keuntungan kepada perbendaharaan Kerajaan kolonial.

Apabila British angkat bungkus pegawai-pegawai Malaysia yang mengambil-alih di Jabatan-jabatan Pertanian dan Haiwan terbawa-bawa kepada sikap British mi. Maklumlah pegawai ini semuanya pada masa itu dilatih di Britain, Kanada dan Australia. Yang hairannya yang balik dari India pun bersikap demikian. Justeru itu segala penumpuan research and development diarahkan kepada ayam, lembu dan babi sahaja.

Tuan Pengerusi, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini binatang ternakan yang paling cekap di dalam

menjadikan roughage ataupun bahan-bahan dari tumbuhan kepada protein ialah babi. Research ke atas babi dibuat dengan mendalam pada masa ini di Malaysia dan babi di negara kita adalah satu bahan yang self-sufficient. Ayam pun demikian. Binatang ternakan yang kedua cekapnya, Tuan Pengerusi, dalam menjadikan roughage kepada protein ini kerbau. Tetapi malangnya tiada research dan development, dengan izin, yang cukup dibuat mengenai binatang ini. Kerbau boleh memakan jerami, dan lalang sekalipun dapat dijadikannya protein kalau ketiadaan bahan-bahan makanan yang lain.

Berbanding dengan lembu, kerbau adalah lebih menguntungkan dari segi production economicsnya, dengan izin, tetapi dagingnya agak liat dibandingkan dengan daging lembu di negara kita ini. Tetapi apakah penyelidik-penyelidik di Kementerian Pertanian tidak sedar bahawa di Trinidad iaitu di West Indies semenjak 15 tahun yang lampau suatu sistem pemakanan yang diberi kepada kerbau yang dapat melembutkan daging kerbau? Malah di Trinidad steak-steak yang dibuat dari daging kerbau menjadi popular. Mengapa tidak, daging kerbau mempunyai tahap kolesterol yang lebih rendah daripada daging lembu lantaran kurangnya lemak intramuscularnya. Mengapa jumpaan-jumpaan dari research ini tidak dianuti oleh ahli-ahli sains kita?

Tuan Pengerusi, baru-baru ini akhbar *International Herald Tribune* iaitu keluaran pada 6hb November, 1986 memuatkan suatu berita yang bertajuk, dengan izin, saya quote di sini, "In the United States Water Buffalo might replace Cattle", ini tajuknya. Saya baca sebahagian dari beritanya dalam bahasa Inggeris, dengan izin Tuan Pengerusi:

"Water buffalo, which has pulled carts and plowed rice fields in Asia for thousands of years, could become the American farm animal of the future. Scientists at the University of Florida say that blind taste tests show that water buffalo meat tastes at least as good as cattle beef and is just as tender, though it has less fat and cholesterol",

Susu kerbau mempunyai khasiat lemak satu kali ganda dan kolesterol 1/2 kali ganda lebih dari apa yang ada di dalam susu lembu.

Tuan Pengerusi, saya pasti segala kelebihan-kelebihan kerbau ini diketahui oleh ahli-ahli sains perencanaan kita sudah lama dahulu. Tetapi oleh sebab sikap yang saya kata tadi kerbau tidak dieksploitasikan dan justeru itu negara mengimport beratus-ratus juta ringgit daging lembu dan susu lembu dari luar. Apakah \$3,000 juta import bill ke atas barang-barang makanan kita setiap tahun itu disebabkan oleh sikap ini? Kalau inilah hakikatnya negara akan jadi miskin di dalam kekayaan sumber semula jadinya.

Kerbau cukup senang dibela dan kebolehan adaptasinya kepada ecology Malaysia adalah tinggi. Tuhan memberi segala potensi ini kepada kita, mengapa tidak diambil peluang? Atau mungkinkah kita sedang menunggu orang-orang putih menerima kerbau dahulu, baru kita berani menerimanya. Sekarang dengan ada banyaknya ahli-ahli sains kita yang dahulunya besar dengan makan daging kerbau dan mungkin biasa menunggang di atas belakang kerbau, saya harap sikap keorangputihan ini dihapuskan.

Tuan Pengerusi, banyak bahan-bahan pertanian yang tumbuh berlambak di desa mahupun di pekan seperti Ipoh, Penang ataupun Kuala Lumpur yang mempunyai potensi ekonomi yang tinggi yang dapat

mengganti bahan-bahan import untuk kita menyelidik dan untuk kita bangunkan. Satu lagi daripadanya selain daripada kerbau ialah kacang gelisa ataupun kacang botol yang mana bijinya adalah mempunyai khasiat protein yang lebih tinggi dari kacang soya. Penyelidikan mengenai ini bukan dibuat di Serdang, tetapi di Kins Plant di Epsom, England. Saintis-saintis kita bila diapproach, dengan izin, mengenai dengan hat ini tidak menunjukkan keghairahan langsung kerana status kacang gelisa ataupun kacang botol ini adalah semacam status kerbau juga iaitu ianya adalah dari budaya kita, bukan budaya orang putih. Ia tumbuh di pagar-pagar di belakang dapur rumah-rumah desa.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Pertanian adalah seorang yang mempunyai daya inovasi yang tinggi dan berani pula menganjur dan mengimplementasikan idea-idea yang kreatif. Misalnya, program air kelapa muda yang dipelupurinya adalah suatu program yang kreatif. Ianya datang dari bahan sekeliling yang simple dan banyak, tetapi tidak terfikir oleh orang lain. Pada saya air kelapa muda adalah berada di dalam satu kategori dengan kerbau dan kacang botol tadi, iaitu kumpulan sumber-sumber yang selama ini diabaikan. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Pertanian, gerakkanlah saintis-saintis Yang Berhormat supaya pejam mata lama-lama memeriksa diri dalam perspektif alam sekeliling di Malaysia, bukan di United States, bukan di Australia dan juga bukan di England dan lantas celik semula memperjuangkan pembangunan pertanian kita berasaskan kekayaan semula jadi yang dianugerahkan Tuhan kepada kita. Tuan Pengerusi, berapa minit lagi saya ada?

**Tuan Pengerusi (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** 4 minit.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Tejima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**  
Bagaimana air kelapa muda dibandingkan dengan minyak kelapa mengikut kajian doktor?

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:**  
Tuan Pengerusi, saya minta maaf, saya bukan doktor dalam bidang bio-chemistry. Kita merujukkan itu kepada Kementerian.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Dewan ini pula kepada muka surat 84 pula iaitu Butiran 100000 Lembaga Pertubuhan Peladang yang mendapat lebihkurang \$35 juta peruntukan.

Tuan Pengerusi, pembangunan pertanian adalah berkisar di sekeliling manusia tani itu. Kejayaannya adalah bergantung semata-mata kepada kebolehan manusia tani itu menggunakan teknologi. Oleh sebab kebanyakan kaum tani di negara ini miskin dan justeru itu tidak upaya membayar ongkos teknologi yang tinggi maka faktor kedua yang menentukan kejayaan pembangunan pertanian ialah kebolehan mereka bermuafakat membeli dan mengguna teknologi dan seterusnya membulatkan kuasa ekonomi dan sosial mereka.

Tuan Pengerusi, tiap-tiap pegawai yang bekerja untuk membangunkan pertanian di negara ini dan di mana-mana negara kurang maju mesti mengetahui dua hakikat ini iaitu:

- (a) kebolehan menggunakan teknologi.
- (b) kebolehan bermuafakat di dalam satu-satu pertubuhan.

Pada pandangan saya LPP adalah satu-satunya institusi yang ditubuhkan untuk memupuk kebolehan kaum tani bermuafakat, berorganisasi dan seterusnya berdiri dengan suatu suara menuntut hak-hak mereka di dalam

negara demokrasi ini. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian ini supaya LPP balik semula kepada teras perjuangannya, iaitu pemupukan pembinaan dan pengembangan kuasa sosial dan kuasa ekonomi kaum tani. Asas penubuhan LPP lebihkurang 17 tahun yang lalu ialah di atas objektif pewujudan satu faktor organisasi manusia tani yang akan mengintegrasikan sumber-sumber sosial dan ekonomi mereka menjadi satu kuasa yang kuat dan yang boleh bertanding dengan lain-lain kuasa di dalam pasaran bebas. Apa yang saya maksudkan dengan penekanan kepada faktor organisasi manusia ialah seperti berikut:

- (a) Pemupukan asas-asas permuafakatan pada peringkat mikro seperti kampung dengan menggunakan faktor-faktor sosiologi dan ekonomi. Misalnya dengan menggunakan faktor ekonomi seperti kehendak pasaran di kalangan petani-petani kopi, LPP dapat mewujudkan kumpulan pasaran kopi yang kuat. Tetapi janganlah LPP pula memasuki bidang penanaman kopi, kerana itu dapat dilakukan oleh Jabatan Pertanian.

Tuan Pengerusi, pemupukan asas-asas ini adalah amat penting sekali kerana segala kajian-kajian sosio ekonomi dan sosiologi menunjukkan bahawa keupayaan masyarakat tani kita di dalam usaha kerjasama di bidang ekonomi adalah rendah sekali. Ini adalah disebabkan pengaruh sistem ekonomi matawang atau "monetary economics", dengan izin, yang membolehkan tiap-tiap petani mencari keuntungan dengan sewenang-wenang secara tidak ketara kepada masyarakat sekeliling. Justeru itu, dia tidak bergantung lagi kepada institusi gotong-royong untuk kegiatan pertaniannya. Dia menjadi manusia yang individualistic mempunyai wang yang dapat disembunyikan dari

umum, tetapi malangnya tidak cukup untuk membayar ongkos teknologi moden.

- (b) Pemupukan asas-asas permuafakatan pada peringkat mikro, iaitu pada peringkat satu mukim, dua atau lebih mukim-mukim dan seterusnya daerah. Misalnya melalui perjalinan kumpulan-kumpulan pemasaran peringkat-peringkat kampung satu rangkaian pemasaran yang kukuh dapat diwujudkan untuk berdepan dengan kuasa-kuasa di pasaran besar di bandar.

Tuan Pengerusi, saya tahu bahawa struktur LPP adalah pada peringkat daerah dan negeri adalah dicorakkan kepada apa yang saya gariskan itu, tetapi dengan hanya mempunyai struktur sahaja tanpa struktur itu berfungsi dengan berkesan tidaklah bermakna sama sekali. Misalnya, Bahagian Kredit seharusnya menjalankan kaedah "supervised credit" atau pinjaman yang diawasi. Memandangkan kepada tahap kutipan hutang yang rendah di kalangan pertubuhan peladang negara selain daripada pertubuhan-pertubuhan peladang MADA dan KADA, saya pasti kaedah ini tidak diikuti secara serius, tetapi di MADA dan di KADA kaedah ini diikuti secara ketat dan justeru itu, kadar kutipan balik hutang adalah tinggi mencapai lebih dari 80% setiap musim. Setiap 3 musim angka ini mencapai 97%, iaitu satu angka yang paling tinggi di dunia. Pertubuhan peladang di MADA dan di KADA tidak diuruskan oleh LPP, malah oleh MADA dan KADA, iaitu di Kemubu Kelantan sendiri dengan struktur mikro dan maknanya yang berlainan dari apa yang terdapat di LPP di lain-lain tempat di negara ini.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Batu Gajah,

*4.23 ptg.*

**Tuan Ting Chek Ming (Batu Gajah):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan ingin menyentuh beberapa perkara. Saya merujuk kepada muka surat 84, B.19, Butiran 030100 Perikanan, Kod 10000 dan Kod 20000; dan muka surat 95, P.19 Butiran 22100 Melatih Nelayan-nelayan dan Butiran 22200 Menangkap ikan cara moden, Penguatkuasa Perikanan dan Kapal Pemeriksaan; dan muka surat 96, Butiran 22600 Perkhidmatan Perkembangan Perikanan.

Dalam pandangan saya peruntukan sebanyak \$1,409,857,120 tidak akan menguntungkan petani-petani dan neiyayan-nelayan, akan tetapi peruntukan ini lebih memanfaatkan kakitangan-kakitangan Kerajaan. Misalnya, Jabatan Perikanan akan lebih berleengkapan dengan alat-alat untuk mengganggu para nelayan dan sebaliknya untuk melindungi mereka. Setahu saya nelayan-nelayan dari kawasan Pulau Pangkor, Pantai Remis, Kuala Sepitang, Kuala Kurau, Tanjung Tuaiang, Tanjung Piandang, Teluk Intan dan pada umumnya di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia tidak diberi latihan seperti didakwa. Lebih baik tajuk ini diubah kepada Latihan Bagi Kakitangan-kakitangan Perikanan supaya memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum nelayan serta cara hidup mereka yang amat rumit dan bukan seperti sekarang di mana kakitangan-kakitangan perikanan sering mengganggu atau "harass" mereka.

Para nelayan di kawasan-kawasan yang disebutkan tadi adalah nelayan-nelayan penuh masa dan bergantung semata-mata kepada penangkapan ikan sebagai rezeki mereka. Jabatan Perikanan tidak pula melatih, membantu dan melindungi mereka daripada lanun-lanun tetapi sebaliknya mengganggu mereka sehingga terdapat kes-kes di mana para nelayan yang pulang dengan hasil penangkapan mereka ditangkap walaupun mereka telah menangkap ikan tersebut lebih 5 batu daripada pantai laut. Setahu saya Jabatan Perikanan hanya memberi jala, injin bot atau kelengkapan-kelengkapan untuk menangkap ikan kepada nelayan-nelayan bukan sepenuh masa dan nelayan-nelayan musim atau "seasonal fishermen". Tambahan pula jala-jala, injin-injin bot dan kelengkapan-kelengkapan lain yang dirampas daripada nelayan-nelayan penuh masa di kawasan-kawasan yang saya sebut sebentar tadi diberi kepada nelayan bukan penuh masa dan seasonal.

Nelayan-nelayan bukan penuh masa dan seasonal menangkap ikan semata-mata untuk menambah pendapatan mereka atau dengan tujuan menangkap ikan untuk kegunaan sendiri. Namun demikian, Jabatan Perikanan terus memberi segala bantuan kepada mereka ini dan apabila nelayan-nelayan ini mengadu mengenai nelayan-nelayan penuh masa, Jabatan Perikanan dengan serta-merta bertindak atas aduan mereka. Bolehkah Kementerian beritahu Dewan ini jumlah latihan dan tempat di mana latihan-latihan tersebut diberikan kepada nelayan-nelayan dari kawasan yang saya sebutkan tadi dan juga nyatakan bilangan nelayan-nelayan yang telah menerima latihan sedemikian setakat ini dan memberi angka-angka untuk setiap kawasan, kerana setahu saya sehingga hari ini semua nelayan dari kawasan tersebut tidak menerima

latihan berkenaan. Sekiranya Kerajaan benar-benar berhasrat untuk melatih nelayan-nelayan di kawasan-kawasan yang saya nyatakan tadi, maka langkah sedemikian akan dialu-alukan oleh para nelayan yang terlibat.

Tuan Pengerusi, perjanjian usahasama antara Malaysia dan Thailand berkait dengan penangkapan ikan di dasar laut yang dimeteri baru-baru ini meskipun terdapat tentangan hebat daripada nelayan-nelayan di Pantai Timur, jelas menunjukkan bahawa peruntukan sebanyak \$1.18 juta yang diperuntukkan untuk melatih nelayan-nelayan dalam tahun 1987 semua sia-sia sahaja kerana sekiranya peruntukan tersebut dibelanja bagi memenuhi maksudnya, perjanjian ini tidak perlu kerana sekiranya latihan sedemikian diberi, nelayan-nelayan kita akan memperolehi pengetahuan mengenai penangkapan di laut dalam. Saya khawatir peruntukan sebanyak \$1,030,000 untuk tahun 1988 akan membazir juga seperti tahun-tahun lalu kerana peruntukan-peruntukan tersebut tidak memanfaatkan kaum nelayan. Bukan sahaja wang awam dibazirkan, tetapi tahun demi tahun kita terpaksa mengimport ikan dari Thailand dan Indonesia. Tambahan pula adalah amat menyakitkan hati nelayan-nelayan kita di Pantai Timur yang melihat sumber-sumber ikan yang terdapat di perairan Malaysia diterokai dan dikongsi bersama dengan orang-orang Thai di bawah perjanjian Malaysia-Thailand itu.

Kita tidak boleh menyalahkan nelayan-nelayan tempatan yang menentang perjanjian Malaysia-Thailand itu. Jabatan Perikananlah yang harus disalahkan sekiranya nelayan-nelayan kita tidak mempunyai pengetahuan mengenai penangkapan ikan di laut dalam.

Baru-baru ini terdapat laporan-laporan dalam suratkhbar yang

mengatakan bahawa para nelayan yang cuba tari apabila melihat bot-bot kepunyaan Jabatan Perikanan telah bersikap garang dan agresif, malah telah menyerang Pegawai-pegawai Perikanan. Mereka bertindak demikian kerana sikap Pegawai-pegawai Perikanan itu sendiri yang cuba menangkap mereka, pada hal mereka ini menangkap ikan lebih 5 batu dari pantai laut dan disebabkan Pegawai-pegawai Perikanan bersikap tidak adil. Maka nelayan yang terlibat menjadi garang dan agresif, apatah lagi memandangkan peruntukan-peruntukan dalam Akta Perikanan 1985 adalah amat "prohibitive" di mana denda yang ditetapkan di bawah Akta tersebut ialah \$50,000 dan lazimnya mahkamah mengenakan denda antara \$3,000 hingga \$5,000 atau penjara sekurang-kurangnya 6 bulan.

Ramai daripada nelayan-nelayan yang terlibat ini tidak mampu membayar denda yang dikenakan dan terpaksa merengkok dalam penjara. Tambahan pula bot-bot mereka dirampas. Bolehkah para nelayan dipersalahkan apabila mereka menjadi agresif? Adakah apabila mereka dikejar oleh bot-bot perikanan, bot-bot perikanan ini melanggar bot mereka tetapi pihak perikanan ini mendakwa dan menuduh merekalah yang sengaja melanggar bot mereka. Pegawai-pegawai Perikanan ini hendaklah bersikap jujur dan adil dan harus dilatih untuk memandu bot-bot mereka dengan cekap, Mereka juga hendaklah bertindak sebagai manusia dan bukan sebagai orang-orang yang tidak ada perasaan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Simunjan.

4.31 ptg.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai Kepala

02000 dan juga Kepala 02010 pertanian secara umumnya, di bawah Maksud B.19 Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh perkara ini atas hasrat mengenai Dasar Pertanian Negara yang saya rasa dan boleh mempersoalkan sama ada ia dapat menepati matlamat dasar itu sendiri atau tidak. Kerana dalam Dasar Pertanian Negara yang telah diwujudkan oleh Kerajaan, nampaknya apa yang ditetapkan dalam dasar itu seolah-olah satu perkara yang begitu rigid, yang tidak dapat kefleksibilitian yang membolehkan kita menukar arah tujuan kita. Misal kata, ada diperkatakan juga dalam dasar itu bahawa padi tidak boleh kita keluarkan 100% kerana takut nanti economic viability, dengan izin, padi tidaklah boleh dibandingkan dengan tanaman-tanaman lain.

Tuan Pengerusi, penanaman padi ini menjadi masalah kepada kita. Memang benar bahawa kalau sekiranya orang kampung dibiarkan menanam padi maka adakah kita menuju matlamat bahawa orang kampung suatu hari nanti akan menjadi orang yang lebih senang daripada mereka sekarang? Kemudian Kerajaan galakkan rakyat Malaysia menanam padi secara besar-besaran, secara perniagaan, secara extensive supaya kos akan berkurangan dan pengeluarannya akan bertambah. Tetapi dicuba juga namun di beberapa tempat tidak berhasil.

Tuan Pengerusi, padi ialah tanaman yang ditanam hampir 100% oleh bumiputera luar bandar. Dan kalau sekiranya keadaan ini terus berlaku dan dengan anggapan bahawa penanam-penanam padi adalah golongan petani yang tidak boleh mengharapkan kecerahan hidup di masa akan datang maka apakah dasar kita terhadap padi ini. Dan lantaran itu Kerajaan telah memberi kelulusan

supaya penjual-penjual padi diberi subsidi. Tetapi sebagaimana yang saya difahami, saya dapati di kawasan saya yang untung daripada subsidi padi ini bukanlah penanam-penanam padi, yang untung ialah pengilang-pengilang padi yang kebanyakan mereka terdiri daripada pengilang-pengilang bukan bumiputera, yang kadangkala dia kumpul padi yang sudah dijual kepada mereka dua tiga minggu, kemudian orang jual sedikit, dia taruh banyak dalam rekod stoknya itu ataupun yang datang itu menggunakan stok yang sudah ada.

Jadi kadang-kadang kekeliruan berlaku dan ini menjadi kekeluhan, keresahan rakyat kita di luar bandar. Dan saya memohon minta Kementerian Pertanian supaya meneliti akan program ini agar ianya benar-benar dapat menguntungkan rakyat di luar bandar. Pertamanya, teliti lagi dasar penanaman padi ini kemudian teliti lagi dasar pemberian subsidi kepada penanam padi sama ada ianya benar-benar menguntungkan penanam padi ataupun pengilang padi ataupun pembeli padi secara besar-besaran. Kalau semuanya tidak dapat dicapai maka kita boleh, kata orang Sarawak: dua kali lima sepuluh balik ke pangkal jalan. Cukuplah atas padi itu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bercakap mengenai tajuk 020200 iaitu Parit dan Taliair. Saya menyanjung tinggi akan usaha pihak Kerajaan lantaran telah berjaya melaksanakan begitu luas kawasan parit dan taliair, terutama sekali di kawasan saya iaitu Simunjan yang terkenal dengan kawasan rendah yang sesuai untuk pertanian. Dan saya memohon dan menyeru pihak Kementerian supaya menambahkan lagi kawasan-kawasan parit dan taliair ini kerana ini sahajalah harapan rakyat di luar bandar kita untuk menyedut udara kemerdekaan, untuk berada dalam suasana yang senang dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun skim parit dan taliair ini tidak kurang dengan masalah. Satu daripada masalah yang timbul sebagaimana yang saya dapati di kawasan saya itu ialah skim itu ada, tetapi orang yang sepatutnya menerokai skim itu tidak ada. Dalam bahasa Iban dengan izin "nadaisye". Kawan kita Iban senyum dengar saya cakap. Tidak ada. Jadi, saya lihat masalah yang sebenarnya menyebabkan perkara ini berlaku ialah mungkin penerangan kepada orang kampung oleh pihak Kerajaan atau Pegawai-pegawai Penerangan dari Jabatan Penerangan kurang. Ini bukan tugasnya. Mereka hanya menerangkan mengenai yang lain daripada pertanian. Hal-hal mengenai pertanian juga mesti diterangkan dan dijelaskan kepada orang kampung supaya orang kampung faham apa matlamat disebalik mewujudkan kawasan skim parit dan taliair.

Jadi kalaulah sekiranya skim itu ada, tetapi tidak ada orang menerokai maka Kerajaan rugi. Berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan untuk mengadakan skim parit dan taliair tetapi tidak dipergunakan.

Yang keduanya ialah masalah kurang pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja untuk mengawasi kawasan-kawasan itu, memberi penerangan, mengawasi hinggan rumput-rumpai selepas dibuat skim rumput-rumpai tumbuh balik hingga menjadi kawasan hutan belantara sepertimana masa sebelum ianya dijadikan kawasan skim itu.

**Tuan Pengerusi (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Habislah ini. Dan saya harap masalah-masalah seperti ini khususnya di kawasan-kawasan seperti ini diatasi. Kemudian kesesuaian tanaman juga perlu ditentukan dan pihak Kerajaan

saya rasa perlu memastikan apakah jenis tanaman yang harus ditanam di kawasan-kawasan itu kerana tidak berguna untuk kita wujudkan kawasan parit dan taliair, tidak guna untuk kita galakkan mereka menanam padi, kelapa, koko kalau dari segi perancangan sosio-ekonomi dan ekonomi apa yang ditanam tidak menguntungkan rakyat yang menggunakan kawasan skim parit dan taliair ini. Jadi, kita mahu ini menguntungkan Kerajaan, rieng-untungan rakyat dan membuahakan pendapatan yang lumayan bagi peneroka-peneroka kawasan.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya hendak cakap ialah mengenai MARDI. Sebagaimana kita sedia maklum, MARDI telah menyebarkan sayapnya ke Sarawak dan mungkin ke Sabah. Saya mengaiu-alukan usaha ini dan saya juga mencadangkan supaya oleh kerana MARDI ini merangkumi seluruh penyelidikan pertanian, maka tidak salah saya rasa usaha dijalankan untuk menyatukan Bahagian Penyelidikan Pertanian di Jabatan Pertanian Negeri Sarawak dengan MARDI sama-sama supaya mereka dapat bersatu padu menggunakan tenaga menyelidiki akan potensi sektor pertanian di negeri Sarawak, kerana tidak guna Jabatan Negeri Sarawak hanya ada satu seksyen penyelidikan, MARDI pun ada di Sarawak. Kadang-kadang bercanggah objektif. Kita mahu ini berlaku. Kita mahu penyalelasan dan kalau boleh yang baik sekali dicantumkan. Kerana saya percaya juga bahawa Jabatan Pertanian Sarawak mungkin pegawai-pegawainya terdiri dari satu kaum yang begitu besar sahaja semenjak zaman penjajah dahulu. Jadi, kita mahu dasar ini kita ubah dan penyatuan itu perlu supaya langkah diambil untuk menentukan supaya MARDI dan Jabatan Pertanian akan dapat bersatu tenaga untuk

menggerakkan penyelidikan pertanian di negeri Sarawak dan mungkin di negeri Sabah juga.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal. Selepas ini saya akan menjemput Timbalan Menteri untuk menjawab.

*4.43 ptg.*

**Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):** Tuan Pengerusi, merujuk kepada Maksud Bekalan 19, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi di Kementerian Pertanian atas kejayaan yang telah dicapai baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, kejatuhan harga bijih timah dan getah asli secara serentak dua tiga tahun dahulu telah memeranjatkan seluruh Kerajaan dan rakyat kita. Ia mendedahkan kelemahan ekonomi kita kerana bergantung sangat kepada tiga empat komoditi utama sahaja. Ia menunjukkan betapa penting dan segera bagi negara kita untuk mempelbagaikan ekonominya.

Di dalam konteks ini, Kementerian Pertanian telah tampil ke hadapan untuk membantu ekonomi kita mempelbagaikannya dengan memajukan tanaman buah-buahan bunga-bunga dan sayur-sayuran, tangkapan ikan laut dalam, ternakan binatang, ternakan ikan dan udang dan pemerosesan makanan dan minuman untuk eksport. Sekiranya tempo kemajuan dapat dikuatkan, hasil usaha ini tentu dapat dilihat dua tiga tahun daripada sekarang.

Merujuk kepada Maksud Pembangunan 19, Butiran 17500 hingga 21800, Haiwan, ingin saya bagi pihak penternak-penternak di daerah Nibong Tebal dan daerah-daerah lain mengucap terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan atas

perkhidmatan cemerlang yang diberi oleh kakitangannya. Sebelum merdeka, taraf kesihatan binatang dan mutu hasil haiwan kita amatlah rendah. Akibatnya daripada penyelidikan yang dibuat oleh pakar-pakar dan perkhidmatan perkembangan yang diberi oleh pegawai-pegawai di Jabatan Haiwan, kualiti pengeluaran haiwan telah meningkat sehingga bertaraf antarabangsa. Di samping itu, kuantiti pun bertambah secara besar-besaran. Pada masa sekarang, ayam, itik, lembu, kambing, babi dan juga telur ayam itik dan susu lembu yang dikeluarkan setahun bernilai 1½ hingga 2 billion ringgit mengikut anggaran sektor swasta.

Berkenaan dengan projek ternakan lembu tenusu, kemajuan yang dicapai setakat ini sangatlah menggalakkan. Cuma satu kelemahan sahaja, iaitu kos pengeluaran susu mentah oleh penternak-penternak kecil masih tinggi. Ingin saya menggesa Jabatan Haiwan supaya berusaha dengan segala daya upaya untuk mengurangkan kos pengeluaran susu dan membolehkan penternak kecil kita bersaing dalam pasaran terbuka.

Merujuk kepada Maksud Pembangunan 19, Butiran 22100 hingga 26500, Perikanan, saya ingin memberi penghargaan setinggi-tingginya kepada Jabatan Perikanan atas inisiatif yang diambil untuk menggalakkan pihak swasta menerokai perikanan laut dalam dan menternakkan udang ikan.

Tuan Pengerusi, di Dewan ini sendiri, kita telah mendengar Wakil-wakil Rakyat menegur Kerajaan kerana membenarkan nelayan Thai menangkap ikan Malaysia di perairan Zon Ekonomi Eksklusif kita, membawa ikan itu ke Thailand dan kemudian menjual batik kepada pengguna Malaysia. Jadi, Malaysia tidak mendapat apa faedah pun daripadanya.

Baru-baru ini, Kerajaan telah melancarkan projek menangkap ikan di laut dalam, tetapi malangnya sambutan daripada nelayan dan orang politik tidak begitu menggalakkan. Betul, setakat ini, kebanyakan nelayan yang dipakai berasal dari Thailand. Ini merupakan langkah sementara. Apabila nelayan tempatan terlatih mencukupi, tidak perlu lagi bergantung kepada nelayan asing.

Tuan Pengerusi, saya menyeru kepada semua anggota Parlimen, terutama sekali mereka yang mewakili negeri-negeri Pantai Timur supaya mengenyepikan politik dan menyokong usaha Kerajaan untuk menerokai perikanan laut dalam dengan sepenuhnya.

Berkenaan dengan ternakair, saya ingin menyeru kepada Jabatan Perikanan supaya membanyakkan jenis benih ikan yang dibiakkan. Setakat ini, jenis ikan laut dan ikan airtawar yang dibiakkan di negara kita masih terhad. Oteh demikian, penternak terpaksa mengimport benih dari luar negeri dengan harga yang tinggi. Memandangkan bahawa industri ternakair telah berkembang dengan pesatnya dan nelayan-nelayan kecil boleh mendapat untungan baik dari kegiatan ternakan ikan, saya berharap Jabatan Perikanan akan cuba mengeluarkan benih ikan jenis baru dengan segera.

Merujuk kepada Maksud Bekalan 19, Butiran 02000, Pertanian dan Butiran 12000, Lembaga Padi dan Beras Negara.

Saya ingin mengalu-alukan perpindahan LPN dari Kementerian Perusahaan Awam ke Kementerian Pertanian. Dengan ini, LPN dapat bekerjasama dengan lebih rapat dengan agensi lain yang terlibat dengan tanaman padi, iaitu Jabatan Pertanian, MARDI, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), MADA dan KADA yang ditempatkan di Kementerian Pertanian.

Berkenaan dengan tanaman padi, saya menyokong dasar Kerajaan untuk menggalak petani menanam padi di kawasan jelapang padi sahaja. Tuan Pengerusi, pada amnya, petani tidak boleh menjadi kaya dengan menanam padi. Kalau boleh menanam dua musim setahun seperti yang terdapat di kawasan-kawasan jelapang padi, mereka patut teruskan. Kalau tidak, mereka patut mencucuk tanaman yang lain.

Dalam konteks ini, saya berharap Kementerian Pertanian dapat meneliti keadaan di Sungai Acheh dan Sungai Cehnaam yang terletak di kawasan Parlimen saya. Kedua-dua tempat ini dibekalkan dengan air dari Sistem Perparitan Krian. Sekiranya terdapat kawasan yang tidak boleh menjalankan tanaman padi dua musim setahun, saya berharap Jabatan Pertanian, MARDI, LPP dan agensi lain akan merancang kegiatan ekonomi yang lain supaya yang miskin tidak kekal miskin.

Merujuk kepada Maksud Bekalan B.19, Butiran 050000 MARDI, saya mengucapkan syabas kepada Ketua Pengarah MARDI serta staffnya. MARDI sedang memberi bantuan penyelidikan yang baik kepada semua pihak, baik pun pihak pengeluar mahupun pihak pemeroses. Selaras dengan Dasar Persyarikatan Malaysia, saya menyeru kepada MARDI supaya memberi perkhidmatan yang lebih intensif lagi kepada sektor swasta dalam usahanya untuk mempelbagaikan ekonomi negara kita.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mohon menyokong sekuat-kuatnya peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Pertanian.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Menteri berkenaan menjawab.

*4.51 ptg.*

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan peruntukan bagi Kementerian Pertanian.

Pertamanya saya sentuh berkenaan Jabatan Pertanian. Ahli Yang Berhormat dari Parit menyentuh berkenaan penilaian projek tanaman buah-buahan. Untuk maklumat Yang Berhormat, kajian impact terhadap projek tanaman buah-buahan telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian untuk mengesan kemajuan perusahaan ini. Pada keseluruhannya projek ini telah memberi kesan positif sungguhpun tidak 100%. Ternyata dari jenis buah-buahan yang dikeluarkan sekarang kebanyakannya adalah dari jenis-jenis bahan tanaman yang diberi oleh Jabatan Pertanian.

Untuk mempertingkatkan kemajuan dalam perusahaan ini, pendekatan baru telah dimulakan di mana projek-projek dijalankan secara berkelompok dan bantuan serta latihan diberi secara bersepadu. Ini telah menunjukkan kejayaan.

Berkenaan khidmat kejenteraan ladang, Jabatan Pertanian mengadakan khidmat ini untuk memberikan latihan kepada petani tentang penggunaan alat perkakas, penyelenggaraan dan penyampaian teknologi baru. Tidak ada penyelewengan dalam pemberian khidmat kejenteraan ladang oleh agensi-agensi dalam Kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus menyentuh berkenaan banjir di Kuala Lumpur khususnya di Kampung Bahru. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, mengenai banjir kilat di Kampung Bahru yang dibangkitkan, Jabatan Parit dan Taliair adalah

merancang untuk mengorekkan Sungai Kelang yang berdekatan bagi mengatasi banjir-banjir di kawasan berkenaan. Kerja ini akan bermula dari jambatan Jalan Tun Razak ke jambatan Jalan Sultan Ismail dengan anggaran kos \$3.3 juta.

Berkenaan Jabatan Parit dan Taliair lagi sekali, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, untuk maktumat Ahli Yang Berhormat, satu pelan induk Tebatan Banjir Kuala Lumpur telah disediakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Dengan demikian kerja-kerja telah dan sedang berjalan bagi meninggikan empangan Klang Gates dan membina empangan Batu dan memperbesarkan sungai-sungai utama seperti Sungai Kelang, Sungai Gombak dan Sungai Batu serta anak-anak sungai.

Begitu juga kerja-kerja perparitan bandar. Kerajaan mengambil perhatian berat atas masalah banjir di Kuala Lumpur dan telah memberikan satu peruntukan yang besar walaupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang.

Mengenai Jabatan Perikanan, ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan masalah joint-venture dengan Thailand dan berkenaan penangkapan ikan di laut dalam iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, Besut, Batu Gajah dan Nibong Tebal. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu yang dibangkitkan oleh mereka ialah nelayan-nelayan Terengganu memang sejak dulu lagi telah menangkap ikan di laut jauh seperti memancing dan menggunakan bubu. Oleh yang demikian, menurut Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, isu bahawa nelayan-nelayan tidak berpengalaman dan tidak rela pergi ke laut jauh tidak sepatutnya timbul, dengan ini kerjasama dalam perikanan di laut dalam dengan nelayan asing tidak perlu diadakan.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa walaupun nelayan-nelayan kita telah menceburkan diri di dalam bidang penangkapan ikan di kawasan-kawasan yang jauh dari pantai dengan menggunakan bubu dan pancing seperti di Kepulauan Natuna di kawasan carigali tetapi perkakas yang digunakan adalah hanya jenis tradisi sahaja. Mereka tidak menggunakan alat-alat moden dan sofistikated yang lebih menguntungkan dari segi hasil tangkapan. Walau bagaimanapun, Jabatan Perikanan telah mengeluarkan 74 lesen laut dalam kepada nelayan-nelayan Terengganu daripada jumlah 356 iaitu 20% tetapi sehingga sekarang cuma 11 bot sahaja yang ada beroperasi.

Penangkapan ikan di laut jauh adalah berbeza daripada di laut dalam. Penangkapan ikan di laut dalam memerlukan alat-alat moden serta pengurusan dan teknologi yang lebih teratur dan sotistikated. Ini akan melahirkan syarikat-syarikat perikanan yang maju, besar dan menguntungkan. Oleh yang demikian, kerjasama daripada pihak-pihak yang berpengalaman adalah diperlukan di dalam bidang ini dari semasa ke semasa. Bidang kerjasama ini hanya meliputi aspek-aspek tertentu sahaja seperti pemasaran, penukaran kepakaran dan pemindahan teknologi. Aspek-aspek ini dijalankan oleh syarikat tempatan sepenuhnya.

Berkenaan isu kedua yang dibangkitkan ialah mengenai syor supaya Syarikat seperti K & I Industries diwujudkan untuk nelayan-nelayan tertentu. Ingin dijelaskan di sini bahawa memanglah telah menjadi hasrat Kerajaan untuk memberikan kemudahan yang saksama kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, di dalam hal ini kegiatan yang hendak dijalankan ini hendaklah berdaya-maju dengan berkeuntungan. Selaras dengan hasrat ini, Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah syarikat Malaysian Deep Sea Fishing

Corporation yang akan menjalankan kegiatan menangkap ikan laut dalam. Dalam hal ini nelayan-nelayan tempatan akan menikmati faedah melalui pendedahan nikmat dan persatuan nelayan di dalam penubuhan tersebut.

Tuan Pengerusi, setakat ini tidak ada sebarang perjanjian kerjasama mahupun usahasama perikanan di antara Kerajaan Malaysia dengan Thailand, tetapi hanya terdapat kerjasama perikanan dalam bidang pemasaran di peringkat luar dari Kerajaan Malaysia dan Thailand, di antara dua buah syarikat iaitu sebuah darinya ialah dari tempatan dan sebuah lagi dari Thailand. Oleh yang demikian, tidaklah timbul mengenai soalan adakah perkara tersebut sebagai satu langkah percubaan atau berterusan dan berapa tahunkah lamanya tempoh perjanjian tersebut.

Soalan sama ada nelayan-nelayan Malaysia boleh dibenarkan untuk menangkap ikan di perairan Thailand, masalah ini tidak timbul sebab kita tidak mendapat apa-apa permohonan daripada nelayan Malaysia.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit menyentuh berkenaan perkembangan teknologi kepada petani-petani. Kementerian telah mengambil beberapa tindakan untuk "memastikan teknologi disampaikan kepada petani-petani melalui program seperti 2L latihan-latihan singkat, petak-petak demonstrasi, pilot projek dan sebagainya yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian, FAMA, LPP dan sebagainya. MARDI sendiri mengadakan projek Local Verification Trials, dengan izin (LVT) di kawasan-kawasan pertanian dengan kerjasama petani untuk mencuba benih-benih baru. teknologi-teknologi baru. Dalam industri makanan, MARDI mengambil beberapa usahawannya sebagai anak angkat membimbing mereka sehingga berjaya.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap membangkitkan masalah kerbau dan kacang kelisa. MARDI memang memberi perhatian sewajarnya ke atas ternakan kerbau. Bidang-bidang penyelidikan yang diberi perhatian ialah dalam, (1) pembiakan; (2) pemakanan dari berbagai sumber makanan; (3) sistem-sistem pengurusan atau management yang sesuai. Hasil-hasil menunjukkan bahawa kerbau boleh memakan berbagai jenis input, hasil-hasil sampingan seperti jerami padi, palm kernel cake dan lain-lainnya. Kerbau boleh ditenak secara feed-lot system dengan increase daily weight, dengan izin, yang memuaskan. Daging-daging kerbau memang baik, lembut dan sedap dimakan jika kerbau dibela bukan daripada kerbau yang bekerja dan yang sudah tua dan dipelihara dalam sistem pengurusan yang baik.

Berkenaan dengan kacang kelisa, dalam penyelidikan tanaman kacang kelisa, penyelidikan telah pun dijalankan untuk memilih variety atau jenis yang mempunyai hasil yang tinggi. Ini masih dijalankan. Pihak saintis MARDI tidak mengabaikan tanggungjawabnya terhadap sumber-sumber negara yang ada seperti kerbau, kacang kelisa seperti yang disebutkan tadi, malahan mengkaji segala jenis tanaman indigenous di negara ini untuk melihat potensinya dalam industri pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus juga menyentuh sedikit berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Pihak LKIM ada menyediakan infrastruktur seperti pelaburan dan kompleks pendaratan telah dibina bagi menyediakan kemudahan pendaratan untuk bot-bot yang lebih besar. Untuk memudahkan nelayan-nelayan mempunyai bot-bot yang lebih besar, Kerajaan telah mengatur program skim kemudahan kredit bagi membolehkan mereka membuat skim pinjaman khas pertanian SPKP dan

juga pinjaman biasa daripada Bank Pertanian Malaysia. Ini termasuk juga kemudahan untuk membolehkan nelayan-nelayan membeli alat komunikasi seperti radio, telefon untuk berhubung dengan Pusat Keselamatan Maritim.

Berkenaan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang, Yang Berhormat dari Parit ada membangkitkan beberapa isu. Berkenaan dengan subsidi baja, adalah tidak benar dakwaan bahawa orang tengah yakni pembekal dan pengedar baja padi mendapat keuntungan yang berlebihan daripada skim subsidi baja padi. Beberapa peraturan perlu dipatuhi dalam mendapatkan bekalan baja. Kementerian Pertanian mendapat bekalan baja tunggal melalui kontrak pusat, iaitu daripada kontraktor yang telah dipilih oleh Kementerian Kewangan. Dalam membuat pemilihan tersebut pihak Kementerian Kewangan mengambilkira beberapa kriteria penilaian termasuk juga keuntungan yang akan diperolehi oleh pembekal. Di dalam perlantikan pembekal baja campur pula, Kementerian Pertanian memastikan bahawa pembekal yang dipilih, iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memperoleh keuntungan yang berpatutan setelah mengambilkira kos yang terlibat bermula dari peringkat penerimaan bekalan baja tunggal di pelabuhan. Mengenai pengimportan terus baja bagi skim subsidi baja, pihak NAFAS telah pun menghantar memorandum kepada Kerajaan untuk pertimbangan bagi mengimport terus bahan mentah baja. Mengenai harapan kepada NAFAS bagi melaksanakan kontrak-kontrak yang diberi seperti skim telur ayam, payung dan ayam daging, usaha-usaha sedang dilaksanakan oleh NAPAS dan Pertubuhan Peladang Kawasan menerusi penyelarasan dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk mewujudkan penternak-penternak bumiputera.

Ahli Yang Berhormat dari Parit juga menyentuh berkenaan pinjaman daripada Bank Pertanian. Bank Pertanian ada dua skim pinjaman sahaja. Kategori satu ialah projek-projek bercorak komersial diberi syarat-syarat komersial. Syarat-syarat ini pun lebih longgar dari bank-bank komersial. Kategori dua, projek-projek bercorak pembangunan atau sosial diberi syarat-syarat istimewa dan concessionary, dengan izin. Projek-projek ini mestilah di bawah Skim Pusat Kredit Pertanian dan bagi golongan petani di bawah paras kemiskinan. Contoh syarat-syarat ialah jumlah pinjaman 90% atau 100%; kedua, tempoh pinjaman lebih lanjut; ketiga, kadar faedah 4% setahun. Projek tanah terbiar yang dilaksanakan oleh kumpulan usahasama ialah di bawah skim SPKP yang saya telah sebutkan dan boleh dipertimbangkan di bawah syarat-syarat istimewa.

Berkenaan dengan skim subsidi padi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan, Yang Berhormat mendakwa skim ini tidak menguntungkan petani-petani di kawasannya tetapi pembeli-pembeli padi. Ini tidak mungkin kerana subsidi dibayar terus kepada petani selepas ia menjual padinya. Bagaimanapun saya ingin menasihatkan petani-petani terutama di kawasan Yang Berhormat supaya menjual padi di pusat-pusat belian padi yang diiktiraf oleh Lembaga Padi Negara pada waktu yang ditetapkan iaitu pukul 8.00 pagi sehingga 4.00 petang ketika kakitangan LPN bertugas supaya mendapat subsidi yang betul jumlahnya.

Berkenaan latihan nelayan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batu Gajah, Jabatan Perikanan menjalankan beberapa jenis kursus seperti penyelenggaraan enjin, operasi pukot, alat-alat menangkap ikan dan pelayaran untuk semua golongan nelayan. Dalam tahun ini hingga bulan

Oktober seramai 1,425 orang nelayan yang dilatih dan bilangan yang telah menerima latihan di negeri Perak ialah 78 setakat ini.

Akhirnya berkenaan Dasar Pertanian Negara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan. Penyelidikan MARDI di Sarawak adalah bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Sarawak. MARDI menjalankan projek-projek penyelidikan sebagai 'complement' kepada usaha-usaha Jabatan Pertanian Sarawak. Kerjasama ini berjalan baik, maka tidak perlu MARDI dan Jabatan Pertanian Sarawak disatukan.

Tuan Pengerusi, saya harap bahawa saya telah menjawab sebanyak mana yang boleh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Di atas perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab, dimaklumkan bahawa perkara-perkara tersebut akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$636,404,300 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$636,404,300 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$773,452,280 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah dituluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$773,452,820 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

*Maksud B.20 (Jadual)—*

*Maksud P.20 (Anggaran Pembangunan 1988)—*

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kepala B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

*5.15ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, saya hanya hendak membangkitkan satu perkara sahaja dalam perbahasan atas Maksud Bekalan B.20, muka surat 102, Butiran 040000 Perlindungan Pengguna.

Bercakap mengenai perkara perlindungan pengguna, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa Kerajaan supaya berbuat lebih untuk memberi pertolongan bagi perlindungan pengguna daripada hanya memberikan perhatian token bagi hal ehwal pengguna.

Saya mencadangkan bahawa Kerajaan patutlah mengkaji semua usaha yang diambil setakat ini bagi menggalakkan "consumerism" dan melindungi kepentingan pengguna dengan tujuan ke arah menilai sejauh mana usaha ini benar-benar berfaedah kepada para pengguna di negara ini.

Sejauh saya menyedari langkah yang diambil oleh Kerajaan sehingga hari ini, pada anggapan saya adalah tidak berkesan dalam membantu mewujudkan satu pergerakan pengguna yang kuat, yang dinamis, dalam negara ini yang khusus memberi perlindungan kepada para pengguna dan mendahulukan kepentingan pengguna. Apa yang Kementerian

yang berkenaan telah buat setakat ini ialah penubuhan sebuah Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna Kebangsaan dengan berbagai Jawatankuasa Kecil untuk ditubuhkan bagi mengendalikan pendidikan pengguna, kajian harga, etika perniagaan yang baik, pengiklanan serta kawalan mutu. Majlis hanya berbentuk penasihat dan nasihatnya boleh ditolak, lebih-lebih lagi orang ramai tidak begitu mengetahui apa-apa kegiatan Majlis dan sejauh mana nasihat atau rekomendasi Majlis diterima oleh pihak Kerajaan ataupun Kementerian yang berkenaan. Kerajaan juga tidak memberi bantuan kewangan yang mencukupi kepada pertubuhan pengguna bagi menjalankan kegiatan mereka dalam menggalakkan "consumerism" dan didahulukan kepentingan pengguna.

Pemberian tahunan (annual grant), dengan izin, dalam bahasa Inggeris, yang disalurkan kepada pelbagai Persatuan Pengguna di seluruh negara adalah kecil dan tidak banyak boleh membantu Persatuan-persatuan Pengguna itu. Apa yang mereka dapat ialah untuk bayaran sewa pejabat yang kebanyakan ini digunakan untuk tujuan ini. Adalah lebih bermakna bagi Kerajaan menubuhkan Pusat Perlindungan Pengguna dalam berbagai negeri bagi membantu badan-badan pengguna menerima aduan-aduan pengguna. Apa yang Kerajaan patut juga berbuat ialah menyediakan Pusat Ujian Barangan bagi membolehkan Persatuan Pengguna menggunakan kemudahan-kemudahan untuk menguji barang-barang yang mana aduan mengenainya telah diterima daripada orang ramai.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menggesa Kerajaan mengkaji berbagai undang-undang yang ada berkaitan dengan perlindungan pengguna di negara kita.

Pada masa ini terlalu banyak undang-undang yang sedia wujud di negara kita dan saya mencadangkan di sini bahawa semua undang-undang ini patut digabungkan menjadi satu undang-undang yang tunggal, yang comprehensive, yang boleh dipanggil misalnya Akta Perlindungan Pengguna yang akan membuat peraturan ke atas semua hal ehwal perlindungan pengguna dan peranan Persatuan-persatuan Pengguna. Adalah juga pandangan saya bahawa masanya telah tiba bagi Kerajaan dan khususnya Kementerian yang berkenaan memberi pemikiran yang serius, sama ada ianya serupa dengan pertentangan kepentingan ataupun conflict of interest, dengan izin, bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengendalikan hal ehwal pengguna, kerana Kementerian wujud pada asasnya ialah untuk menjaga kepentingan pengeluar, pengusaha-pengusaha dan para pelabur. Kepada saya ini merupakan satu yang saya sifatkan sebagai pertentangan kepentingan ataupun conflict of interest.

Saya sesungguhnya merasa bahawa Unit Perlindungan Pengguna yang wujud sekarang di dalam Kementerian Perdagangan hendaklah dikeluarkan ataupun hendaklah diasingkan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini pada anggapan saya adalah sangat wajar kerana hal ehwal pengguna yang dialami oleh rakyat jelata pada hari ini adalah sangat comprehensive dan hal ehwal pengguna itu ataupun masalah-masalah pengguna ini adalah berkait lebih daripada satu Kementerian ataupun satu Jabatan yang berkenaan. Jika Kerajaan benar-benar committed kepada perlindungan pengguna dan menggalakkan kepentingan pengguna di negara kita maka ia patut mempunyai sebuah Kementerian berasingan untuk menguruskan hal ehwal pengguna. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bagan.

5.20 ptg.

**Tuan Teoh Teik Huat (Bagan):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan dalam peringkat Jawatankuasa ini. Saya merujuk kepada Maksud B.20 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Butiran 020000 Penggalakan Perdagangan dan Butiran 030100 Kemajuan Perindustrian di muka surat 101 dan 102 di dalam Anggaran Perbelanjaan tahun 1988.

Di muka surat 111 Anggaran Belanjawan—Program dan Prestasi di bawah program kemajuan perindustrian Section (c) adalah dinyatakan bahawa tujuan program ini ialah untuk menggalak dan mendorong pelabur-pelabur tempatan dan asing melabur dalam sektor perkilangan.

Soalan yang ingin saya tanya ialah sejauh manakah kejayaan program penggalakan pelaburan kita dan apakah sebab-sebab punca prestasi kita yang lembab berbanding dengan jiran-jiran kita negara-negara ASEAN seperti Thailand, Singapura, Indonesia dan Filipina.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini rakyat Malaysia telah dihidangkan dengan satu sajian propaganda yang top-class di dalam akhbar-akhbar negara kita. Akhbar *The New Straits Times* kita dipenuhi dengan laporan-laporan berkenaan pelabur-pelabur asing yang ingin melabur di negara ini sejak beberapa hari yang lalu. Hari demi hari kita telah disajikan dengan headline muka hadapan di *The New Straits Times* yang berbunyi, dengan izin, Tuan Pengerusi:

"Top marks for our investment policies, Malaysia have potential,

says Arab trader, Japanese to reallocate here, Italian increasing investment," dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, menyedari akan kejatuhan yang begitu ketara di atas tarat" profesional akhbar-akhbar kita selepas pembatalan tiga akhbar kita harus menyoal sejauh manakah boleh dipercayai akan kebenaran laporan-laporan akhbar ini. Walaupun kemungkinan pelaburan-pelaburan tersebut akan mengalir ke negara ini pengakuan-pengakuan yang sebegitu rupa adalah mengelirukan orang awam tentang kedudukan sebenar ekonomi kita. Taraf semasa pelaburan-pelaburan asing dan tempatan ke dalam negara ini hendaklah diukur dengan sebenar-benarnya dan ianya hendaklah dibandingkan dengan potensi yang menyeluruh bagi menarik pelaburan-pelaburan tersebut.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya menyebut bahawa ekonomi negara kita mempunyai potensi untuk berkembang dengan lebih pesat lagi. Negara mempunyai asas-asas sumber asli yang kaya, sistem infrastruktur yang baik, tenaga manusia yang berpelajaran dan kemahiran yang cukup untuk memenuhi keperluan sebuah ekonomi yang moden. Saya setuju sepenuhnya dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tetapi adakah kita benar-benar menyedari potensi-potensi yang kita mempunyai secara menyeluruh dengan mempunyai semua kehendak-kehendak yang diperlukan kenapa kita masih tidak mampu untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur mahupun tempatan atau asing.

Tuan Pengerusi, punca yang menyebabkan kelembapan ekonomi Malaysia bukanlah sahaja di atas kelembapan ekonomi dunia tetapi lebih berpunca dari krisis keyakinan yang berterusan yang masih belum

diatasi di mana pihak Kerajaan masih tidak mahu mengakui. Percanggahan kepentingan rasuah di kalangan atasan, sikap tidak amanah dan kelakuan yang tidak beretika di dalam Kerajaan telah juga menyebabkan kepada hilangnya kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap Kerajaan dan integriti dan kejujuran sektor-sektor awam. Kekurangan keyakinan terhadap Kerajaan oleh kedua-dua pelabur-pelabur dalam dan luar telah menjadi lebih mudarat disebabkan oleh tercetusnya ketegangan perkauman yang hangat di dalam negara ini yang menyebabkan prestasi yang lemah dalam baik pulih ekonomi kita dan bukan sahaja kemerosotan ekonomi dunia seperti yang dinyatakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya telah membuka pekung di dada dan mencantumkan perkara ini dengan begitu cantik sekali apabila beliau menyatakan di dalam akhbar *The Star* pada 20hb Jun, 1986 dan saya petik, dengan izin, Tuan Pengerusi:

"In the past business is business and politics was politics. Now they are inter-woven. If you say you want a share of a certain company just because you are from a certain community. They will tell you to get lost. Politicians however find the opportunity for investment and it is up to the Board of Directors to follow through. If there is no political influence even a company with the paid-up capital as much as \$200 million would not be able to make 20 cents.

**Dato' Kok Wee Kiat:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Maaf, Tuan Pengerusi, tetapi saya fikir Yang Berhormat berkenaan bahas sekarang dasar-dasar, bukan butir-butir.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Tuan Pengerusi, ini mengenai perindustrian. Boleh saya teruskan?

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Dan dengan corak yang sama sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya ia boleh juga ditaksirkan bahawa di dalam negara ini dengan pengaruh politik satu syarikat \$2 dengan senangnya boleh membuat \$200 juta. Inilah keadaan yang sebenar dalam negara kita pada hari ini. Adakah menghairankan jika pelabur-pelabur tidak berminat melabur di negara ini?

Tuan Pengerusi, nampaknya Kerajaan lebih berusaha untuk menarik pelabur-pelabur luar dan telah putus asa terhadap pelaburan-pelaburan dalam negeri. Dalam ucapan-ucapan Belanjawan bagi tahun lepas dan juga tahun ini Yang Berhormat Menteri Kewangan menyeru supaya pelabur-pelabur sektor swasta memainkan peranan utama bagi menaikkan taraf ekonomi kita yang lemah.

Soalan yang harus ditanyakan ialah mengapakah sektor swasta dalam negeri tidak menyahut seruan-seruan beliau. Pihak Kerajaan seolah-olah tidak mahu mengerti bahawa kekurangan keyakinan pihak pelaburan bukan kerana cukai-cukai tertentu atau insentif tetapi adalah kerana iklim ekonomi seluruhnya yang mengakibatkan kejatuhan yang teruk kepada pelaburan swasta sejak tahun 1985. Cara pelaksanaan oleh pihak Kerajaan terhadap ekuiti 30% kepada bumiputera dalam Dasar Ekonomi Baru tidak kira bahawa ekonomi berterusan menamatkan penyertaan swasta tempatan. Jika dengan perkara di atas tidak mencukupi maka terdapat penyertaan-penyertaan baru-baru ini oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang mendesak untuk meneruskan

Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri dengan secara terbuka telah menyatakan di dalam akhbar bahawa ekuiti bumiputera kemungkinan akan ditambah kepada 50%. Ini telah melanjutkan rasa kekurangan keyakinan pelabur-pelabur tempatan. Dengan perasaan yang tidak menentu sedemikian maka tidak hairanlah bahawa pelabur-pelabur tempatan tidak menyahut seruan oleh pihak Kerajaan untuk memainkan peranan utama dalam ekonomi kita. Melalui dasar yang demikian negara ini telah kehilangan tenaga mahir, pihak bukan Melayu yang dapat menyumbangkan dengan besarnya kepada pembangunan negara ini. Bukan sahaja dasar-dasar demikian telah menyekat penyertaan sektor swasta tempatan dalam ekonomi negara kita, ianya juga adalah bertanggungjawab bagi pengaliran keluar modal-modal dalam negeri ke luar negeri.

Adalah dianggarkan bahawa lebihkurang \$3 ke \$3.5 billion setahun telah dihantar ke luar negeri bagi maksud pelaburan dan simpanan oleh rakyat Malaysia. Kajian pada tahun 1986 oleh Morgan Guaranty Trust Company telah menganggarkan bahawa jangka masa 10 tahun iaitu dari tahun 1976 kepada tahun 1985 pengaliran wang keluar dari Malaysia berjumlah US\$12 billion atau M\$30 billion.

Pengaliran wang keluar tersebut adalah bukti yang cukup nyata akan kegagalan pihak Kerajaan untuk menarik dan mengekalkan keyakinan pelabur-pelabur tempatan. Dan dari jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini pada 5hb bulan ini kepada soatan yang dibangkitkan oleh saya berkenaan pengaliran wang keluar dari negara ini adalah nyata bahawa pihak Kerajaan tidak mahu mengakui akan seriusnya masalah ini dan juga

mengakui akan hakikat ini. Selagi pihak Kerajaan masih mengekalkan arah ini dan cara pelaksanaan dasar-dasar tidak dibaiki penyertaan sektor swasta tempatan akan berada di tahap yang minima.

Adalah biasa jika semua seruan-seruan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan akan menjadi sia-sia sahaja dan insentif-insentif yang bagaimana sekalipun tidak akan menarik pelabur-pelabur tempatan jika pelaksanaan dasar-dasar asas ini yang berbeza-beza tidak diberhentikan. Cabaran yang hebat sekali bagi pihak Kerajaan ialah bagaimana ia dapat menarik rakyat Malaysia untuk menyahut seruan-seruannya bagi membuat pengorbanan untuk berdepan dengan ekonomi yang kucar-kacir yang kita hadapi sekarang. Dalam perkataan lain untuk mendapatkan kembali keyakinan orang ramai ini tidak akan tercapai, melainkan pihak Kerajaan mengiktirafkan hakikat ini dan membuat beberapa perubahan kepada dasar-dasarnya bagi memastikan bahawa semua rakyat Malaysia tidak kira bangsa tidak mempunyai perasaan bahawa mereka diabaikan dan dibeza-bezakan. Dan dengan pelabur-pelabur asing, keyakinan pelabur-pelabur adalah satu perkara yang perlu dipupuk melalui dasar jangka tetap. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Sekian.

5.32 *ptg.*

**Tuan Chua Jui Meng (Bakri):** Tuan Pengerusi, saya tidak ingin membahaskan atas Kementerian ini tetapi bila mendengar kawan saya Ahli Yang Berhormat dari Kampar yang menyebutkan perkara krisis keyakinan. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bagan.

**Tuan Chua Jui Meng (Bakri):** Ya, Bagan. . . . yang patut pada masa ini kita hendak menggalakkan pelaburan di dalam negeri kita, kita mestilah meyakinkan pelabur mahupun dari luar negeri atau dalam negeri untuk melabur dalam negeri kita, sebab untuk mengurangkan pengangguran yang kita hadapi.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan atas muka surat 102, Maksud Bekalan 20 iaitu Butiran 03000—Penggalakan Perindustrian.

Yang sebenarnya, pada masa kini Kerajaan sudah menunjukkan kejujuran atas menarik pelaburan masuk dalam negeri mahupun daripada luar negeri ataupun daripada dalam negeri iaitu pelabur swasta. Pada tahun yang baru lalu Kerajaan sudah memberikan banyak insentif kepada pelabur-pelabur dengan menggubalkan satu Akta baru iaitu, dengan izin, Promotion of Investment Act 1986.

Pada tahun ini juga Kerajaan sudah memberikan banyak insentif kepada pihak swasta untuk melabur dalam negeri kita iaitu dengan penghapusan cukai keuntungan berlebihan syarikat. Ada pihak-pihak menganggap ini tidak cukup satu kekurangan cukai yang tidak memuaskan, tetapi Menteri Kewangan sudah melafazkan iaitu itu satu peringkat yang pertama. Pada masa akan datang secara peringkat demi peringkat cukai ini akan diturunkan. Dengan itu juga ada elaan pelaburan semula dilanjutkan lebih lagi dua tahun dan dinaikkan kepada 40% itu untuk menggalakkan pelaburan untuk melabur semula (reinvestment) atau new investment dibuat daripada keuntungan mereka dalam negeri kita. Banyak lagi insentif yang diberikan kepada pihak swasta dan pada hemat saya apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini, Kerajaan kita jujur dan ikhlas untuk menggerakkan ekonomi

kita dan menggerakkan sektor swasta melabur di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan atas perindustrian kecil dan perindustrian sederhana. Pada masa dahulu Kerajaan yang mengangap big is beautiful—besar adalah indah. Tetapi pada masa kini konsep itu telah diubah iaitu small is beautiful. Daripada small is beautiful kita menggerakkan perindustrian kecil dan perindustrian sederhana. Itu untuk memberikan lebih pekerjaan kepada penganggur-penganggur di negara kita yang kian meningkat.

Seperti di negeri Taiwan yang sudah berjaya secara besar-besaran atas perindustrian kecil dan perindustrian sederhana. Konsep perindustrian kecil dan sederhana bukanlah satu konsep yang baru dan bukan yang dipraktikkan sahaja oleh negara yang sedang membangun seperti Malaysia, Thailand dan sebagainya, tetapi yang sebenarnya dalam negara-negara yang sudah maju atau dalam negara-negara newly industrialised countries seperti Taiwan sudah lama mengamalkan konsep perindustrian kecil seperti kalau saya boleh baca dalam buku ini, "Small Industries: Malaysia" yang baru dikeluarkan. Di negara yang sedang maju seperti United States of America—Amerika Syarikat dan Kanada, perindustrian kecil ini dianggap sebagai satu sektor yang penting dan perlu dalam negara yang sudah maju. Seperti di Amerika Syarikat, ada administration dipanggil namanya "The Small Business Administration", sudah berusia 30 tahun dan The Small Business Administration pada tahun 1976, The U.S. Congress sudah menggubal satu undang-undang baru dan mewujudkan The Office of Advocacy in the Small Business Administration, dengan izin, saya petik:

"To protect, strengthen and effectively represent small business within the Federal Government thereby ensuring that the small

business would be the cornerstone of the US Free Enterprise System".

Itu menunjukkan the small industry atau small business ialah cornerstone satu-satu negara yang begitu besar dan kuasanya begitu besar—Amerika Syarikat sama juga dengan Kanada. Kanada dia melihat small industries—perindustrian kecil dengan begitu penting, sebab itu dia ada seorang Menteri berasingan untuk perindustrian kecil disebutkan di Kanada—Minister of State for Small Business.

Di Taiwan pun saya ingat ada satu agensi, ada satu department dalam Kerajaan untuk menjaga small industries dan mengutamakan small industries—perindustrian kecil dan perindustrian sederhana. Itulah tinjauan daripada sejarah negara-negara yang sedang maju (developing countries) yang sekarang sudah masuk kepada golongan the newly industrialised countries atau sudah masuk ke dalam golongan negara-negara yang sudah maju. Ini satu ajaran daripada sejarah iaitu kita mesti menerusi perindustrian kecil sebelum kita boleh masuk kepada golongan yang sudah berjaya seperti Amerika Syarikat, Kanada, Taiwan telah menerusi secara industri kecil sebelum dia masuk ke dalam industri-industri secara besar-besaran.

Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya ada satu kampung baru, iaitu Bukit Bakri New Village yang mana ada 13,000 orang penduduk—ada orang Cina, ada orang Melayu, ada orang India. Di kampung itu ada 100 lebih industri kecil, tetapi ia berkembang dengan tidak ada order atau system. Orang kampung baru itu rajin bekerja daripada awal-awal pagi sampai lewat malam, tetapi tidak dengan secara organised state. Mereka tidak taham bagaimana mereka boleh dapat pinjaman daripada "special loan scheme" atau tidak faham menggunakan undang-undang atau

insentif-insentif yang diadakan di negara kita. Kerajaan harus mengorganisasikan semua industri-industri kecil ini. Dengan ini, saya rasa gembira, sebab Kerajaan pada masa ini mengutamakan perindustrian kecil dan ia sudah menubuhkan satu pusat untuk memusatkan data-data daripada perindustrian-perindustrian kecil.

Saya harap satu cara yang kita boleh gunakan untuk meninggikan dan mempertingkatkan prestasi industri-industri kecil, satu bidang daripada ekonomi kita yang begitu penting ialah menggunakan jasa Ahli-ahli Parlimen yang kita ada sekarang. Kita ada Ahli-ahli Parlimen, kita boleh beri kursus khas kepada Ahli-ahli Parlimen untuk mengajar Ahli-ahli Parlimen apalah insentif-insentif yang Kerajaan akan beri kepada industri kecil, apalah pinjaman yang boleh diperolehi oleh pihak swasta dan sebagainya. Dengan cara ini apabila kita balik ke constituency kita, ke kampung-kampung kita, kita boleh mengajar pelabur-pelabur dalam perindustrian kecil bagaimana mereka boleh menggunakan insentif-insentif yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Dengan itu, saya harap pihak Kerajaan akan mengambil tindakan supaya kita boleh mempelajari daripada negara-negara seperti Taiwan yang sudah berjaya dalam bidang perindustrian kecil dan sederhana.

Saya harap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh mempertimbangkan ini dan boleh hantar satu team ke Taiwan, ke Amerika dan ke Kanada umpamanya untuk belajar sistem mereka dan bagaimana ia boleh menggerakkan perindustrian kecil. Saya sendiri volunteer untuk pergi ke Taiwan untuk mengkaji sistem yang ada sekarang di Taiwan, dengan Timbalan Menteri daripada Kementerian berkenaan.

Itulah sahaja sedikit pandangan saya mengenai Kementerian ini. Terima kasih.

5.44 ptg.

**Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):** Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh sedikit berkenaan dengan muka surat 101, Butiran 020000, Aktiviti 020200—Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, baru-banj ini ekonomi-ekonomi yang maju seperti Jepun, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah Barat sudah nampaknya pulih dan sedang bertumbuh dengan pesatnya. Oleh yang demikian, potensi bagi negara-negara yang membangun seperti Malaysia untuk memasarkan barang-barang perindustrian kita bertambah baik. Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, terutama sekali Bahagian Perdagangan Antarabangsa kerana bergerak secara aktif untuk menembusi pasaran negara-negara yang maju.

Tuan Pengerusi, seperti diketahui umum pasar-pasar negara-negara yang maju terbuka pada teorinya dan di forum-forum antarabangsa seperti Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu dan Persidangan UNCTAD, pemimpin-pemimpin politik negara-negara yang maju berikrar komitmen mereka terhadap falsafah perdagangan bebas atau free trade yang berasal dari dunia barat. Tetapi apabila pegawai-pegawai negara-negara yang membangun seperti Malaysia bertemu dan berunding dengan pegawai-pegawai perdagangan di negara-negara yang maju, mereka diberitahu bahawa bukan semuanya barang-barang yang dibuat oleh negara-negara yang membangun bebas masuk ke pasar mereka. Mereka diberitahu ada sekatan, ada tarif, ada halangan bukan tarif seperti kuota yang dikenakan ke atas barang-barang seperti pakaian dan kasut.

Tuan Pengerusi, di Dewan ini saya ingin menegaskan bahawa negara-negara yang membangun bukan

meminta bantuan kewangan daripada negara-negara yang sudah maju dengan tempurung-tempurung kita. Kita cuma minta peluang untuk berniaga dengan mereka. Dengan perkataan lain, kita minta peluang untuk beruntung wang negara-negara yang maju dan mereka patutlah menyambut baik usaha kita kerana ini ialah selaras dengan kehendak negara-negara yang membangun.

Tuan Pengerusi, saya pernah mendengar di berbagai-bagai sidang antarabangsa, pensyarah-pensyarah dari negara-negara yang maju yang mengatakan bahawa sekiranya negara yang kurang maju ingin maju, mereka patutlah jangan bergantung kepada bantuan luar negeri (foreign aid), mereka terpaksa berdikari dan mereka patut berniaga dan mencari keuntungan melalui perniagaan. Tetapi malangnya, apabila negara-negara yang kurang maju mencapai satu tahap dalam perindustrian yang tinggi dan dapat mengeluarkan barang-barang bermutu tinggi dengan harga yang berpatutan, mereka disekatkan dengan halangan tarif dan bukan tarif.

Tuan Pengerusi, saya menggesa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya mengambil langkah-langkah yang lebih aktif dan agresif lagi untuk menembusi pasaran-pasaran negara yang maju. Di samping menghantar misi-misi perdagangan, dan di samping mendapat bantuan daripada Kedutaan-kedutaan kita, saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya berhubung dengan kumpulan-kumpulan pengguna-pengguna di negara-negara yang maju. Dan melalui kumpulan-kumpulan pengguna menjelaskan kepada pengguna-pengguna di negara-negara yang maju bahawa sekiranya halangan tarif dan bukan tarif dihapuskan, pengguna iaitu mereka akan dapat membeli barang-barang perindustrian

seperti pakaian dan kasut yang bermutu tinggi dengan harga yang bersaing dan berpatutan.

Seperti kita maklum, kumpulan-kumpulan pengguna di Jepun, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah Barat amatlah berpengaruh dalam masyarakat mereka. Dan saya haraplah Kementerian akan memberi pertimbangan kepada cadangan ini iaitu menggunakan pergerakan pengguna untuk melawan pihak-pihak protectionis, kepentingan-kepentingan protectionist di negara-negara yang maju.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong sekuat-kuatnya peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Seremban.

5.52 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Pengerusi, mengenai Kementerian ini, saya ingin memberi sedikit pandangan saya di bawah muka surat 102, Butiran 020000 Penggalakan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara galakan eksport, saya suka menggesa Kerajaan supaya memberi lebih banyak insentif kepada peniaga-peniaga tempatan menyertai Pesta Antarabangsa Malaysia yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada tahun hadapan bagi menggalakkan penyertaan tempatan yang besar dalam galakan eksport. Adalah penting bahawa usahawan tempatan akan dapat menyertai secara lebih luas dalam pameran antarabangsa sebagai satu cara mendedahkan barang-barang keluaran mereka.

Perlu dijelaskan di sini bahawa penyertaan tempatan dalam pameran-pameran yang lalu tidak memuaskan.

Sebagai contoh, lebihkurang 10% peserta dalam Pesta Pengguna Antarabangsa kita akhir Julai lalu adalah usahawan tempatan. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sepatutnya menyediakan lebih banyak insentif bagi menggalakkan syarikat tempatan menyertai Pesta Antarabangsa Malaysia ini. Seharusnya lebih banyak penyertaan tempatan di Pesta Antarabangsa Malaysia 1988 iaitu tahun hadapan, okeh kerana ia satu tempat yang sesuai bagi mendapatkan pendedahan antarabangsa keluaran tempatan. Satu insentif yang boleh disediakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi peniaga-peniaga tempatan yang ingin menyertai Pesta Antarabangsa Malaysia ialah memberi potongan cukai dua kali ganda bagi galakan eksport. Semua perbelanjaan yang dikeluarkan bagi mengambil bahagian dalam pesta itu dan untuk tujuan mencari peluang-peluang eksport bagi keluaran mereka patut diberikan potongan cukai dua kali ganda.

Tuan Pengerusi, di bawah muka surat 102, Butiran 030000 Penggalakan Perindustrian juga, saya mahu beri satu pandangan mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam di mana dia berkata yang beliau berasa dukacita, sebab pengusaha-pengusaha tempatan atau pelabur-pelabur tempatan tidak berminat melabur di negara ini. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bolehkah adakan satu dialog apabila dia berjumpa dengan pelabur-pelabur atau usahawan-usahawan tempatan dan tanya, apa sebab mereka tidak berminat atau tidak mahu melabur di negara kita. Saya rasa ada banyak sebab-sebabnya, Tuan Pengerusi.

- (1) Sebab political. Kalau negara kita tidak ada satu polisi yang saksama kepada semua rakyat, barangkali usahawan-usahawan

tempatan pun rasa tidak ada stabil dan tidak berminat melabur;

- (2) Saya rasa usahawan-usahawan tempatan pun dia menganggap mereka sudah didiskriminasikan kalau dibandingkan dengan usahawan-usahawan asing yang mana ada dapat lebih insentif kalau dibandingkan dengan insentif yang diberikan kepada pelabur-pelabur tempatan.

Saya harap ini diperbetulkan oleh pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Mestilah beri satu treatment atau keadaan yang saksama — jangan didiskriminasikan. Kedua-dua pun sama dan diberi insentif yang serupa juga-

Yang akhir sekali yang sangat mustahak saya harap Kementerian boleh melonggarkan syarat-syarat atau peraturan-peraturan yang dikenakan kepada usahawan-usahawan tempatan.

Misalnya, di bawah Industrial Coordination Act sekarang ada satu syarat di mana kalau ada capital yang lebih \$2½ juta dia mesti ikut syarat-syarat di bawah Dasar Ekonomi Baru (NEP). Saya rasa syarat ini lebih baik ditarik balik dan beri layanan yang serupa seperti yang diberikan kepada usahawan-usahawan dari luar atau asing. Kalau mahu menggalakkan usahawan-usahawan tempatan mengambil partner-partner atau kawan-kawan bumiputera dalam kompeninya lebih baik diberi insentif dengan syarat-syarat tertentu. Kalau insentif diberi, sesiapa pun usahawan baik tempatan ataupun pelabur asing, kalau hendak ikut NEP ini, saya ingat lebih senang dapat mencapai matlamat dan tujuan Dasar Ekonomi Baru.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.58 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan dan cadangan mengenai berbagai perkara yang menyentuh Kementerian saya semasa menimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1988 untuk Kementerian saya.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang menggesa Kerajaan menggalakkan Persatuan Pengguna ditubuhkan dan menggubal satu akta khusus untuk perlindungan pengguna. Juga Yang Berhormat itu menggesa supaya Unit Urusan Hal Ehwal Pengguna dipindahkan ke Kementerian lain, kerana ini menimbulkan conflict of interest, dengan izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, Kerajaan memang memberi perhatian yang berat mengenai perlindungan pengguna dan sebab itulah Majlis Perlindungan Pengguna Kebangsaan ditubuhkan di Kementerian di mana gabungan Persatuan Pengguna diwakili untuk tujuan memberi perlindungan pengguna yang lebih berkesan.

Kerajaan juga sedang mengkaji untuk mewujudkan satu akta perlindungan pengguna seperti yang disyorkan oleh Yang Berhormat supaya Unit Hal Ehwal Pengguna dipindahkan ke Kementerian lain. Kerajaan berpendapat bahawa walau di mana pun Unit ini ditempatkan adalah tidak penting. Apa yang penting ialah sama ada tindakan berkesan diambil untuk perlindungan pengguna-pengguna. Dalam hubungan ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dan akan terus mengambil berbagai langkah dan tindakan untuk kepentingan pengguna.

Berkenaan dengan syor. ....

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun, hendak beri jalan?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Ya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa adalah tidak penting di mana Unit Perlindungan Pengguna diletakkan kecuali unit itu dapat mengambil tindakan yang berkesan. Di sini saya ingin mendapat penjelasan sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa sekiranya Unit Perlindungan Pengguna dapat dipindahkan misalnya ke Jabatan Perdana Menteri, di mana tadi saya ada menyentuh oleh kerana hal ehwal pengguna ataupun masalah-masalah yang dialami oleh para pengguna ini bukankah bersabit dengan satu Kementerian ataupun satu Jabatan sahaja, tetapi masalah itu adalah masalah komprehensif yang meliputi jabatan-jabatan ataupun Kementerian-kementerian yang lain. Maka adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sekiranya Unit Perlindungan Pengguna ini dapat dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri? Ini akan merupakan satu tindakan yang lebih berkesan untuk mengendalikan segala urusan hal ehwal pengguna?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Tetapi saya tidak bersetuju oleh kerana Kerajaan kita ialah bertindak sebagai satu unit. Kalau unit yang bercadang di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian atau di bawah Jabatan Perdana Menteri, kedua-dua pun satu Kerajaan sahaja. Kalau conflict of interest ada di bawah Kementerian saya, conflict of interest pun pindah di bawah Kerajaan kita. Dari segi ini conflict of interest tidak boleh selesai. Itulah pendapat saya.

Tuan Pengerusi, berkenaan syor penubuhan pusat pengguna untuk membuat aduan dan ujian, Kerajaan berpendapat bahawa ia tidak perlu. Sudah wujud Bahagian Penguatkuasa yang mempunyai cawangan di seluruh negara untuk pengguna membuat aduan. Setakat ini tiada timbul masalah untuk pengguna mengeluarkan apa-apa aduan yang mereka hadapi.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Bagan menyebut krisis keyakinan dan perkara-perkara berkaitan hal ini, saya berpendapat itu dan jawatankuasa bukan tempat yang timbul masalah ini oleh kerana itu menyebut dasar-dasar, bukan butir-butir. Tetapi Yang Berhormat ada menimbulkan wang mengalir ke luar negara.

Tuan Pengerusi, dia berkata, saya pada 5hb November, 1987 di jawapan saya tidak mengakui masalah ini. Pada hemat saya masalah ini bukan satu masalah yang boleh melindungi dengan senangnya, oleh kerana di negara kita sekarang, kita ada, dengan izin, fairly relatively free exchange control.

Tuan Pengerusi, mengenai industri-industri kecil dan sederhana, perkara itu dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bakri. Di sinilah saya hendak mengingatkan Yang Berhormat, industri-industri kecil sudah dipindah ke bawah Kementerian yang lain iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Tetapi di sini saya hendak mengambil peluang menerangkan tentang industri kecil dan sederhana. Di Taiwan dan Amerika Syarikat, industri-industri kecil di sana ialah industri-industri besar di sini. Kalau melihat modal, kalau kita berbanding dengan industri-industri di sana dan sini, di sini kita definisi industri-industri kecil ialah tidak lebih \$500,000, tetapi di sana industri kecil contohnya di Amerika

Syarikat, industri-industri kecil modalnya \$3 juta. Kalau kita hendak bandingkan dengan negara-negara yang lain, kita mesti berbanding dengan berhati-hati. Tidak ramai orang hendak bahas, Kementerian ini, Tuan Pengerusi.

Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal mencadangkan Kementerian saya haruslah lebih agresif dan aktif. Saya bersetuju. Di pasaran antarabangsa, kalau kita hendak berjaya, kalau pengeksporth-pengeksporth negara kita hendak berjaya, kita haruslah lebih agresif dan aktif. Kita mesti melawan dengan kuatnya, dengan izin, the growing tendency of protectionism. Malangnya, protectionism itu pada masa sekarang ada timbul di Amerika Syarikat. Kita boleh melihat ada sedikit timbul di Kanada dan beberapa negara di dunia.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban bertanya mengapa pelaburan tempatan tidak ada minat melabur di negara kita berbanding dengan pelabur-pelabur asing dan Yang Berhormat pun ada beri beberapa sebabnya tentang perkara ini.

Saya hendak ambil peluang di sini menerangkan satu misconception, dengan izin, Tuan Pengerusi, iaitu kita ada banyak diskriminasi berbanding di antara pelabur-pelabur tempatan dengan pelabur-pelabur asing, itu tidak benar. Insentif-insentif untuk pelabur-pelabur asing adalah sama dengan insentif-insentif kepada pelabur-pelabur tempatan, tidak ada perbezaan. Yang ada perbezaan ialah syarat mengenai ekuiti. Di sini pelabur-pelabur asing, Kerajaan kita ada melonggarkan syarat-syarat mengenai ekuiti tetapi pada masa sekarang Kementerian saya mengkaji bagaimana kami boleh mengatasi masalah ini, iaitu menggalakkan lebih banyak pelabur-pelabur tempatan melabur di negara ini tetapi kalau kita membandingkan.....

**Dr Chen Man Hin:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Seremban bangun, hendak beri jalan?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Boleh, tetapi bolehkah saya habiskan satu ayat lagi?

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Pada masa sekarang kalau kita membandingkan angka-angka jumlah pelaburan di negara kita untuk 5 tahun yang lepas, kalau saya tidak salah, jumlah angka ialah lebih kurang \$8,000 juta. Di sini lebih kurang \$2,000 juta sahaja dari peiaburan asing tetapi bakinya lebih kurang \$6,000 juta dari pelaburan tempatan.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Pengerusi, mengenai insentif untuk ekuiti, bolehkah Kerajaan beri satu jaminan kepada pelabur-pelabur tempatan di mana ekuiti 100% boleh diberi kepada pelabur tempatan sama dengan pelabur-pelabur asing di mana diberi 100% ekuiti kalau dia semua beri eksport. Bolehkah terangkan?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Pengerusi, saya sudah menerangkan tadi, insentif-insentif semua pun serupa, semua sama, kecuali mengenai ekuiti, itulah! (*Ketawa*)

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Parit bangun. Jikalau sama, tidak keculilah!

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya difahamkan oleh Timbalan Menteri bahawa pelabur-pelabur dalam negeri kurang lebih \$2 ribu juta daripada pelabur asing. Tetapi dalam sektor pembuatan kita dapati pelabur dalam negeri lebih ketara lagi. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berfikir bahawa ini adalah ekoran daripada isurisu sensitif yang dimainkan oleh

pihak Pembangkang ataupun kumpulan yang mirip?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Pengerusi, pelaburan di dalam sesebuah negara, bukan Malaysia sahaja, bergantung kepada political stability, dengan izin. Kalau mana-mana pihak termasuk Pembangkang yang selalu membangkitkan isu-isu sensitif mestilah itu menjejaskan pelaburan.

Tuan Pengerusi, segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan itu akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$92,497,600 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$92,497,600 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$4,316,000 yang disebutkan dalam Maksud P.20 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,316,000 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

*Maksud B.21, B.22, B.23 dan B.24 (Jadual)—*

*Maksud P.21 dan P.24 (Anggaran Pembangunan 1988)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.21, B.22, B.23, B.24 dan P.21 dan

P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Gopeng.

*6.16 ptg.*

**Dr Ting Chew Peh (Gopeng):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 107, Maksud Bekalan B.21, Butiran 030000—Kebudayaan.

Saya ingin menyentuh serba sedikit tentang pelaksanaan Dasar Kebudayaan Nasional. Sejak Dasar Kebudayaan Nasional digubal pada tahun 1971, banyak perkara telah diperkatakan dan berbagai pandangan telah dikemukakan. Malangnya setakat ini beberapa masalah pokok masih belum selesai. Jadi, saya ingin menyentuh masalah mengenai penafsiran dan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Nasional itu.

Tuan Pengerusi, apabila kita menyentuh Dasar Kebudayaan Nasional, tidak dapat tiada kita akan menyentuh ketiga-tiga prinsip pembinaan Kebudayaan Nasional, iaitu:

- (1) Kebudayaan Nasional hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.
- (2) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur-unsur Kebudayaan Nasional.
- (3) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Nasional.

Setakat ini rakyat jelata masih belum sepakat kata tentang penafsiran serta pelaksanaan prinsip-prinsip yang saya sebutkan itu. Beberapa persoalan yang sering dibangkitkan ialah, yang pertama, apakah kebudayaan rakyat asal rantau ini meliputi semua aspek kebudayaan tradisional dan moden ataupun cuma unsur-unsur yang tertentu sahaja dan sekiranya hanya

unsur-unsur tertentu diterima sebagai unsur Kebudayaan Nasional, maka apakah unsur-unsur itu, apakah garis panduan untuk memilih unsur itu dan siapakah yang berkuasa untuk menentukannya?

Soalan yang kedua, mengenai prinsip yang kedua yang saya sebutkan tadi, iaitu istilah wajar dan sesuai tidak pernah diberikan takrif yang tegas. Kedua-dua istilah itu terbuka kepada penafsiran yang berlainan yang sesuai dan wajar bagi satu kaum tidak semestinya sedemikian bagi kaum yang lain. Apa yang sesuai dan apa yang wajar bagi orang-orang Melayu tidak semestinya sesuai dan wajar bagi orang-orang bukan Melayu. Demikian juga keadaan sebaliknya yang dianggap sebagai sesuai oleh orang bukan Melayu tidak semestinya dipersetujui oleh orang-orang Melayu.

Saya ingin mengambil satu contoh. Orang Cina menganggap tarian singa sebagai satu unsur kebudayaan Cina yang cukup penting dan wajar diterima menjadi sebahagian daripada kebudayaan nasional. Tetapi pandangan ini....

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun.

**Dr Ting Chew Peh:** Saya habiskan ayat ini dahulu. Tetapi pandangan ini tidak dipersetujui oleh orang-orang Melayu.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

Baru-baru ini saya berkesempatan melawat negeri China. Semasa lawatan itu, kami telah dapat berbincang dengan beberapa pemimpin negeri China dan sempat bertanyakan sama ada tarian singa merupakan kebudayaan yang penting di negeri China itu. Jawapan yang diberikan oleh beberapa orang

pemimpin di sana ialah, tarian singa tidak lagi merupakan kebudayaan yang dianggap begitu penting sekali oleh rakyat China di negeri China itu sendiri. Jadi saya tidak nampak mengapakah di sini penduduk rakyat Malaysia keturunan Cina memandang seolah-olah tarian singa ini satu perkara yang mesti diwujudkan ataupun tidak boleh diketepikan sama sekali, sedangkan kebudayaan tarian singa ini tidak lagi dipandang penting atau dianggap penting oleh pemimpin-pemimpin Cina di negeri China itu sendiri.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rakyat keturunan Cina di Malaysia tidak sama dalam semua aspek dengan rakyat di tanah besar China. Yang sama itu cuma dari segi warna kulit sahaja. Dari segi kebudayaan, ada perbezaan dan saya katakan bahawa orang Cina di sini menganggap tarian singa itu sebagai satu unsur kebudayaan Cina dan saya rasa itu adalah satu hakikat.

Tuan Pengerusi, jadi timbul masalah bagi kita untuk mencari ukuran bagi menentukan sama ada sesuatu unsur kebudayaan itu sesuai ataupun tidak dan siapakah yang sebenarnya berkuasa menentukan kewajaran ataupun kesesuaian sesuatu unsur itu.

Masalah yang ketiga, mengenai prinsip yang ada hubungan dengan Islam. Soalan yang berbangkit ialah apabila kita menjadikan Islam sebagai unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan nasional, apakah kedudukan agama-agama lain dalam kebudayaan nasional itu? Masalah ini tidak pernah diberikan penjelasan dan persoalan-persoalan yang saya. ....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Larut-bangun. Hendak beri jalan?

**Dr Ting Chew Peh:** Ya.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd.**

**Hassan:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ini berucap mengenai dasarkah ataupun implementasi? Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap atas dasar.

**Dr Ting Chew Peh:** Pelaksanaan dasar itu.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Pengerusi, saya katakan tadi bahawa persoalan tersebut perlu diselesaikan segera untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan salah faham kerana matlamat utama kita ialah membina satu kebudayaan nasional kepunyaan bersama, bukan hakmilik sesuatu kaum yang tertentu. Oleh sebab itu, barang siapa yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Dasar Kebudayaan Nasional hendaklah melakukannya dengan cara yang adil, tegas dan berani tanpa pilih kasih ataupun tunduk kepada sebarang tekanan politik.

Selain daripada masalah yang disebut di atas, timbul pula masalah penyertaan dan penerimaan pelbagai kaum dalam proses pembinaan kebudayaan nasional. Memandangkan kebudayaan nasional itu sepatutnya menjadi hakmilik semua kaum, semua rakyat, maka usaha dan tanggungjawab membinanya perlulah dipikul bersama oleh semua kaum juga. Perhatikan kepada keadaan sekarang di mana kaum bukan Melayu kurang aktif dalam kegiatan-kegiatan membina kebudayaan nasional, maka saya ingin mengesyorkan supaya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan mengkaji masalah itu, mengenalpasti punca-punca masalah itu dan akhirnya mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah itu. Soal penerimaan

bukanlah soal yang baru. Dalam pengertian yang sebenar kebudayaan nasional menjadi kepunyaan bersama dan diterima serta dibanggakan oleh semua lapisan rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Oleh yang demikian, saya mencadangkan pihak Kementerian berikhtiar memastikan kebudayaan nasional yang wujud kelak akan diterima dan dibanggakan oleh semua kaum.

Satu langkah ke arah ini ialah memberi pertimbangan yang wajar kepada semua kebudayaan di negara ini dalam proses mewujudkan kebudayaan nasional). Sekiranya cuma satu kebudayaan yang tertentu diutamakan, sudah tentu akan timbul rasa kurang puas di kalangan kaum yang kebudayaannya diabaikan.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Ahli dari Tanah Merah bangun.

**Dr Ting Chew Peh:** Ya.

**Tuan Hashim bin Safin:** Minta penjelasan, Tuan Pengerusi, Tidakkah salah satu daripada proses pengkebudayaan atau "culturalisation", adalah penerimaan secara ikhlas setelah unsur baik diterima oleh semua pihak. Tetapi nampaknya ada pihak-pihak yang tidak mahu menerima unsur baik sekadar kalau bunyinya Islam ataupun Melayu. Apakah perkara ini tidak dapat dimainkan peranan untuk pihak-pihak tertentu menerima kalau unsur-unsur itu baik demi pengkebudayaan Dasar Kebudayaan kita?

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Pengerusi, di sini kita tldak mahu tuduh menuduh dan menyalahkan mana-mana pihak kerana timbul masalah penerimaan itu. Saya rasa cara yang paling penting, paling berkesan ialah kita. ....

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli dari Tanah Merah bangun pula.

**Dr Ting Chew Peh:** Izinkan saya menghabiskan dahulu.

**Tuan Hashim bin Safin:** Saya minta penjelasan. ....

**Dr Ting Chew Peh:** Saya belum habis ayat saya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tanah Merah, sila duduk! Dia tidak beri jalan.

**Dr Ting Chew Peh:** Saya katakan, cara yang berkesan ialah kita menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji masalah penerimaan itu. Seperti kita sedia maklum salah satu tujuan membina kebudayaan nasional ialah mewujudkan perpaduan negara serta identiti nasional.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta habiskan, Yang Berhormat bercakap sudah lebih daripada 10 minit.

**Dr Ting Chew Peh:** Ya. Dalam konteks ini, pihak Kementerian hendaklah mengambil satu sikap yang agak terbuka dan memastikan kebudayaan nasional itu menjadi kebudayaan bersama sebahagian besar walaupun bukan seluruh rakyat Malaysia dan kebudayaan nasional itu mencerminkan keadaan hidup sebenar rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan kebudayaan nasional dibanggakan oleh rakyat jelata.

Tuan Pengerusi, ada masa? Saya ada sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Sudah cukuplah, Yang Berhormat.

**Dr Ting Chew Peh:** Okay, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Batu Berendam. Sekejap sahaja, esok sambung. (*Ketawa*)

6.29 ptg.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam):** Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Maksud Bekalan 21—Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Butiran 040000, muka surat 107.

Tuan Pengerusi, izinkan saya memberitahu Dewan yang mulia ini tentang pengalaman saya baru-baru ini semasa perjalanan pulang saya dari Los Angeles, Amerika ke Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, semasa di dalam penerbangan di dalam pesawat MAS, saya berkesempatan berbual dengan seorang pelancong berbangsa Amerika yang duduk di sebelah saya. Pelancong tersebut telah memberitahu saya beberapa insiden ataupun masalah-masalah yang dihadapi oleh beliau untuk membuat lawatan ke negara kita ini.....

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, esok beritahu. (*Ketawa*)

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Terima kasih.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*